



KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

LAPORAN AKTIVITI 2021

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA



Excellent Accounting @ Your Service

KANDUNGAN

PERUTUSAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA	2
LATAR BELAKANG	4
VISI, MISI & OBJEKTIF	5
CARTA ORGANISASI	6
PENGURUSAN TERTINGGI TAHUN 2021/2022	8
NILAI BERSAMA & ETIKA KERJA	10
PIAGAM PELANGGAN	12
TAGLINE	13
LAGU JABATAN	14
DIARI	18

LAPORAN AKTIVITI

i) PENGURUSAN TERTINGGI	22
• Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD)	
• Unit Integriti (UI)	
• Unit Undang – undang (UUU)	
ii) PENGURUSAN KORPORAT	36
• Bahagian Pembangunan Perakaunan Dan Pengurusan (BPPP)	
• Bahagian Khidmat Perunding (BKP)	
• Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM)	
• Institut Perakaunan Negara (IPN)	
iii) PENGURUSAN OPERASI	90
• Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat Dan Agensi (BPOPA)	
• Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)	
• Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut (BWTD)	
• Bahagian Akaun Kementerian Kewangan (BA MOF)	
• Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA)	
iv) MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)	120
v) AKRAB	124
vi) PERSATUAN	128
• Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PSA)	
• Persatuan Penolong Akauntan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (PERPENA)	
• Persatuan Pembantu Akauntan Sektor Awam Malaysia (PERBAKTI)	
• Persatuan Suri Dan Anggota Perkhidmatan Awam Malaysia (PUSPANITA)	
• Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JHEAIN)	
vii) KELAB	140
• Badan Kebajikan Perkhidmatan Perakaunan Akauntan Negara Malaysia (BERKAT)	
• Kelab Sukan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (KESAN)	
AHLI JAWATANKUASA	148
PENGHARGAAN	149

PERUTUSAN

Akauntan Negara Malaysia



Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera,
Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang,

Pertama sekali, ucapan syukur saya panjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan izinNya, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dapat menerbitkan Laporan Aktiviti Tahunan bagi tahun 2021 ini.

Dokumen ini diterbitkan bagi merakamkan aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan serta memaparkan pencapaian JANM sepanjang tahun 2021. Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Laporan Aktiviti Tahunan JANM untuk edisi kali ini.

Tahun 2021 menyaksikan usaha kita melawan COVID-19 masih belum berakhir. Namun demikian, berkat doa, usaha, kreativiti, inovasi dan semangat berpasukan warga JANM dengan dibantu oleh kecanggihan teknologi masa kini, kita berjaya melaksanakan tugas yang telah diamanahkan.

Pada tahun 2021, JANM telah berjaya melaksanakan inisiatif Penjenamaan Semula Imej Jabatan (*rebranding*). Menerusi inisiatif ini, JANM telah melancarkan warna korporat, lagu rasmi jabatan, reka bentuk khat kufi, etika pakaian rasmi dan beberapa akaun media sosial rasmi JANM telah diwujudkan. Inisiatif ini akan diteruskan pada tahun 2022 bagi memperkasakan imej Jabatan.



JANM juga terus mengekalkan momentum dan prestasi cemerlang apabila Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) (Asas tunai) Tahun 2020 telah berjaya diserahkan kepada Ketua Audit Negara pada 5 Mac 2021. Penyata Kewangan ini juga telah berjaya mendapat Sijil Audit Bersih dan telah dibentangkan di Parlimen pada bulan Oktober 2021. PKKP Asas Akruan juga telah berjaya disediakan dan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara pada 31 Mei 2021.

Tahun 2021 juga menyaksikan pelaksanaan beberapa inisiatif pendigitalan perkhidmatan Jabatan. Inisiatif ini merupakan usaha Jabatan bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan sejajar dengan keperluan dan situasi semasa. Antara inisiatif pendigitalan

“Pada tahun 2021, JANM telah berjaya melaksanakan inisiatif Penjenamaan Semula Imej Jabatan (*rebranding*). Menerusi inisiatif ini, JANM telah melancarkan warna korporat, lagu rasmi jabatan, reka bentuk khat kufi, etika pakaian rasmi dan beberapa akaun media sosial rasmi JANM telah diwujudkan.”

perkhidmatan yang juga telah digariskan di bawah Pelan Strategik JANM adalah pembangunan sistem terimaan elektronik utama Kerajaan Persekutuan (iPayment). Pelan Induk iPayment telah disediakan pada tahun 2021 dan pembangunan sistem serta pelaksanaan secara *pilot* ke lapan (8) agensi akan dilaksanakan pada tahun 2022. Begitu juga dengan inisiatif pembangunan *mobile apps* sistem eMaklum dan pelaksanaan *digital workspace* bagi pejabat di Ibu Pejabat JANM dan JANM Negeri/Cawangan telah mula digerakkan pada tahun 2021. Teknologi *Robotic Process Automation* (RPA) juga telah mula dikaji pada tahun 2021 bagi membantu JANM dalam tugas operasi harian. Fokus untuk mendigitalkan perkhidmatan ini akan terus diberikan perhatian pada tahun akan datang.

Bagi mendekatkan pelanggan dengan Jabatan serta untuk menyelesaikan isu yang dihadapi pelanggan khususnya berkaitan Wang Tak Dituntut, Hari Bertemu Pelanggan Secara Maya telah dianjurkan oleh Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut mulai tahun 2021. Program ini juga dianjurkan bagi memberi pendedahan kepada orang awam berkaitan Penguatkuasaan Wang Tak Dituntut, Serahan Wang Tak Dituntut, Sekuriti Tak Dituntut dan Tuntutan Wang Tak Dituntut. Insya-Allah program ini juga akan diteruskan.

Pelbagai lagi pencapaian cemerlang JANM yang tidak dapat saya nyatakan di sini. Justeru saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada semua warga JANM di atas pencapaian cemerlang yang telah diukir pada tahun 2021. Harapan saya semoga kecemerlangan ini akan berterusan dan menjadi penanda aras untuk kita mengukir lebih banyak kejayaan di masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

“Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul”

DATUK DR. YACOB BIN MUSTAFA C.A(M)
Akauntan Negara Malaysia

LATAR BELAKANG

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah diwujudkan dengan jawatan Akauntan Negara Malaysia (ANM) di bawah Kementerian Kewangan sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan. JANM bermula dari satu bangunan pejabat yang kecil bertempat di Bangunan Life Insurance Corporation of India di persimpangan Jalan Melaka dan Jalan Tun Perak (Mountbatten Road). Pejabat ini kemudiannya ditempatkan di Bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur dan seterusnya beroperasi di Blok 8, Kompleks Pejabat Kerajaan, Jalan Duta, Kuala Lumpur. Sejak beberapa dekad yang lalu, peranan dan fungsi JANM telah mengalami beberapa perubahan selaras dengan perkembangan sektor awam.

Bahagian-bahagian di JANM terdiri daripada:

1. Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP)
2. Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA)
3. Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut (BWTD)
4. Pasukan Pelaksanaan Perakaunan Akruan (PPPA)
5. Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)
6. Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM)
7. Bahagian Khidmat Perunding (BKP)
8. Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD)
9. Bahagian Akaun Kementerian Kewangan (BA MOF)
10. Institut Perakaunan Negara (IPN)
11. Unit Integriti (UI)
12. Unit Undang-undang (UUU)

Kini, JANM beroperasi di Kompleks Kementerian Kewangan, Presint 2, Putrajaya dan mempunyai 24 pejabat Negeri/Cawangan di seluruh Malaysia.

Peneraju JANM

Jawatan Akauntan Negara yang pertama telah disandang oleh En. G.G.T Browne dalam tahun 1946. Pada tahun 1967, kepimpinan JANM telah diambil alih oleh anak tempatan. Senarai nama Akauntan Negara dari tahun 1946 hingga sekarang adalah seperti berikut:

Akauntan	Tahun
1. G.G. T Browne	1946
2. E.A. Joy	1947 - 1949 dan 1951 - 1952
3. J.H. Newbigging	1953 - 1955 (memangku jawatan Akauntan Negara pada tahun 1950)
4. C.E. Gascoigne	1956 - 1957
5. H.C. Roberts	1958 - 1962
6. D. Mortimer	1964 - 1966
7. YBhg. Dato' Shamsir bin Omar	1967 - 1989
8. Y.M. Raja Dato' Seri Abdul Aziz bin Raja Salim	1990 - 1993
9. YBhg. Dato' Mohamed Adnan bin Ali	1994 - 1999
10. YBhg. Datuk Siti Maslamah binti Osman	2000 - 2003
11. YBhg. Dato' Othman bin Abdullah	2003 - 2005
12. YBhg. Dato' Mohd Salleh bin Mahmud	2005 - 2010
13. YBhg. Datuk Wan Selamah binti Wan Sulaiman	2010 - 2014
14. YBhg. Dato' Haji Che Pee bin Samsudin	2015 - 2017
15. YBhg. Datuk Saat bin Esa	2017 - 2019
16. YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa	2019 - Sekarang

Nota : a) En. Mohammad Raslan bin Abdullah memangku jawatan Akauntan Negara pada tahun 1963.

b) En. Zainul Abidin bin Yahya telah menanggung kerja sebagai Akauntan Negara pada 1989 - 1990.

VISI

Sebagai Peneraju Terbilang dalam Perakaunan Kewangan dan Perakaunan Pengurusan Sektor Awam.

MISI

Mengukuhkan Pengurusan Kewangan Sektor Awam secara berhemat dengan dasar yang progresif dan sistem perakaunan yang efisien menerusi kakitangan profesional dan kolaborasi strategik.

OBJEKTIF

Mempertingkatkan sistem pengurusan perakaunan dan kewangan agensi kerajaan.

Membangun dan melaksanakan sistem pengurusan sumber manusia bagi perkhidmatan perakaunan.

01

Mempertingkatkan akauntabiliti dan ketelusan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Persekutuan.

02

Membantu kerajaan dalam membuat keputusan yang berkesan.


03

04


Mempertingkatkan penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut 1965.

05

CARTA ORGANISASI



*SEPERTI PADA 31 DISEMBER 2021



PENGURUSAN TERTINGGI

Tahun 2021/2022

1. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa
Akauntan Negara Malaysia
2. Encik Mohd Redzuan bin Hasan
Timbalan Akauntan Negara (Operasi)
3. Tuan Haji Rozaimi bin Idris
Timbalan Akauntan Negara
(Korporat)
4. Puan Sarimah binti Husain
Pengarah Bahagian Perkhidmatan
Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA)
5. Puan Nor Yati binti Ahmad
Pengarah Pasukan Pelaksanaan
Perakaunan Akruan (PPPA)
6. Puan Noorlida binti Mohd Khalid
Pengarah Bahagian Pengurusan Audit
Dalam (BPAD)
7. Puan Hanita binti Bunjari
Pengarah Bahagian Pengurusan
Teknologi Maklumat (BPTM)
8. Puan Zainani binti Jusoh
Pengarah Bahagian Akaun
Kementerian Kewangan (BA MOF)
9. Tuan Haji Zaharin bin Othman
Pengarah Bahagian Pembangunan
Perakaunan dan Pengurusan (BPPP)
10. Puan Kalthom binti Salim
Pengarah Bahagian Pengurusan Wang
Tak Dituntut (BWTD)
11. Encik Mohd Azraai bin Md Aznan
Pengarah Bahagian Pengurusan
Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP)



Tiada dalam gambar :

1. **Encik Sadikin bin Aton**
Timbalan Akauntan Negara (Korporat)
(Sehingga 14 November 2021)
2. **Puan Salmiah binti Ramli**
Pengarah Bahagian Perkhidmatan Operasi
Pusat dan Agensi (BPOPA)
(Sehingga 19 Julai 2021)
3. **Encik Muniandy a/l Govindasamy**
Pengarah Bahagian Khidmat Perunding (BKP)
(Sehingga 20 April 2022)
4. **Tuan Haji Ayub bin Haji Zaidin**
Pengarah Bahagian Pengurusan Wang Tak
Dituntut (BWTD)
(Sehingga 1 Mac 2022)
5. **Encik Burhanudin bin Mohd Noor**
Pengarah Institut Perakaunan Negara (IPN)
(Sehingga 14 Jun 2021)
6. **Puan Hawariah binti Idris**
Pengarah Institut Perakaunan Negara (IPN)



NILAI BERSAMA

SPECIAL

S

Mengutamakan pelanggan (*Satisfying the customers*)

Komitded dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti dan unggul untuk memenuhi kehendak pelanggan.

P

Profesionalisme (*Professionalism*)

Kebolehan untuk mempamerkan kualiti dan kompetensi.

EC

Kerja Berpasukan (*Esprit de Corp*)

Bekerjasama sebagai satu pasukan bagi membentuk semangat kekitaan (*sense of belonging*) untuk mencapai visi dan misi.

IA

Integriti dan Akauntabiliti (*Integrity and Accountability*)

Beretika tinggi dalam melaksanakan tugas.

L

Kesetiaan (*Loyalty*)

Setia kepada jabatan, kerajaan dan negara.

ETIKA KERJA

- Memberi perkhidmatan yang mesra, cepat, tepat dan berintegriti kepada semua pelanggan dan *stakeholders*.
- Meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada pelanggan secara berterusan mengikut keperluan.
- Meningkatkan kompetensi diri agar perkhidmatan yang diberikan memenuhi ekspektasi pelanggan.

- Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui pembelajaran berterusan.
- Mempamerkan semangat kerja yang tinggi.
- Meningkatkan prestasi kerja untuk mencapai kualiti yang berterusan.
- Peka terhadap perkembangan, kemajuan dan perubahan dalam teknologi dan profesion perakaunan.
- Mempamerkan nilai dan tingkah laku yang berkualiti dan kompeten.
- Bersopan santun, berbudi bahasa dan berhemah tinggi dalam segala urusan.
- Berpenampilan kemas dan sesuai mengikut keadaan dan suasana.

- Bekerjasama dalam menyelesaikan isu dan masalah.
- Mempunya sikap saling bantu membantu dalam usaha mencapai keberhasilan jabatan.
- Berkongsi maklumat, pengalaman dan ilmu pengetahuan.
- Menghargai sumbangan idea daripada anggota organisasi.
- Saling hormat menghormati dan mengeratkan silaturahim.

- Mengamalkan sikap amanah, tulus, ikhlas, berpegang kepada prinsip dan boleh dipercayai.
- Melaksanakan tugas dengan penuh tanggungjawab mengikut peraturan yang ditetapkan.
- Bertanggungjawab ke atas semua tindakan dan keputusan yang diambil.
- Berfikiran positif dan sedia memberi dan menerima cadangan serta maklum balas yang tepat dan benar.

- Menunjukkan kesetiaan kepada jabatan, kerajaan dan negara.
- Menjaga nama baik dan imej jabatan serta profesion perakaunan.
- Memahami, menghayati dan mematuhi Nilai Bersama jabatan.

PIAGAM PELANGGAN

Memastikan penyampaian kursus yang berkualiti dan skor penilaian kursus yang dijalankan ≥ 6.00 .

Memastikan pemberitahuan akuan terima bagi aduan dan pertanyaan dikeluarkan dalam tempoh satu (1) hingga tiga (3) hari bagi sistem berikut:

- iGFMAS ServiceDesk
 - Helpdesk Akruan
 - Helpdesk iSPEKS
 - Helpdesk iSPLN
 - SISPAA

Mengeluarkan Penyata Kewangan Kementerian Kewangan pada bulan berikutnya.

Mengeluarkan laporan audit dalam tempoh 21 hari dari tarikh Mesyuarat Penutup.

Memberi maklum balas kepada pertanyaan berkaitan prosedur kewangan dan perakaunan dalam tempoh 15 hari bekerja dari tarikh pertanyaan diterima.

Mengeluarkan keputusan permohonan pembaharuan kelulusan juruaudit dan penyelesai syarikat dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh terima permohonan lengkap.

Memastikan terimaan diperakaunkan dalam tempoh yang ditetapkan dalam AP78(a).

Menyerahkan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) yang tepat dan lengkap berasaskan undang-undang, piawaian dan dasar perakaunan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh akhir tahun kewangan.

Melaksanakan pembayaran wang tak dituntut/sekuriti tak dituntut dalam tempoh 30 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima.

Memastikan pembayaran dibuat dalam tempoh tiga (3) hari kalender dari tarikh arahan pembayaran diluluskan oleh PTJ.

Memastikan :

- Pembayaran emolument dibuat mengikut tarikh / jadual hari pembayaran gaji tahunan yang ditetapkan.
- Maklumat Penyata Gaji Bulanan dikeluarkan pada tarikh gaji.
- Maklumat Penyata Pendapatan Tahunan diproses dan dikeluarkan pada bulan Mac tahun berikutnya.

Memperakukan permohonan sistem perakaunan dan kewangan sektor awam dalam tempoh dua (2) bulan dari tarikh permohonan yang lengkap.



KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

TAGLINE

Excellent Accounting @ Your Service

Tagline Excellent Accounting @ Your Service telah dibentuk semasa bengkel “To Be Accounting Model” yang telah diadakan pada 8 hingga 9 Ogos 2003. *Tagline* ini merangkumi keseluruhan aspek komitmen dan dedikasi JANM selaras dengan misi dan visi untuk menjadi organisasi terbilang dalam perakaunan dan kewangan sektor awam serta etika kerja Jabatan yang mengutamakan pelanggan.

Excellent Accounting

Merujuk kepada sifat proaktif dan inovatif Jabatan dalam membangun dan melaksanakan sistem perakaunan yang terbaik. Ia juga membawa maksud JANM sentiasa responsif dan peka terhadap perkembangan semasa dari segi peraturan kewangan, teknologi dan keperluan pelanggan.

@

Mewakili kemajuan teknologi JANM dalam menongkah arus pemodenan dengan implementasi dan perubahan kepada sistem perakaunan yang lebih efisien. Kedudukan simbol @ di tengah-tengah *tagline* mewakili kemajuan teknologi JANM yang bertindak sebagai penghubung dalam menyampaikan perkhidmatan cemerlang Jabatan kepada pelanggan.

Your Service

Menunjukkan komitmen serta usaha Jabatan dalam mengutamakan pelanggan. Melalui pembangunan sistem pengurusan sumber manusia yang efektif dan berterusan akan mengukuhkan komitmen dan dedikasi Jabatan dalam menyampaikan perkhidmatan profesional yang cekap dan mesra pelanggan.

LAGU JABATAN

Profesionalisme Unggul

Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Terap Budaya Profesionalisme
Tulus Berkhidmat Untuk Negara
Mengorak Langkah Menuju Cita

Ilmu Dipadu Lestari Inovasi
Memacu Jabatan Berprestasi Tinggi
Maju Bersama Aspirasi Warga
Peneraju Terbilang Perakaunan Negara

Utamakan Pelanggan Mudahkan Urusan
Penyampaian Unggul Komited Jabatan
Khidmat Berkualiti Kami Janjikan

Kesetiaan Jitu Kepada Jabatan
Kerja Berpasukan Teras Perpaduan
Warga Berilmu Warga Berpengetahuan
Jujur Beretika Dalam Tugasan

Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Terap Budaya Profesionalisme
Tulus Berkhidmat Untuk Negara
Demi Malaysia Yang Tercinta

Lagu : Mohd Khalilie bin Zazali
Lirik : Muhammad Yusri bin Abd Majid

DIARI





12 Januari 2021 - Majlis Perutusan Akauntan Negara Malaysia Tahun 2021



2 Mac 2021 - Majlis Menandatangani Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) Tahun 2021 Oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan



12 Mac 2021 - Lawatan Setiausaha Persekutuan Negeri Sarawak Ke Jabatan Akauntan Negara Malaysia



22 Mac 2021 - Lawatan AMCAF Ke Jabatan Akauntan Negara Malaysia



27 September 2021 - Lawatan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan Ke Jabatan Akauntan Negara Malaysia



27 Oktober 2021 - Majlis Sambutan Hari Inovasi & Integriti Jabatan Akauntan Negara Malaysia



1 - 2 November 2021 - Persidangan Pembantu Akauntan Sektor Awam (PERBAKTI) Kali Ke - 9 Tahun 2021



12 November 2021 - Majlis Penyerahan Nota Serah Tugas Timbalan Akauntan Negara (Korporat)



19 November 2021 - Majlis Persaraan JANM 2021

14 Disember 2021 - Mesyuarat Agung Tahunan Kelab Sukan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (KESAN)

LAPORAN AKTIVITI

PENGURUSAN TERTINGGI



BAHAGIAN PENGURUSAN AUDIT DALAM (BPAD)

Selaras dengan *tagline* BPAD #businesspartners@yourservices, pengauditan yang dijalankan bertujuan untuk membantu menambah baik prosedur kewangan dan perakaunan serta memastikan persembahan penyata kewangan akruan Kementerian disediakan dengan teratur sebelum pengauditan sebenar dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara.

Pra Pengauditan Penyata Kewangan Akruan Kementerian

BPAD telah menjalankan Pengauditan Baki Awal Penyata Kewangan Akruan (Migrasi Data Stage 3) bermula pada tahun 2019 yang melibatkan Migrasi Data Baki Awal Aset & Liabiliti. Mulai tahun 2020 dan 2021, BPAD mula melaksanakan Pra Pengauditan Penyata Kewangan Akruan Kementerian yang mempunyai dua (2) sub aktiviti iaitu migrasi data baki awal aset dan liabiliti serta transaksi semasa penyata kewangan akruan.

Objektif pengauditan adalah bagi memastikan data baki awal yang dimigrasikan ke iGFMAS adalah tepat dan lengkap serta mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan. Selain itu, pengauditan dijalankan bagi memastikan semua transaksi semasa di Kementerian diperakaunkan mengikut piawaian dan polisi yang berkuat kuasa dan dipersembahkan dengan tepat dan betul dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Nota Kepada Penyata Kewangan dan Penyata Prestasi Bajet.


Pada tahun 2021 sebanyak 10 Kementerian terlibat dengan pengauditan ini seperti di Rajah 1.

Rajah 1 : Senarai Kementerian Terlibat Dengan Pra Pengauditan Penyata Kewangan Akruan Kementerian

15 – 26 FEBRUARI 2021	KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR (KASA)
15 – 26 FEBRUARI 2021	KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI (MPIC)
15 – 26 FEBRUARI 2021	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (MEDAC)
15 MAC – 2 APRIL 2021	KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA MALAYSIA (KPDNHEP)
15 MAC – 2 APRIL 2021	KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA (KKMM)
15 MAC – 2 APRIL 2021	KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI (MITI)
16 OGOS – 3 SEPTEMBER 2021	KEMENTERIAN LUAR NEGERI (KLN)
. 16 OGOS – 3 SEPTEMBER 2021	BAHAGIAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN (BA MOF)
16 OGOS – 3 SEPTEMBER 2021	KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI (KETSAA)
4 – 10 OKTOBER 2021	JABATAN PERDANA MENTERI (JPM)

Secara keseluruhannya, terdapat 273 penemuan audit telah dikenal pasti di Kementerian terlibat seperti di Rajah 2.

Rajah 2 : Statistik Bilangan Penemuan Pra Pengauditan Penyata Kewangan Akruan Mengikut Kementerian



Pengauditan Migrasi Data Baki Awal Aset Pusat Tanggungjawab (PTJ)

Pada tahun 2021, BPAD juga telah menjalankan Pengauditan Migrasi Data Baki Awal Aset PTJ di lima (5) PTJ terpilih seperti di Rajah 3.


Rajah 3 : Senarai PTJ Terlibat Dengan Pengauditan Migrasi Data Baki Awal Aset PTJ

8 – 30 JULAI 2021	PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KUALA TERENGGANU
8 – 30 JULAI 2021	PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH BARAT DAYA
8 – 30 JULAI 2021	JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA JOHOR
8 – 30 JULAI 2021	JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA SARAWAK
8 – 30 JULAI 2021	JABATAN PENDAFTARAN NEGERI SABAH

Objektif pengauditan ini adalah untuk memastikan data migrasi baki awal di PTJ yang dimigrasikan dari *template* baki awal ke iGFMAS adalah tepat dan lengkap serta menggunakan kod carta akruan (CAA) yang telah ditetapkan. Skop pengauditan ini merangkumi empat (4) item aset yang dimigrasikan iaitu Aset Tak Alih Tanah, Aset Tak Alih Bangunan, Aset Alih dan Aset Hidup. Selain itu, pengauditan ini juga untuk menentukan kebolehpercayaan (*reliability*) data baki awal iGFMAS berdasarkan sembilan (9) kriteria yang telah ditetapkan iaitu kesempurnaan, tempoh, kejadian, penilaian, hak dan tanggungjawab, ketepatan, pengelasan, pembentangan dan pernyataan serta kewujudan.

Secara keseluruhannya terdapat 84 penemuan audit di PTJ terlibat seperti Rajah 4.

Rajah 4 : Penemuan Audit Di PTJ Terlibat



Pengauditan Syarikat Atas Arahan Kementerian Kewangan

BPAD telah melaksanakan pengauditan ke atas syarikat berdasarkan arahan Kementerian Kewangan (MOF) sepanjang tahun 2021 bagi tujuan verifikasi tuntutan syarikat kepada Kementerian Kewangan. Di antara pengauditan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Malaysian Airport Holdings Berhad (MAHB)
2. Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB)
3. Innovation Associates Consulting Sdn. Bhd. (IACSB)

Verifikasi Prestasi JUSA

BPAD telah diberi tanggungjawab bagi melaksanakan verifikasi Penilaian Prestasi Pengurusan Kewangan dan Akaun bagi Urusan Kenaikan Pangkat Pegawai di Jawatan Utama Sektor Awam. Pada tahun 2021, BPAD telah menjalankan verifikasi tersebut di mana sebanyak 50 Ketua Jabatan (KJ) telah diberikan penarafan Cemerlang (17 KJ), Baik (31 KJ) dan Memuaskan (2 KJ).

Pengauditan Khas Tadbir Urus Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)

Bagi tahun 2021, BPAD telah diberi mandat oleh Kementerian Kewangan untuk menjalankan skop baharu iaitu pengauditan khas tadbir urus MDEC. Ini menunjukkan peranan BPAD yang semakin mencabar dan merupakan satu pengiktirafan ke atas kredibiliti juruaudit BPAD dalam melaksanakan pengauditan tadbir urus. Pengauditan ini dilaksanakan secara dalam talian sepanjang bulan Jun hingga Ogos 2021 dan dibentangkan kepada Pengurusan Tertinggi JANM sebelum dikemukakan kepada Kementerian Kewangan pada September 2021.

Pra Pengauditan Indeks Akauntabiliti (IA)

Pra Pengauditan Indeks Akauntabiliti dilaksanakan bertujuan untuk memberi jaminan (*assurance*) bahawa kawalan dalaman yang dilaksanakan di Bahagian/JANM Negeri dan Cawangan adalah mencukupi dan berkesan dalam sistem pengurusan kewangan. Pengauditan ini juga adalah untuk membantu JANM bersiap siaga bagi mendapat penarafan terbaik dalam penilaian Indeks Akauntabiliti oleh Audit Dalam Perbendaharaan, Kementerian Kewangan Malaysia.

Pada tahun 2021, sebanyak 22 pengauditan telah dijalankan di Bahagian JANM dan JANM Negeri. Selaras dengan norma baharu dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara, Pra Pengauditan Indeks Akauntabiliti (IA) bagi tahun 2021 telah dilaksanakan secara hibrid iaitu pengauditan secara fizikal dan secara dalam talian.

Rajah 5 : Pra Pengauditan IA Tahun 2021



Berdasarkan penarafan pengauditan yang diberikan, hanya 13 pejabat telah diberi penarafan Cemerlang iaitu 90% - 100% manakala enam (6) pejabat lagi diberi penarafan Baik iaitu 75% - 89%. Terdapat peningkatan ketara berbanding pengauditan tahun 2020 di mana hanya tiga (3) pejabat sahaja mendapat penarafan Cemerlang.

Rajah 6 : Pra Pengauditan IA Tahun 2020



Pembangunan Sistem *Integrated Audit Report & Feedback Management* (iAREF)

Sistem iAREF dibangunkan bagi menambah baik pengurusan pgaudit dan naziran agar peningkatan berterusan ke atas pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Persekutuan dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan.

Elemen utama dalam pembangunan dan pelaksanaan sistem iAREF adalah mendepani era digitalisasi dalam pemantauan maklum balas pgaudit dan naziran yang dibuat melalui *online dashboard* secara *real time*, pelaksanaan *Virtual Audit* yang selari dengan norma baharu terutama dalam menghadapi krisis seperti pandemik COVID-19. Selain itu, iAREF berupaya menyelaras penghantaran Kertas Kerja Sokongan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) secara *online* melibatkan semua Pusat Tanggungjawab di bawah Kementerian bagi menyokong penyediaan PKKP. Fungsi utama sistem iAREF juga dapat menyatukan laporan pgaudit dan naziran semua Kementerian dalam menganalisis pematuhan pengurusan kewangan dan perakaunan serta pematuhan ke atas polisi dan piawaian selaras dengan landskap baru pelaksanaan perakaunan sektor awam.

Sesi latihan *Train of Trainer* (TOT) kepada semua Pejabat Perakaunan telah diadakan pada 6 Disember 2021 hingga 6 Januari 2022 melibatkan tiga (3) siri dan lapan (8) sesi latihan bagi 52 Pejabat Perakaunan. Sistem iAREF dijangka dapat dilaksanakan pada Februari 2022 kepada semua Pejabat Perakaunan dan Pusat Tanggungjawab.

Pemurnian Garis Panduan Naziran Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan

Selaras dengan perubahan landskap baru perakaunan sektor awam, BPAD telah diberi tanggungjawab dalam menyediakan Garis Panduan Naziran (GPN) Perakaunan Akruan Persekutuan dan menyelaras *Risk Control Matrix* (RCM) bagi naziran yang dilaksanakan oleh semua Pejabat Perakaunan. Garis panduan ini disediakan bagi memastikan pematuhan pengurusan kewangan dan perakaunan serta pematuhan ke atas polisi dan piawaian perakaunan sektor awam.

Bagi memastikan GPN yang disediakan kekal relevan, pemurnian dari semasa ke semasa perlu dilaksanakan. Satu bengkel telah diadakan pada 24 hingga 26 November 2021 bersama dengan Kumpulan Kerja Pematuhan Perakaunan Akruan bagi membincangkan pemurnian GPN yang melibatkan lima (5) komponen utama Perakaunan Akruan iaitu Liabiliti, Ekuiti, Belanja, Aset dan Hasil (LEBAH).

Hasil pemurnian dan pindaan GPN dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Induk Pematuhan Perakaunan Akruan pada 21 November 2021 bagi meluluskan pindaan ke atas GPN sebelum dilaksanakan oleh Pejabat Perakaunan.

Audit Command Language (ACL)

BPAD diberi tanggungjawab menyedia dan menyelaras skrip ACL bersama Kumpulan Kerja Pembangunan Skrip ACL untuk digunakan oleh Pejabat Perakaunan. ACL merupakan *tools* pgaudit yang membantu juruaudit dalam menjalankan naziran dan pgaudit secara

menyeluruh mengambil kira semakan 100% transaksi dalam mengesan penyelewengan dan ketirisan wang awam. Sehingga Disember 2021, sebanyak 67 skrip ACL telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pembangunan Skrip ACL melibatkan tiga (3) skop.

Rajah 7 : 67 Skrip ACL Diluluskan Melibatkan Tiga (3) Skop



Pelan Pengurusan Risiko Jabatan Akauntan Negara Malaysia

BPAD telah diberi tanggungjawab sebagai *Lead Owner* kepada projek Pengurusan Risiko dan Pematuhan *Enterprise* (ERM) yang merupakan salah satu projek di bawah BST 3 - Melonjak Transformasi Institusi Ke Arah Digital JANM di bawah Pelan Strategik JANM bagi tahun 2019 - 2023. Sebanyak dua (2) Mesyuarat Kumpulan Kerja dan satu (1) Bengkel Penyelarasan dan Pemurnian Pelan Pengurusan Risiko JANM telah diadakan bersama Pegawai Risiko sepanjang tahun 2021. Hasilnya, satu (1) *Blueprint* Pelan Pengurusan Risiko telah berjaya dibangunkan.



Pelan Pengurusan Risiko Berdasarkan Pelan Strategik JANM Tahun 2021 - 2023

Pensijilan MS ISO 9001 : 2015

Audit pensijilan MS ISO di BPAD telah dijalankan pada 25 dan 26 November 2021 oleh Platinum Shauffmans Veritas. BPAD telah berjaya memperolehi pensijilan MS ISO 9001:2015 bagi Proses Pengurusan Pengauditan pada 1 Disember 2021 bagi tempoh tiga (3) tahun sehingga 30 November 2024. Beberapa siri bengkel telah diadakan bagi memberi pendedahan dan kesedaran kepada warga BPAD berkenaan pelaksanaan ISO ini.



Sesi Mesyuarat Penutup Audit Pensijilan MS ISO 9001:2015 Bersama Juruaudit Platinum dan Timbalan Akauntan Negara (Operasi)

UNIT INTEGRITI (UI)

UI telah melaksanakan pelbagai program sepanjang tahun 2021 bagi mencapai objektif Unit yang telah digariskan. Antara program/aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Program/Aktiviti Tadbir Urus
 - Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) JANM bagi tahun 2021.
 - Pelancaran Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JANM Tahun 2021 - 2025.
 - Pencapaian status pelaksanaan OACP JANM.
2. Program/Aktiviti Pematuhan
Edaran Garis Panduan Melakukan Pekerjaan Luar JANM.
3. Program/Aktiviti Pengukuhan Integriti
 - Kursus Bulanan Eksplorasi Minda Bil. 5/2021: ‘Tumbuk Rusuk’ - Atas Talian.
 - Ceramah Integriti: ‘Berkatkah Rezekiku?’.
 - Hebahan Integriti @ Jabatan Akauntan Negara Malaysia Tahun 2021.
4. Tatatertib
Statistik Kes Tatatertib Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) JANM

Keperluan mengadakan Mesyuarat JAR adalah berdasarkan kepada Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018: Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Mekanisme Pengurusan Governans, Integriti dan Antirasuah Kebangsaan yang berkuat kuasa pada 5 Oktober 2018.

UI merupakan urus setia kepada Mesyuarat JAR. Mesyuarat JAR JANM bagi tahun 2021 telah diadakan seperti berikut:

Jadual 1 : Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) JANM Bagi Tahun 2021

Perkara	Tarikh
Mesyuarat JAR JANM Bil. 1/2021	24 Ogos 2021
Mesyuarat JAR JANM Bil. 2/2021	26 Okt 2021
Mesyuarat JAR JANM Bil. 3/2021	20 Dis 2021

Pelancaran Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JANM

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) adalah merupakan satu dokumen antirasuah di peringkat organisasi yang bertujuan untuk menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi. Bagi memastikan Jawatankuasa OACP dapat menjalankan fungsi dengan berkesan, Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018, Siri 2 No.1 Tahun 2019: Pelaksanaan Pelan Anti Rasuah Nasional telah menetapkan agar Jabatan hendaklah memperuntukkan sumber (kewangan, tenaga dan logistik) dan memberi autoriti kepada Jawatankuasa untuk melaksanakan keterlibatan, perbincangan, semakan, kajian dan penelitian terhadap kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam organisasi.

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) JANM 2021 hingga 2025 telah berjaya dilancarkan semasa Sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM Tahun 2021 pada 27 Oktober 2021 bertempat di Dewan Serbaguna Aras 7, JANM.



Montaj OACP JANM



Majlis Pelancaran OACP JANM

Pencapaian Status Pelaksanaan OACP JANM

OACP JANM Tahun 2021 hingga 2025 mengandungi tiga (3) strategi, sembilan (9) objektif strategik dan 57 inisiatif berimpak tinggi. Daripada 57 inisiatif tersebut, enam (6) inisiatif adalah bersifat jangka pendek, satu (1) inisiatif jangka sederhana dan 50 inisiatif jangka panjang. Sehingga Disember 2021, sebanyak enam (6) inisiatif telah selesai, empat (4) inisiatif telah siap melebihi 50%, 44 inisiatif siap di bawah 50%, dua (2) inisiatif belum mula/simpan dalam perhatian dan satu (1) inisiatif berstatus tidak berkenaan.

Edaran Garis Panduan Melakukan Pekerjaan Luar JANM

UI telah membangunkan Garis Permohonan Kelulusan Melakukan Pekerjaan Luar/Kerja Sambilan Bagi Penjawat Awam di JANM. Penyediaan garis panduan bertujuan untuk membantu Ketua Jabatan dan Penyelia menguruskan permohonan kelulusan melakukan pekerjaan luar/kerja sambilan bagi pegawai di JANM selaras dengan Peraturan 5, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang menyebut bahawa seseorang pegawai awam tidak dibenarkan untuk melakukan sebarang kerja luar tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan.

Garis panduan ini berkuat kuasa mulai daripada tarikh ia dikeluarkan iaitu pada 5 Mei 2021 dan garis panduan hendaklah dibaca bersekali dengan Peraturan 5, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993], lain-lain peraturan yang berkaitan serta arahan semasa yang berkuat kuasa. Sehingga 31 Disember 2021, seramai 71 orang pegawai JANM telah menerima kelulusan kebenaran untuk melakukan pekerjaan luar.

Kursus Bulanan Eksplorasi Minda Bil. 5/2021: ‘Tumbuk Rusuk’ - Atas Talian

Pada 14 September 2021, UI dengan kerjasama UPKK, BPPP telah menganjurkan kursus bulanan bertajuk “Tumbuk Rusuk” yang disampaikan oleh Encik Mohd Firdaus bin Ramelan dari CJ Global Venture secara dalam talian. Pengisian ceramah terbahagi kepada tiga (3) sesi seperti berikut:

Jadual 2 : Sesi Ceramah Sempena Kursus Eksplorasi Minda Bil. 5/2021: ‘Tumbuk Rusuk’

Bil.	Sesi
1.	Sesi 1: Pengisahan Dari Tirai Besi
2.	Sesi 2: ‘System Corruption’
3.	Sesi 3: Norma Baharu Kepada Norma Biasa

Kursus ini telah dihadiri oleh seramai 91 orang warga JANM. Objektif kursus ini diadakan adalah untuk memupuk kesedaran di kalangan peserta peri pentingnya menghayati dan mengamalkan nilai-nilai integriti serta berkongsi pengalaman penceramah sebagai bekas pesalah rasuah yang telah selesai menjalani hukuman. Di samping itu, penganjuran kursus ini adalah diharapkan dapat memberikan kefahaman kepada para peserta untuk mengenal pasti dan mengetahui punca serta kesan salah laku integriti pada setiap peringkat di Jabatan terutamanya isu-isu berkaitan rasuah.

Ceramah Integriti: ‘Berkatkah Rezekiku?’

Pada 27 Oktober 2021, UI telah menganjurkan ceramah bertajuk ‘Berkatkah Rezekiku?’ sempena Majlis Sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM Tahun 2021 di Dewan Serbaguna, JANM. Ceramah telah disampaikan oleh Tuan Effezul Azran bin Abd Maulop dari Bahagian Pendidikan Masyarakat (PENMAS), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Ceramah ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada warga berkenaan Seksyen 18, Akta SPRM 2009 iaitu mengemukakan tuntutan palsu.



Urus Setia Bersama Penceramah Jemputan

Hebahan Integriti @ Jabatan Akauntan Negara Malaysia Tahun 2021

Bagi meningkatkan kesedaran warga JANM terhadap peraturan-peraturan pegawai awam yang berkuat kuasa, UI telah membuat hebahan integriti secara bulanan yang dihantar melalui e-mel kepada seluruh warga JANM.

Jadual 3 : Hebahan Integriti JANM Bagi Tahun 2021

Bil.	Sesi	Tajuk
1.	Sesi 1/2021	Peringatan: Tindakan Tatatertib Jika Enggan Patuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
2.	Sesi 2/2021	Bolehkah Dikenakan Tindakan Tatatertib Sekiranya Ditangkap Pihak Berkuasa Jabatan Agama Islam Jika Tidak Berpuasa?
3.	Sesi 3/2021	Peringatan: Dasar Bekerja Dari Rumah (BDR)
4.	Sesi 4/2021	Peraturan-peraturan Semasa Dasar Bekerja Dari Rumah
5.	Sesi 5/2021	Dilarang Bercuti Sebelum Diluluskan Oleh Pihak Berkuasa Melulus
6.	Sesi 6/2021	Amaran: Tiada Kompromi Pada Rasuah
7.	Sesi 7/2021	Etika Berpakaian Penjawat Awam
8.	Sesi 8/2021	Etika Media Sosial
9.	Sesi 9/2021	Amaran: Dokumen/Maklumat Terperingkat Jabatan Tidak Boleh Didedahkan Atau Diviralkan Di Media Sosial
10.	Sesi 10/2021	Larangan Mengambil Bahagian Dalam Kegiatan Politik
11.	Sesi 11/2021	Kesalahan Menggunakan Jawatan/Kedudukan Untuk Suapan
12.	Sesi 12/2021	Melakukan Pekerjaan Luar Tanpa Kebenaran Adalah Satu Kesalahan

Statistik Kes Tatatertib Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Bagi tahun 2021, Lembaga Tatatertib JANM dan UI selaku Urus Setia Lembaga Tatatertib JANM telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan pelbagai kes pelanggaran tatakelakuan seperti yang terkandung dalam Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Maklumat statistik kes tatatertib JANM bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

Jadual 4 : Statistik Kes Tatatertib Di JANM Bagi Tahun 2021

Bil.	Jenis Kes/Prosedur Tatatertib	Bil. Kes Yang Diterima	Bil. Kes Selesai Tahun 2021	Bil. Kes Dibawa Ke Tahun 2022
1.	Tidak Hadir Bertugas	1	1	0
2.	Am	2	2	0
3.	Jenayah	3	2	1

Lembaga Tatatertib JANM telah menjatuhkan hukuman buang kerja terhadap dua (2) orang pegawai yang didapati bersalah, masing-masing atas kesalahan tidak hadir bertugas dan kesalahan jenayah serta hukuman amaran terhadap seorang pegawai atas kesalahan am.

UNIT UNDANG-UNDANG (UUU)

Fungsi utama Unit Undang-undang adalah memberi nasihat perundangan selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang berkuat kuasa dengan mengambil kira dasar Kerajaan dan kepentingan awam. Menyemak dan menggubal perundangan utama dan subsidiari di bawah bidang kuasa jabatan. Seterusnya, menggubal dan menyemak dokumen perjanjian dan lain-lain instrumen perundangan. UUU sedang giat membuat kajian mengenai isu perundangan yang berbangkit berhubung dengan cadangan pindaan Akta Wang Tak Dituntut 1965 [Akta 370] dan Akta Akauntan 1967 [Akta 94].

Jadual 5 : Jumlah Rekod Berdaftar Semakan/Penyediaan Pandangan Perundangan Dan Perjanjian Bagi Tahun 2019, 2020 Dan 2021

Perkara	2019	2020	2021
Semakan Perjanjian	72	60	58
Pandangan Perundangan	19	8	15
Jumlah	91	68	73

Jadual 6 : Aktiviti Yang Disertai/Dihadiri Unit Undang-undang Sepanjang Tahun 2021

Bil.	Nama Kursus/Aktiviti	Tarikh
1.	Bengkel Pengemaskinian MyPortfolio Jabatan Akauntan Negara Malaysia.	24 – 25 Mac 2021
2.	Mesyuarat Pindaan Akta Akauntan 1967.	2 Sep 2021
3.	Kursus Penamatan Perkhidmatan Pegawai Awam anjuran Bahagian Penasihat, Jabatan Peguam Negara.	30 Sep 2021
4.	Mesyuarat Penolong Pendaftar WTD Bil. 2/2021 di Thistle Hotel Port Dickson, Negeri Sembilan.	17 – 19 Okt 2021
5.	Ceramah Integriti sempena Hari Inovasi dan Integriti JANM.	27 Okt 2021
6.	Mesyuarat bersama Penasihat Undang-undang (KADER) Kanan Kementerian/Jabatan/ Agensi di bawah Seliaan Bahagian Penasihat, Jabatan Peguam Negara.	1 Nov 2021
7.	Perjumpaan Unit Undang-undang bersama Peguamcara Perbendaraan dan Timbatan Peguamcara Perbendaharaan di Bahagian Undang-Undang, Kementerian Kewangan.	1 Nov 2021
8.	Jemputan Perbincangan berkaitan Perjanjian Bekalan Air Pukal di Unit Undang-undang, Kementerian Alam Sekitar.	24 Dis 2021

LAPORAN AKTIVITI

PENGURUSAN KORPORAT

BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERAKAUNAN DAN PENGURUSAN (BPPP)

Pelan Strategik Business (*Business Strategic Plan*) (BSP) dan Pelan Strategik ICT (*ICT Strategic Plan*) (ISP) Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Bagi Tempoh 2019 - 2023

Pemantauan Pencapaian Pelan Strategik JANM


Bagi memantau pelaksanaan 43 projek BSP dan 65 projek ISP, Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik JANM telah diadakan secara berkala. Pada tahun 2021, mesyuarat telah diadakan seperti berikut:

Jadual 7 : Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Dan Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik JANM Yang Diadakan Sepanjang Tahun 2021


Perkara	Bilangan	Tarikh	Pengerusi
Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pelan Strategik JANM (Operasi)	Bil. 1/2021 Bil. 2/2021	6 Jul 2021 24 Dis 2021	YBrs. Tuan Mohd Redzuan bin Hasan Timbalan Akauntan Negara (Operasi)
Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pelan Strategik JANM (Korporat)	Bil. 1/2021	14 Jul 2021	YBrs. Tuan Sadikin bin Aton Timbalan Akauntan Negara (Korporat)
Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Pelan Strategik JANM	Bil. 1/2021 Bil. 2/2021	7 Jan 2021 2 Ogos 2021	YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa Akauntan Negara Malaysia

Pemantauan secara berkala ini menjadi medium untuk membincangkan isu berkaitan pelaksanaan projek, pindaan dan pelaporan pencapaian keseluruhan Pelan Strategik JANM. Sehingga 31 Disember 2021, pencapaian Pelan Strategik *Business* (BSP) & Pelan Strategik ICT (ISP) adalah seperti berikut:

Rajah 8 : Peratus Pencapaian Pelan Strategik *Business* (BSP) sehingga 31 Disember 2021



Rajah 9 : Peratus Pencapaian Pelan Strategik ICT (ISP) Sehingga 31 Disember 2021



Penghargaan juga diberikan kepada *Lead Owner* projek yang telah berjaya melaksanakan projek di bawah seliaan masing-masing. Sijil telah disampaikan oleh YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa, Akauntan Negara Malaysia pada Majlis Perhimpunan Bulanan dan Majlis Sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM Tahun 2021.



Sesi Penyerahan Sijil 100% Pencapaian Pelan Strategik JANM Kepada Pengarah BPTM Oleh Akauntan Negara Malaysia



Sesi Penyerahan Sijil 100% Pencapaian Pelan Strategik JANM Kepada Pengarah BWTD Oleh Akauntan Negara Malaysia

Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Kempen Kesedaran EKSA JANM

Pada tahun 2021, Jawatankuasa Promosi EKSA JANM telah berjaya melaksanakan beberapa siri aktiviti Kempen Kesedaran EKSA. Antaranya adalah melalui tayangan video pendek berkaitan EKSA kepada warga JANM. Tayangan video tersebut telah berjaya dilaksanakan pada sebelum dan selepas Majlis Perhimpunan Bulanan JANM. Selain itu, Jawatankuasa Promosi EKSA JANM juga telah melaksanakan aktiviti kempen kesedaran EKSA melalui hantaran emel secara berkala kepada semua warga JANM sepanjang tahun 2021. Jawatankuasa Promosi EKSA JANM juga telah berjaya melaksanakan Kuiz EKSA JANM secara bersiri yang dijalankan secara dalam talian. Penyertaan kuiz EKSA ini terbuka kepada semua warga JANM Ibu Pejabat dan pemenang kuiz tersebut telah diberikan sijil penghargaan.

Rajah 10 : Pemenang Kuiz EKSA JANM Yang Dianjurkan Oleh Jawatankuasa Promosi EKSA JANM

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

KUIZ ONLINE EKSA JANM 2021

PEMENANG KUIZ TERKUMPUL KESELURUHAN

Tempat Pertama - hadiah wang tunai RM200
Pn. Azlena binti Abdul Jamil (BWTD)

Tempat Kedua - hadiah wang tunai RM150
Pn. Anati Zawana binti Rahmat (BPOPP)

Tempat Ketiga - hadiah wang tunai RM100
Pn. Nurul Aaina Wahida binti Zulkifly (BKP)

Tempat Ke 4 hingga Ke 10 - hadiah wang tunai RM50 seorang

En. Muhammad Naszman bin Bukhari (BPOPP)
Pn. Tun Noor Adillah binti Mohd Sohami (UI)
Pn. Asyaara binti Karim (BKP)
Pn. Siti Maizia binti Mahad (BPTM)
Pn. Nurulhuda binti Hamzah (BPPP)
Pn. Rossusila binti Ramle (BPAD)
Pn. Noratifah binti Mohamad Rusdan (BOPA)

PROMOSI EKSA SIRI 07/2021

"PERSEKITARAN KONDUSIF WARGA PRODUKTIF"

Kursus Membudayakan EKSA Ke Arah Imej Korporat

Pada 6 Julai 2021 Jawatankuasa Latihan EKSA JANM telah mengadakan Kursus Membudayakan EKSA Ke Arah Imej Korporat secara dalam talian (*online*). Kursus ini bertujuan untuk memberi kefahaman kepada peserta agar boleh melaksanakan pembudayaan EKSA yang kondusif bagi mewujudkan persekitaran kerja yang selamat, bersih, kemas, selesa dan berimej korporat. Kursus ini dilaksanakan melalui perkongsian ilmu daripada penceramah yang berpengalaman dalam bidang EKSA.

Kursus ini telah disertai oleh 158 orang peserta dari JANM Ibu Pejabat, Negeri dan Cawangan. Kursus ini telah disampaikan oleh Puan Roszita binti Shamsuddin, Ketua Penolong Pengarah di Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti selaku Fasilitator EKSA JANM.

Program Inovasi JANM

Pada tahun 2021 sebanyak 14 aktiviti inovasi telah dirancang untuk dilaksanakan sepanjang tahun. 13 aktiviti telah berjaya dilaksanakan manakala satu (1) aktiviti tidak dapat dilaksanakan iaitu lawatan inovasi. Hal ini adalah kerana agensi dan organisasi luar masih belum bersedia menerima lawatan berikutkan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang ditetapkan oleh organisasi tersebut. Walaubagaimanapun, aktiviti inovasi JANM yang lain masih berjaya dijalankan dengan mengamalkan norma baru.

Rajah 11 : Kalendar Inovasi JANM Tahun 2021



Pertandingan Menulis Artikel Inovasi Dan Integriti

Pertandingan Menulis Artikel Inovasi dan Integriti dijalankan pada setiap tahun bertujuan untuk menyemai dan memupuk sikap inovasi dan integriti di kalangan warga JANM. Pertandingan ini telah diadakan bermula pada 14 Mac hingga 11 Jun 2021 dan telah menerima 18 penyertaan.

Jadual 8 : Senarai Pemenang Pertandingan Menulis Artikel Inovasi Dan Integriti

Kedudukan	Nama Pemenang	JANM Bahagian/ Negeri/Cawangan	Tajuk Artikel
Pertama	Encik Rajendran a/l Arjunan	IPN	Anjakan Paradigma dalam Merekayasa Pembelajaran Digital Sektor Awam melalui Elemen 5 F
Kedua	Encik Naharudin bin Saadan	BKP	JANM Pemacu Inovasi Pengurusan Kewangan Sektor Awam
Ketiga	Puan Nor Nadira binti Ahmad Naser	BKP	Inovasi Digital Sistem Dan Instrumen Pembayaran

Artikel-artikel pemenang ini telah dimuat naik di Portal Knowledge Management JANM untuk perkongsian bersama semua warga.

Bengkel Pengemaskinian MyPortfolio

Bengkel Pengemaskinian MyPortfolio telah diadakan pada 24 dan 25 Mac 2021 di Dewan Serbaguna, JANM. Jumlah penyertaan adalah seramai 30 orang iaitu wakil dari setiap Bahagian. Penceramah adalah Puan Rajeswari a/p Karuppiah, Ketua Penolong Pengarah Kanan MAMPU. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memastikan dokumen MyPortfolio pegawai JANM sentiasa dikemas kini dan melatih wakil Bahagian sebagai Penyelaras MyPortfolio Bahagian.

Pertandingan Idea Inovasi

Pertandingan Idea Inovasi telah diadakan bermula 16 April hingga 12 Mei 2021 bertujuan untuk menggalakkan pencambahan idea yang boleh diketengahkan untuk kemajuan dan pengukuhan organisasi. Sebanyak 18 penyertaan telah diterima oleh urus setia pertandingan dan pemenang pertandingan adalah seperti berikut:

Jadual 9 : Senarai Pemenang Pertandingan Idea Inovasi

Kedudukan	Nama Pemenang	JANM Bahagian/ Negeri/Cawangan	Tajuk Idea
Pertama	Encik Rajendran a/l Arjunan.	IPN	Poket MPSAS
Kedua	Puan Ruheila Afzan binti Musa	JANM Selangor	Tempahan/Batal Janji Temu bagi Konsultansi/Semakan WTD secara online
Ketiga	Puan Norshafiza binti Ab Samad	JANM Selangor	Pengesahan Penghantaran Dokumen Tuntutan WTD Secara Digitalisasi

Bengkel Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Siri 2

Bengkel KIK Siri 2 telah diadakan pada 27 dan 28 Mac 2021 secara dalam talian. Jumlah penyertaan warga adalah sebanyak 90 orang yang terdiri daripada wakil JANM Bahagian/Negeri dan Cawangan. Penceramah jemputan adalah Encik Mohd Apandi Aini, Tuan Syed Mohamad Al Adros Tuan Muning dan Dr. Norasyikin binti Shaikh Ibrahim dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan dan persediaan kepada semua pegawai yang terlibat dengan Konvensyen KIK yang diadakan pada bulan Oktober 2021.



Antara Peserta Yang Menyertai Bengkel KIK Siri 2

Pertandingan Video Pendek SPECIAL

Pertandingan ini telah diadakan pada 11 Mei hingga 31 Julai 2021. Tujuan pertandingan ini diadakan adalah untuk mempromosikan nilai bersama JANM, iaitu SPECIAL di kalangan warga JANM agar ia menjadi budaya dan amalan warga JANM. Pertandingan ini telah menerima empat (4) penyertaan.

Jadual 10 : Senarai Pemenang Pertandingan Video Pendek SPECIAL

Kedudukan	Nama Pemenang	JANM Bahagian/Negeri/Cawangan
Pertama	BPAD Creative Team	BPAD
Kedua	PP&K	IPN
Ketiga	Hadiron Enterprise	BPTM

Pertandingan Mereka Cipta *Slide Powerpoint* Jabatan

Pertandingan ini diadakan bagi mencungkil bakat dan idea kreatif dari kalangan warga JANM untuk mereka cipta format slaid pembentangan rasmi JANM. Tempoh pertandingan adalah selama satu (1) bulan iaitu dari 17 Jun hingga 17 Julai 2021 dan telah menerima sebanyak 63 penyertaan daripada warga. Senarai pemenang adalah seperti di Jadual 11.

Jadual 11 : Senarai Pemenang Mereka Cipta Slide Powerpoint Jabatan

Kedudukan	Nama Pemenang	JANM Bahagian/Negeri/Cawangan
Pertama	Encik Hishamudin bin Mohamad Azid	BPPP
Kedua	Encik Lionel Alfred	JANM Keningau
Ketiga	Encik Noor Zuraimie bin Raiman	BPAD

Ceramah Motivasi

Ceramah motivasi telah diadakan pada 14 Julai 2021 bertajuk *Innovation in Accounting Practices Leveraging on Digital Capabilities*. Ceramah telah disampaikan oleh Mr. Mike Graham, Partner, Chief Digital Officer of PwC Consulting Associates (M) Sdn. Bhd dan Encik Ong Khai Ciat, Director, Data and Analytics Leader of Pricewaterhousecoopers Risk Services Sdn. Bhd. Ceramah ini telah diadakan secara dalam talian dan telah disertai oleh 107 pegawai JANM.

Ceramah Inovasi

Satu ceramah inovasi bertajuk ‘Norma Digital Baharu, Bersediakah Kita Untuk Dunia Yang Berubah’ telah disampaikan oleh Encik Elangovan a/l Narayanan, Ketua Penolong Pengarah MAMPU pada 28 Julai 2021 secara dalam talian. Ceramah ini diadakan bertujuan untuk memberi tumpuan kepada idea, pembelajaran, perkongsian ilmu dan penciptaan nilai menerusi strategi pengenalan pastian dan penyelesaian masalah, teknik-teknik penganalisisan serta penghasilan idea-idea baharu yang kreatif dan inovatif. Ceramah ini telah dihadiri oleh 282 warga JANM.



Poster Ceramah Inovasi Tahun 2021: Norma Digital Baharu, Bersediakah Kita Untuk Dunia Yang Berubah

Pertandingan Rekacipta Komik Pendek Bertemakan Perakaunan Akruan

Pertandingan Rekacipta Komik Pendek Bertemakan Perakaunan Akruan diadakan bertujuan untuk mencungkil bakat warga JANM yang boleh membantu dalam mempromosi maklumat Jabatan. Pertandingan ini telah diadakan dari 19 Ogos hingga 8 September 2021 dan telah menerima 12 penyertaan. Senarai pemenang yang telah memenangi pertandingan adalah seperti di Jadual 12.

Jadual 12 : Senarai Pemenang Pertandingan Rekacipta Komik Pendek Bertemakan Perakaunan Akruan

Kedudukan	Nama Pemenang/Kumpulan	JANM Bahagian/Negeri/Cawangan
Pertama	Family PPK 4Ever	IPN
Kedua	Encik Muhammad Radzi bin Che Ahmad	BPPP
Ketiga	Encik Rajendran a/l Arjunan	IPN



Komik Oleh Kumpulan PPK 4Ever Dari IPN Yang Telah Memenangi Tempat Pertama Pertandingan

Pertandingan Larian Inovasi

Pertandingan Larian Inovasi telah diadakan pada 15 September hingga 14 Oktober 2021. Pertandingan ini diadakan untuk melahirkan warga JANM yang mempunyai tahap kecerdasan yang tinggi dan produktif serta secara tidak langsung membantu diri menjadi lebih aktif dan lebih bermotivasi untuk mengamalkan gaya hidup yang lebih sihat. Pertandingan ini diadakan dalam dua (2) kategori iaitu kategori individu dan kategori berkumpulan (Bahagian/Negeri/Cawangan).

Jadual 13 : Senarai Pemenang Larian Inovasi Kategori Individu

Kedudukan	Nama Pemenang/Kumpulan	JANM Bahagian/Negeri/Cawangan
Pertama	Encik Sharul Ambri bin Mohd Noor	BPTM
Kedua	Encik Mohd Hafiz bin Nordin	BPOPP
Ketiga	Encik Mohamad Asri bin Jumin	JANM Sabah

Jadual 14 : Senarai Pemenang Larian Inovasi Kategori Berkumpulan

Kedudukan	JANM Bahagian/Negeri/Cawangan
Pertama	JANM Labuan
Kedua	BPOPP
Ketiga	JANM Bintulu



Antara Peserta Pertandingan Larian Inovasi

Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK)

Konvensyen KIK telah diadakan secara dalam talian pada 25 Oktober 2021. Tujuan konvensyen ini diadakan adalah untuk memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif di kalangan warga JANM agar dapat menyumbang kepada penambahbaikan penyampaian perkhidmatan Jabatan. Projek yang memenangi konvensyen ini akan dipertimbang untuk perluasan pelaksanaan di seluruh JANM. Sebanyak sembilan (9) kumpulan telah menyertai konvensyen ini dan pemenang adalah seperti berikut:

Jadual 15 : Senarai Pemenang Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK)

Kedudukan	Nama Kumpulan	JANM Bahagian/ Negeri/Cawangan	Nama Projek
Pertama	i-Perintis	JANM Pahang	<i>Smart Filing</i>
Kedua	S-Wave	JANM Pulau Pinang	Sistem Bank Soalan Lazim i-Quest
Ketiga	SMART	JANM Selangor	<i>My Code 2.0</i>



Gambar Sepanjang Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif JANM Berlangsung

Sambutan Hari Inovasi Dan Integriti JANM Tahun 2021

Kemuncak kepada aktiviti inovasi JANM adalah Majlis Sambutan Hari Inovasi dan Integriti yang telah diadakan pada 27 Oktober 2021 secara *hybrid*. Majlis ini dirasmikan oleh YBhg. Datuk Dr. Jacob bin Mustafa, Akauntan Negara Malaysia. Majlis ini diadakan bagi memberi penghargaan kepada semua pemenang pertandingan inovasi yang telah dijalankan sepanjang tahun 2021. Beberapa dokumen pelan telah dilancarkan semasa majlis tersebut iaitu Pelan Anti Rasuah, Pelan Inovasi JANM 2021 - 2024 dan Inisiatif *Rebranding* JANM.




Sesi Penyerahan Hadiah Kepada Pemenang Pertandingan Inovasi



Sesi Penyerahan Sijil Bagi Bahagian Yang Telah Melengkapkan 100% Projek Pelan Strategik JANM

Majlis Anugerah Apresiasi Kecemerlangan (AAK) JANM Tahun 2020

Penganjuran Majlis Anugerah Apresiasi Kecemerlangan (AAK) JANM Tahun 2020 dibuat secara rakaman awal video dan telah ditayangkan buat julung kalinya secara maya pada 5 November 2021 melalui platform Facebook Rasmi JANM dan Aplikasi *Lifesize*. Konsep majlis secara rakaman awal dengan suntingan video ini dilaksanakan selari dengan keperluan pematuhan kepada *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara disebabkan oleh pandemik COVID-19. Sesi penyampaian Sijil Anugerah Prestasi Cemerlang (APC) ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa, Akauntan Negara Malaysia kepada setiap Pengarah Bahagian bagi mewakili penerima APC Bahagian-bahagian di JANM. Bagi penerima APC dari JANM Negeri dan Cawangan pula, sijil telah diterima oleh YBrs. Tuan Haji Rozaimi bin Idris selaku Pengarah Bahagian Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan (BPOPP). Upacara simbolik penyampaian sijil ini turut diiringi oleh YBrs. Encik Mohd Redzuan bin Hasan, Timbalan Akauntan Negara (Operasi) dan YBrs. Encik Sadikin bin Aton, Timbalan Akauntan Negara (Korporat).



Ringkasan Penerima APC JANM Tahun 2020



Penyerahan Sijil APC 2020 Oleh Akauntan Negara Malaysia Kepada Pengarah BPPP



Majlis AAK JANM Tahun 2020 Ditayangkan Secara Maya Melalui Platform Facebook Rasmi JANM Dan Aplikasi Lifesize

Majlis Persaraan JANM Tahun 2020/2021

Majlis Persaraan JANM Tahun 2020/2021 telah diadakan pada 19 November 2021 bertempat di *Grand Ballroom*, Bangi Resort Hotel. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa, Akauntan Negara Malaysia dan dihadiri oleh 350 pegawai dari kalangan warga JANM.

Majlis ini telah menghimpunkan seramai 32 orang pesara tahun 2020 dan 26 orang pesara tahun 2021. Pengajuran majlis yang melibatkan pesara-pesara bagi dua (2) tahun ini dilaksanakan memandangkan pengajuran majlis pada tahun 2020 tidak dapat diadakan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuat kuasa.

Antara pesara yang diraikan adalah YBhg. Dato' Zamimi bin Awang, mantan Timbalan Akauntan Negara (Korporat) tahun 2020, YBrs. Encik Sadikin bin Aton, mantan Timbalan Akauntan Negara (Korporat) tahun 2021 serta empat (4) orang mantan Pengarah Bahagian dan Negeri iaitu Pengarah PPPP, Pengarah BPAD, Pengarah JANM Selangor dan Pengarah JANM Sabah. Para pesara juga telah menerima Sijil Simpanan Premium (SSP) berjumlah RM400 serta Sijil Penghargaan.

Jadual 16 : Pecahan Jenis Persaraan Pegawai Mengikut Jantina Sepanjang Tahun 2021

Jenis Persaraan	Lelaki	Perempuan
Wajib	7	7
Pilihan	4	6
Dibersaraskan Atas Sebab Kesihatan	1	1
Meninggal Dunia	5	1
Jumlah Keseluruhan	17	15

Perjawatan

Elemen perjawatan merupakan aspek penting dalam merencanakan pengurusan modal insan dan sumber manusia dalam sesebuah organisasi. Dalam hal ini, semua urusan perjawatan di organisasi akan dilaksanakan berpandukan kepada Waran Perjawatan yang telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan. Sebarang urusan penempatan pegawai di organisasi juga mestilah berpandukan kepada butiran jawatan yang wujud dalam Waran Perjawatan tersebut.

Terdapat dua (2) jenis jawatan yang ada dalam setiap Waran Perjawatan di peringkat organisasi iaitu jawatan gred lantikan atau jawatan gred kenaikan pangkat. Bagi pengisian jawatan gred lantikan, proses pengisian hanya boleh dilaksanakan sekiranya jawatan tersebut telah diberikan kelulusan pengisian oleh JPA. Bagi jawatan gred kenaikan pangkat pula, lazimnya jawatan akan diisi seiring dengan proses tawaran pemangkuhan yang dilaksanakan di peringkat Ketua Perkhidmatan bagi skim perkhidmatan berkaitan. Selain itu, urusan pengisian perjawatan ini juga akan bergantung kepada agensi pihak pembekal atau agensi Ketua Perkhidmatan asal jawatan tersebut.

JANM merupakan agensi Ketua Perkhidmatan bagi tiga (3) skim perkhidmatan iaitu Akauntan, Penolong Akauntan dan Pembantu Akauntan. Peranan sebagai agensi Ketua Perkhidmatan ini sekaligus turut meletakkan JANM sebagai agensi pembekal bagi penempatan kader untuk ketiga-tiga skim perkhidmatan berkaitan.

Sehingga 31 Disember 2021, status pengisian perjawatan skim perakaunan di semua Kementerian/Jabatan adalah sebanyak 5,623 daripada 5,751 perjawatan di semua Kementerian/Jabatan.

Jadual 17 : Pecahan Pengisian Perjawatan Skim Perkhidmatan Perakaunan Di Kementerian/Jabatan Tahun 2021

Kumpulan/Skim Perkhidmatan	Bilangan Pengisian/Bilangan Perjawatan
Pengurusan Tertinggi	16/17
Pengurusan dan Profesional	1,052/1,079
Penolong Akauntan	2,159/2,177
Pembantu Akauntan	2,396/2,478

Pemangkuhan

Pemangkuhan bertujuan untuk menilai keupayaan pegawai melaksanakan tugas dan tanggungjawab di gred jawatan yang lebih tinggi yang menjadi asas penilaian sebelum pegawai dipertimbangkan kenaikan pangkat ke gred berkenaan. Pelaksanaan urusan pemangkuhan skim perkhidmatan perakaunan dilaksanakan setiap tahun berdasarkan syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan. Terdapat dua (2) jenis urusan pemangkuhan yang dilaksanakan dalam kalangan warga perkhidmatan perakaunan iaitu pemangkuhan dengan tujuan kenaikan pangkat bagi mengisi kekosongan dan pemangkuhan dengan tujuan kenaikan pangkat tanpa mengisi kekosongan.

Urusan pemangkuhan dengan tujuan kenaikan pangkat tanpa mengisi kekosongan dalam kalangan Akauntan dipertimbangkan melalui keahlian penuh Badan Ikhtisas. Pegawai yang memiliki Sijil Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf kerajaan adalah layak diberikan pemangkuhan ke satu gred lebih tinggi secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

Urusan pemangkuhan dengan tujuan kenaikan pangkat tanpa mengisi kekosongan dalam kalangan Penolong Akauntan dan Pembantu Akauntan pula dipertimbangkan melalui kenaikan pangkat secara time-based berasaskan kecemerlangan (TBBK) bagi pegawai kumpulan pelaksana selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 2017.

Jadual 18 : Bilangan Pegawai Yang Diberikan Pemangkuhan Sepanjang Tahun 2021

Kumpulan Perkhidmatan	Gred	Bilangan Pegawai	
		Pemangkuhan Hakiki	Pemangkuhan KUP
Pengurusan Tertinggi	TURUS III	-	-
	JUSA A	-	-
	JUSA B	1	-
	JUSA C	-	2
Pengurusan dan Profesional	WA54	2	-
	WA52	2	6
	WA48	4	9
	WA44	8	4
Pelaksana	W40	2	-
	W36	28	39
	W32	54	39
	W28	3	-
	W26	15	22
	W22	30	11

Lapor Diri Pegawai Lantikan Baharu

Majlis Penyerahan Surat Penempatan Lantikan Baharu Akauntan Gred WA41 Tahun 2021

Sepanjang tahun 2021, sebanyak tiga (3) urusan lantikan baharu Akauntan Gred WA41 telah dilaksanakan dengan melibatkan seramai 74 orang pegawai lantikan baharu yang telah ditempatkan di pelbagai kementerian/jabatan. Kesemua 74 orang pegawai ini telah diberikan sesi taklimat asas berkaitan JANM dan perkhidmatan perakaunan serta diakhiri dengan sesi penyerahan surat penempatan.

Jadual 19 : Majlis Penyerahan Surat Penempatan Lantikan Baharu Akauntan Gred WA41 Tahun 2021

Butiran Program	Tarikh	Penglibatan
Majlis Penyerahan Surat Penempatan Lantikan Baharu Akauntan Gred WA41 Siri 1/2021	15 – 17 Sep 2021	15 orang pegawai lantikan baharu
Majlis Penyerahan Surat Penempatan Lantikan Baharu Akauntan Gred WA41 Siri 2/2021	1 – 5 Nov 2021	53 orang pegawai lantikan baharu
Majlis Penyerahan Surat Penempatan Lantikan Baharu Akauntan Gred WA41 Siri 3/2021	1 – 2 Dis 2021	6 orang pegawai lantikan baharu



Sesi Bacaan Ikram Aku Janji Perkhidmatan Awam



Sesi Taklimat Berkaitan Perakaunan Sektor Awam

Kursus Dan Seminar

Eksplorasi Minda

Pada tahun 2021 Kursus Bulanan telah dijenamakan semula dan dinamakan sebagai program Eksplorasi Minda. Eksplorasi Minda adalah inisiatif PPPP di bawah kelolaan Unit Pembangunan Kerjaya dan Kompetensi (UPKK) bagi melengkapkan warga JANM dengan kursus lima (5) hari setahun dengan menawarkan pelbagai jenis kursus yang terdiri daripada kursus soft skills dan kursus umum berdasarkan keperluan pegawai. Sebanyak tujuh (7) kursus telah diadakan secara dalam talian melibatkan seramai 1,110 orang peserta yang terdiri daripada warga JANM.

Jadual 20 : Eksplorasi Minda Yang Telah Diadakan Sepanjang Tahun 2021

Bil.	Tajuk Kursus	Tarikh	Bilangan Peserta
1.	Manfaat Pesara Kerajaan	25 Feb 2021	352
2.	Perundungan Kekeluargaan Islam: Kacamata Mahkamah Syariah	8 Apr 2021	328
3.	Disebalik 'Biar Tak Handsome Janji Kaya'	27 Mei 2021	265
4.	Anda Mangsa atau Pemangsa Semasa Di Pejabat	29 Jul 2021	165
5.	Tumbuk Rusuk	14 Sep 2021	132
6.	Penulisan Minit Mesyuarat Berkualiti	28 Sep 2021	197
7.	Penulisan Surat Rasmi Berkualiti	25 Nov 2021	70



Penyampaian Cenderamata Kepada Penceramah Kursus Di Sebalik 'Biar Tak Handsome Janji Kaya'



Kursus Manfaat Pesara Kerajaan

Persidangan Antarabangsa Akauntan MIA 2021

Malaysian Institute of Accountants (MIA) telah menganjurkan Persidangan MIA 2021 pada 8 hingga 10 Jun 2021 secara maya yang bertemakan ‘Navigating A Sustainable Future With Agility And Resilience’. Persidangan ini telah dirasmikan oleh YB. Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan Malaysia. Persidangan ini telah dihadiri oleh lebih 2,200 delegasi termasuk delegasi jabatan ini seramai 101 orang peserta. Objektif persidangan ini adalah untuk meningkatkan kemahiran akauntan dengan kecekapan berkaitan masa hadapan untuk menyokong dan memacu agenda kemampunan

global, dengan memanfaatkan kecekapan teras dan etika profesion untuk menyokong kesinambungan dan kemampanan perniagaan, penyelesaian iklim dan pemerkasaan digital.

Kursus, Lawatan Dan Persidangan Di Luar Negara

Pada 5 hingga 12 Jun 2021, Encik Muneer bin Othman dari BPTM telah menyertai 6th IEEE International Congress on Information Science and Technology yang dianjurkan oleh Institute of Electrical and Electronics Engineers (IEEE) secara maya. Penyertaan pegawai ke persidangan ini adalah bagi membentangkan kertas penyelidikan yang bertajuk *Exploring Enterprise Architecture Adoption in Public Sector Organisation: A Case Study of Accountant General's Department of Malaysia*. Persidangan ini adalah platform ideal untuk pegawai dari seluruh dunia berkongsi maklumat, pengalaman, amalan-amalan terkini, perkembangan penyelidikan, keperluan masa hadapan dalam bidang teknologi maklumat dan bidang yang berkaitan dengan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0).

Kursus Swasta Dalam Negeri

Kursus swasta dalam negeri merupakan salah satu medium bagi memantapkan kompetensi pegawai JANM dengan menghadiri kursus yang dianjurkan oleh pihak swasta atau kerajaan. Kursus-kursus yang dihadiri adalah untuk meningkatkan profesionalisme pegawai dengan menimba pengetahuan dan kemahiran bagi menambah baik produktiviti dan kecekapan pegawai. Sepanjang tahun 2021 sebanyak 23 kursus swasta dalam negeri telah dihadiri oleh 1,162 orang pegawai.

Kursus Pra Persaraan JANM

Kursus Pra Persaraan JANM telah dilaksanakan pada 21 hingga 23 November 2021 di Hotel Royale Chulan Penang dan telah dihadiri oleh 21 orang warga JANM yang akan bersara sama ada secara wajib maupun bersara pilihan. Kursus ini merupakan latihan di Peringkat Peralihan yang dilaksanakan kepada anggota yang akan meninggalkan perkhidmatan dalam tempoh dua (2) tahun sebelum bersara.



Kursus Pra Persaraan JANM

Kursus Sub Unit Kaunseling JANM

Pada tahun 2021 sebanyak enam (6) kursus telah diadakan di bawah Sub Unit Kaunseling. Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), empat (4) kursus telah diadakan secara dalam talian manakala dua (2) kursus diadakan secara hibrid (bersemuka dan dalam talian). Peserta Kursus Berprestasi Tinggi terdiri daripada Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2020 manakala kursus yang lain terbuka kepada semua warga JANM yang berkhidmat di Ibu Pejabat, JANM Negeri dan Cawangan.

Jadual 21 : Kursus Sub Unit Kaunseling Sepanjang Tahun 2021

Bil.	Tajuk Kursus	Tarikh	Bilangan Peserta
1.	Program Kesedaran Kesihatan Mental	3 Jun 2021	173
2.	Bicara Psikologi JANM Siri 1/2021 : WFH Kekal Bahagia dan Positif	13 Jul 2021	101
3.	Bicara Psikologi JANM Siri 2/2021 : 'Ten Ways To Develop A Positive Focus'	8 Sep 2021	106
4.	Kursus Berprestasi Tinggi JANM Tahun 2021	Sesi 1 : 14 – 15 Sep 2021 Sesi 2 : 20 – 21 Sep 2021	106
5.	Kursus Motivasi OK+OK JANM	20 – 21 Okt 2021	54
6.	Seminar Kesejahteraan Psikologi JANM bertajuk 'Work Life Balance' – Emosi Sejahtera, Keluarga Bahagia, Kerjaya Bermakna	16 – 17 Nov 2021	188

Pelan Operasi Latihan (*Training Roadmap*)

Seiring dengan amanat Akauntan Negara Malaysia untuk meningkatkan tahap profesionalisme dan kompetensi pegawai perakaunan, jabatan telah melaksanakan Pelan Operasi Latihan (*Training Roadmap*). Ia adalah platform penting ke arah peningkatan kemajuan kerjaya warga perakaunan. Sepanjang tahun 2021, sebanyak 36 kursus generik dan *functional* telah dianjurkan melibatkan penyertaan seramai 2,471 pegawai terdiri daripada Akauntan, Penolong Akauntan dan Pembantu Akauntan telah dilaksanakan secara maya seperti berikut:

Jadual 22 : Kursus Pelan Operasi Latihan Yang Dilaksanakan Sepanjang Tahun 2021

Kumpulan	Bilangan Siri	Kehadiran
Akauntan	12	342
Penolong Akauntan	20	1,929
Pembantu Akauntan	4	200

Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS)

Pencapaian Pelaksanaan HRMIS JANM

Pelaksanaan HRMIS merupakan salah satu elemen penting dalam aspek pengurusan sumber manusia perkhidmatan awam. Pelaksanaan HRMIS di JANM telah bermula dengan aktif sejak tahun 2007 dan kini telah dijadikan sebagai salah satu KPI kepada Penjawat Pengurusan Tertinggi Perkhidmatan Awam (PPTPA) *Tier 1* dan *Tier 2* oleh JPA sejak tahun 2009. Walau bagaimanapun, penilaian KPI HRMIS bagi tahun 2021 kepada PPTPA *Tier 1* ditangguhkan kerana JPA sedang melaksanakan kajian semula terhadap elemen penetapan KPI HRMIS yang baru.

Namun Pengurusan Tertinggi JANM melalui Mesyuarat Penyelarasan KPI *Tier 2* TAN (O) pada 11 Januari 2021 telah memutuskan untuk meneruskan pelaksanaan KPI HRMIS kepada Pengurusan Tertinggi *Tier 2* dan *Tier 3* (Pengarah-pengarah Bahagian) pada tahun 2021. Keputusan ini dibuat bagi memastikan pembudayaan HRMIS dalam kalangan warga JANM sentiasa berterusan. Kaedah pengukuran serta kamus KPI HRMIS JANM Tahun 2021 adalah sebagaimana pengukuran yang telah dilaksanakan oleh JPA ke atas Kementerian/Jabatan/agensi sebelum-sebelum ini.

Rajah 12 : Perbandingan Elemen Pelaksanaan KPI HRMIS *Tier 1* Dan *Tier 2* Pegawai Pengurusan Tertinggi Penjawat Awam Tahun 2009 Hingga 2021

Pelaksanaan KPI HRMIS *Tier 1* dan *Tier 2* Pegawai Pengurusan Tertinggi Penjawat Awam (PPTPA) Tahun 2009-2020 dan Pencapaian JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA



SKOP PENILAIAN KAMUS KPI HRMIS MENGIKUT TAHUN			
2009	2010 - 2015	2016 - 2020	2021
2 KRITERIA	5 KRITERIA	6 KRITERIA	MORATORIUM
<p>1. Mesyuarat JK Pemandu/ Pelaksanaan HRMIS</p> <p>2. Rekod Peribadi & Profil Perkhidmatan</p>	<p>1. Mesyuarat JK Pemandu/ Pelaksanaan HRMIS (2010- 2011)</p> <p>2. Rekod Peribadi & Profil Perkhidmatan</p> <p>3. Perisyntiharhan Harta</p> <p>4. Data Perjawatan</p> <p>5. SKT (2010, 2012-2015) atau/dan LNPT (mula 2011)</p>	<p>1. SKT</p> <p>2. Pemurnian Data</p> <p>3. Perisyntiharhan Harta</p> <p>4. Penamatan Perkhidmatan</p> <p>5. Data Perjawatan</p> <p>6. LNPT</p>	<p>PENCAPAIAN</p> <p>100% (2011 & 2013)</p> <p>100% (2016 hingga 2020)</p>

Program Pengurusan Sumber Manusia

Program Semakan Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) Warga JANM Tahun 2021

Program Semakan Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) Warga JANM Tahun 2021 telah diadakan pada 29 November hingga 10 Disember 2021. Kali terakhir penganjuran program semakan BPK ini adalah pada 3 hingga 7 September 2018 dan penganjuran pada tahun 2020 ditangguhkan berikutan arahan PKP.

BPPP selaku pengurus BPK bagi semua Bahagian di JANM Ibu Pejabat telah menyusun jadual khas pelaksanaan program ini bagi membolehkan setiap warga Bahagian meluangkan masa untuk menyertai program ini. Seramai 589 orang pegawai dari pelbagai Bahagian di JANM Ibu Pejabat (termasuk pegawai dari IPN Sabak Bernam dan IPNCPD) telah hadir ke program ini daripada keseluruhan 841 orang pegawai. Program ini akan dijadikan rutin tahunan BPPP dan penganjuran program yang sama pada tahun 2022 dijangkakan sebanyak dua (2) kali.

Jadual 23 : Program Semakan Buku Perkhidmatan Kerajaan (BPK) Warga JANM Tahun 2021

Bil.	Tarikh	Bahagian Yang Terlibat	Tempat
1.	29 Nov 2021	BPTM	Bilik Jamuan 2, Aras 8, JANM
2.	30 Nov 2021	BKP	
3.	1 Dis 2021	PPPA	
4.	2 Dis 2021	BA MOF dan BPOPP	
5.	6 Dis 2021	BPAD	Bilik Mesyuarat BWTD
		BWTD	
		IPNCPD	
6.	7 Dis 2021	BPOPA	Bilik Jamuan 2, Aras 8, JANM
7.	8 Dis 2021	IPN Sabak Bernam	Sabak Bernam
8.	9 Dis 2021	BPTM	Bilik Jamuan 2, Aras 8, JANM
9.	10 Dis 2021	BPPP	
		Pejabat Pengurusan Tertinggi JANM	
		Unit Integriti	
		Unit Undang-undang	



Semakan BPK Sedang Dilaksanakan Di Ibu Pejabat, JANM



Semakan BPK Sedang Dilaksanakan Di IPN Sabak Bernam, Selangor

Prestasi Kewangan

Prestasi Perbelanjaan Mengurus (B10)

Pada tahun 2021, JANM telah diperuntukkan sebanyak RM283.15 juta bagi Program Perkhidmatan Perakaunan berbanding RM282.11 juta pada tahun 2020 iaitu peningkatan sebanyak RM1.04 juta atau 0.37%. Selain peningkatan bagi tujuan tanggungan emolumen, sebahagian besar peningkatan adalah bagi tujuan ubah suai dan perpindahan JANM Perak ke bangunan baharu.

Pecahan peruntukan JANM bagi tahun 2020 dan 2021 adalah seperti di Jadual 24.

Jadual 24 : Pecahan Peruntukan Mengurus JANM Tahun 2020 Dan 2021

Peruntukan	Tahun 2020 (RM Juta)	Tahun 2021 (RM Juta)	Peningkatan/ (Penurunan)
Emolumen	137.32	144.25	6.93
Bekalan dan Perkhidmatan	142.19	129.68	(12.51)
Aset	2.57	9.17	6.6
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	0.03	0.05	0.02
Jumlah Keseluruhan	282.11	283.15	1.04

Trend peruntukan serta perbelanjaan Program Perkhidmatan Perakaunan bagi tiga (3) tahun berturut-turut adalah seperti di Jadual 25 dan Carta 1.

Jadual 25 : Perbandingan Peruntukan Dan Perbelanjaan Peruntukan Mengurus JANM

Jumlah Peruntukan Dan Perbelanjaan	Tahun 2019	Tahun 2020	Tahun 2021
Peruntukan Asal (RM Juta)	474.24	282.12	283.15
Peruntukan Dipinda (RM Juta)	473.06	278.06	235.86
Perbelanjaan (RM Juta)	468.64	266.05	234.80
Prestasi Perbelanjaan (%)	99.06	95.68	99.55


Carta 1 : Trend Peruntukan Dan Perbelanjaan Mengurus JANM



Selain daripada Program Perkhidmatan Perakaunan, JANM juga menerima peruntukan bagi Program Khusus - Emolumen Kakitangan Kontrak sebanyak RM4.19 juta. Bagi peruntukan Bertugas Ke Luar Negara, peruntukan telah dimohon berdasarkan keperluan sahaja disebabkan penutupan pintu keluar masuk negara susulan penularan pandemik COVID-19. Peruntukan tahun 2021 bagi maksud tersebut diperlukan dan dibelanjakan sebanyak RM3,410 sahaja.

Jumlah keseluruhan peruntukan kepada JANM bagi tahun 2021 oleh Kementerian adalah berjumlah RM287.34 juta dengan pecahan peruntukan mengikut program adalah seperti Carta 2.

Carta 2 : Pecahan Agihan Peruntukan Mengurus JANM Tahun 2021



Sehingga bulan berakhir 31 Disember 2021, JANM telah membelanjakan sebanyak 99.3% berbanding sasaran awal 95.0% dan sasaran nasional iaitu 99.0%.

Prestasi perbelanjaan mengurus tahun 2021 mengikut aktiviti adalah seperti Jadual 26.


Jadual 26 : Prestasi Perbelanjaan Mengurus JANM Tahun 2021

Butiran	Aktiviti	Peruntukan (RM Juta)	Peruntukan Kemas Kini (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	%
Program Perkhidmatan Perakaunan					
050100	Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan	45,691,900	27,987,100	27,866,547	99.57
050200	Pengurusan Wang Tak Dituntut	16,120,400	13,841,500	13,841,062	99.95
050300	Pengurusan Teknologi Maklumat	65,565,700	52,865,200	52,810,166	99.90
050400	Pengurusan Operasi Pejabat Perakaunan	94,921,300	91,746,189	90,867,875	99.04
050500	Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi	7,263,400	6,967,500	6,966,972	99.99
050600	Pengurusan Audit Dalam	10,506,000	9,686,100	9,685,721	100.0
050700	Khidmat Perunding	18,927,800	12,352,300	12,352,260	100.0
050800	Pengurusan Perakaunan Kementerian Kewangan	4,743,000	4,468,800	4,468,767	100.0
050800	Institut Perakaunan Negara	19,418,600	15,947,000	15,946,930	100.0
Jumlah Kecil		283,158,100	235,861,689	234,806,300	99.55

Program Khusus					
060100	Bertugas Luar Negara	25,000	3,410	3,410	100.00
060200	Emolumen Kakitangan Kontrak	4,190,000	4,190,000	3,577,178	85.37
	Jumlah Kecil	4,215,000	4,193,410	3,580,588	85.39
	Jumlah Keseluruhan	287,373,100	240,055,099	238,381,048	99.30

Perbandingan peruntukan berbanding perbelanjaan bagi program JANM tahun 2021 adalah seperti Carta 3.

Carta 3 : Perbandingan Peruntukan Berbanding Perbelanjaan Bagi Program/Aktiviti JANM Tahun 2021




Prestasi Perbelanjaan Pembangunan (P10)

Bagi tahun 2021, *Rolling Plan 1 Rancangan Malaysia Ke-12 (RP1 RMKe-12)*, JANM telah diluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM75.08 juta bagi tiga (3) projek sambungan, dua (2) projek baharu dan satu (1) projek yang dikelaskan semula daripada peruntukan mengurus kepada peruntukan pembangunan. Senarai projek diluluskan dan pecahan peruntukan mengikut projek bagi RMKe-12 adalah seperti Jadual 27 dan Carta 4.

Jadual 27 : Senarai Projek Pembangunan JANM bagi RMKe-12

Nama Projek	Tahun 2021 (RM)	
	Kos Projek	Siling RP1
Perluasan Pelaksanaan SAGA – iSPEKS	191,818,210	12,436,500
Perolehan dan Pengantian Server DRC iSPLN	11,222,100	1,300,000
Pembangunan iPayment	19,920,000	3,300,000
Pembaikan Bangunan dan Kemudahan STP IPN Kesan Mendapan Tanah	6,000,000	1,900,000
Pembaikan Luaran Bangunan Pentadbiran, Asrama dan Kuarters IPN Kesan Mendapan Tanah	2,000,000	600,000
OE ke DE – Pembangunan Sistem iGFMAS	312,777,000	62,555,400
Jumlah Keseluruhan	543,737,310	82,091,900

Carta 4 : Pecahan Peruntukan RP1 RMKe-12



Secara terperinci, prestasi perbelanjaan bagi tahun 2021 mengikut projek adalah seperti Jadual 28.

Jadual 28 : Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Pembangunan Mengikut Butiran Projek Bagi Tahun 2021

Butiran Projek/ Sub Butiran	Tajuk	Anggaran Tahun 2021 (RM Juta)	Peruntukan Dipinda Tahun 2021 (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	%
06000 – Pengkomputeran Jabatan Akauntan Negara					
0090001	Perluasan Pelaksanaan SAGA – iSPEKS	12.436	12.03	12.022	99.94
0160001	Perolehan dan Penggantian Server – iSPLN	1.3	0.998	0.998	100.0
0100001	Pembangunan iPvement	3.3	0.0	-	-
Jumlah Kecil		17.036	13.028	13.020	99.94
07000 – Projek Institut Perakaunan Negara (Baharu)					
0030001	Pembaikan Bangunan dan Kemudahan STP di IPN, Sabak Bernam Kesan Mendapan Tanah	1.9	1.6	1.6	100.0
0100001	Pembaikan Luaran Bangunan Pentadbiran, Asrama, Surau dan Kuarters IPN Sabak Bernam – Kesan Mendapan Tanah	0.6	0.28	0.28	100.0
0200001	OE ke DE – Pembangunan iGFMAS	62.555	51.288	50.914	99.27
Jumlah Keseluruhan		82.091	66.196	65.815	99.42


Prestasi Pengurusan Perolehan

Perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan JANM yang dilaksanakan secara tender, sebut harga dan sebut harga B adalah berdasarkan kepada tatacara perolehan dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa. Perbandingan amaun dan bilangan perolehan mengikut kaedah perolehan bagi tahun 2019, 2020 dan 2021 adalah seperti Jadual 29 dan Carta 5 berikut:

Jadual 29 : Bilangan Dan Nilai Perolehan Mengikut Kaedah Dan Tahun Perolehan Dilaksanakan

Kaedah Perolehan	Tahun 2019		Tahun 2020		Tahun 2021	
	Bil.	RM	Bil.	RM	Bil.	RM
Tender	5	272,670,686	9	54,063,037	14	121,142,607
Sebut Harga	11	2,166,026	24	2,383,454	36	4,930,073
Sebut Harga B	13	453,453	14	21,342,802	11	357,020
Jumlah	29	275,290,165	47	77,789,293	61	126,429,701

Carta 5 : Bilangan Perolehan Mengikut Kaedah Dan Tahun Perolehan Dilaksanakan




Perbandingan perancangan perolehan dengan pelaksanaan bagi tahun 2021 adalah seperti Jadual 30, Carta 6 dan Carta 7 berikut:


Jadual 30 : Perancangan Perolehan Berbanding Pelaksanaan Sebenar Bagi Tahun 2021

Kaedah Perolehan	Perancangan		Pelaksanaan	
	Bil.	RM	Bil.	RM
Tender	17	155,336,779	14	121,142,607
Sebut Harga	45	7,348,909	36	4,930,073
Sebut Harga B	18	623,418	11	357,020
Jumlah	80	163,309,107	61	126,429,701

Carta 6 : Bilangan Perancangan Perolehan Berbanding Pelaksanaan Sebenar Bagi Tahun 2021



Carta 7 : Jumlah (RM'000) Perancangan Perolehan Berbanding Pelaksanaan Sebenar Bagi Tahun 2021




Kelulusan Juruaudit Dan Penyelesai Syarikat

Akauntan Negara Malaysia telah diwakilkan kuasa oleh Menteri Kewangan bagi urusan kelulusan Juruaudit dan Penyelesai Syarikat di bawah Akta Syarikat 2016. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bertanggungjawab melaksanakan proses temu duga calon untuk diluluskan sebagai Juruaudit dan Penyelesai Syarikat di bawah Akta Syarikat 2016.

Proses temu duga Juruaudit melibatkan empat (4) modul penilaian dan panel terdiri daripada wakil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Suruhanjaya Sekuriti (SC), Institut Akauntan Malaysia (MIA) serta Bank Negara Malaysia (BNM).

Carta 8 : Prestasi Temu Duga Kelulusan Baharu Juruaudit Syarikat Bagi Tahun 2019 Hingga 2021



[Kelulusan Baharu Juruaudit Syarikat Di Bawah Seksyen 263(2), Akta Syarikat 2016]

Jadual 31 : Analisis Pencapaian Temu Duga Mengikut Modul Tahun 2021

Bilangan Calon	Modul 1	Modul 2	Modul 3	Modul 4
Lulus	111	105	96	115
Gagal	41	47	56	37
Jumlah Calon	152	152	152	152

Keterangan Modul:

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
(Akta Syarikat 2016)

Suruhanjaya Sekuriti (SC)
(Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007)

Institut Akauntan Malaysia (MIA)
(Akta Akauntan 1967 & MIA By-Law)


Bank Negara Malaysia (BNM)
(Akta Perkhidmatan Kewangan 2013
Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013)

Bagi kelulusan Penyelesai Syarikat, proses temu duga melibatkan empat (4) modul penilaian dan panel terdiri daripada wakil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Suruhanjaya Sekuriti (SC), Institut Akauntan Malaysia (MIA) serta Jabatan Insolvensi Malaysia (MDI). Sebanyak tiga (3) sesi temu duga telah diadakan pada tahun 2021 dan seramai 19 orang calon telah ditemu duga di mana seramai 15 orang calon telah lulus manakala empat (4) calon telah gagal.

Tempoh sah kelulusan Juruaudit dan Penyelesai Syarikat adalah untuk selama dua (2) tahun sahaja dan permohonan pembaharuan kelulusan perlu dikemukakan dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh kelulusan terdahulu.

Carta 9 menunjukkan bilangan sijil pembaharuan kelulusan dalam tempoh tiga (3) tahun terkini.

Carta 9 : Bilangan Pembaharuan Kelulusan Juruaudit Dan Penyelesai Syarikat Dari Tahun 2019 Hingga 2021



Permohonan kelulusan baharu dan pembaharuan kelulusan sebagai Juruaudit dan Penyelesai Syarikat dilaksanakan oleh JANM secara dalam talian melalui portal Business Licensing Electronic Support System (BLESS) yang dibangunkan oleh Unit BLESS, Kementerian Pembangunan Usahawan.

Pembangunan Dan Pelaksanaan Piawaian Perakaunan Islam (PPI)

Pembangunan PPI telah memasuki tahun keenam pada tahun 2021. Tahun 2021 telah melakar sejarah apabila piawaian bagi Fasa 2 iaitu PPIBW-Aset telah diperakur dan diluluskan pada 21 September 2021 untuk pemakaian awal. Pelaksanaan aktiviti pembangunan PPI yang merangkumi penyelidikan, penggubalan dan mesyuarat jawatankuasa PPI masih dalam sasaran yang ditetapkan. Pada tahun 2021, sebahagian besar mesyuarat penggubalan dan penyemakan masih dijalankan secara dalam talian disebabkan pandemik Covid-19 yang belum reda. Walau bagaimanapun, ia tidak menyebabkan kualiti penggubalan dan penyemakan piawaian tersebut dikompromi.

Piawaian Perakaunan Islam Bagi Baitulmal, Zakat Dan Wakaf (PPIBW) - Aset

PPIBW-Aset telah diluluskan untuk pemakaian awal pada 21 September 2021 dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Piawaian Perakaunan Islam Bil. 1/2021 yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa, Akauntan Negara Malaysia. Walaupun terpaksa berdepan dengan pandemik COVID-19 yang membataskan penganjuran mesyuarat penggubalan dan penyemakan secara bersemuka, namun ia tidak menghalang usaha untuk menyiapkan PPIBW-Aset dalam masa yang disasarkan. Kelulusan pemakaian awal PPIBW-Aset merupakan titik sejarah dalam pembangunan PPI bagi memberikan panduan kepada Institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf dalam pengolahan perakaunan berkaitan aset yang merupakan isu utama dalam menyeragamkan pelaporan kewangan.




Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat PPI (JPls) Secara Dalam Talian

Pembangunan Kerangka Kerja Konseptual Piawaian Perakaunan Islam

Pembangunan Kerangka Kerja Konseptual bagi Piawaian Perakaunan Islam adalah sangat penting kerana ia akan menetapkan hala tuju dan memberikan panduan bagaimana

piawaian perakaunan Islam akan digubal dan memastikan piawaian tersebut memenuhi keperluan syariah. Cadangan Kerangka Kerja Konseptual Piawaian Perakaunan Islam telah dimuktamadkan dalam satu sidang mesyuarat khas yang telah diadakan pada 10 hingga 11 Mei 2021. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh kumpulan penyelidik (UIAM, UUM dan UKM), ahli kumpulan kerja PPI dan ahli jawatankuasa penyelidikan dan penggubalan.



Mesyuarat Kerangka Kerja Konseptual Piawaian Perakaunan Islam Secara Dalam Talian

Penyemakan Draf Piawaian Perakaunan Islam Bagi Wakaf, Zakat Dan Baitulmal (PPIBZW) Fasa 2-Aset Dan Fasa 3-Hasil, Belanja Dan Liabiliti

Draf piawaian Fasa 2 dan Fasa 3 iaitu PPIBZW-Aset dan PPIBZW-Hasil, Belanja dan Liabiliti telah disemak dengan beberapa tahap jawatankuasa seperti wakil daripada Majlis Agama Islam Negeri dan Kumpulan Kerja, Jawatankuasa Penyelidikan dan Penggubalan, Jawatankuasa Syariah PPI dan Jawatankuasa Penasihat PPI. Sebanyak 90% penyemakan draf piawaian Fasa 3 telah selesai dilaksanakan sehingga 31 Disember 2021. Sebanyak sembilan (9) aspek piawaian berkaitan hasil, belanja dan liabiliti telah disemak melalui 10 bilangan Mesyuarat Kumpulan Kerja yang dilaksanakan secara bersemuka dan dalam talian. Walau bagaimanapun, satu seksyen baharu berkaitan sumbangan oleh pewakaf telah ditambah dan menjadikan draf piawaian Fasa 3 mempunyai 10 aspek piawaian berbanding hanya sembilan (9) aspek yang disasarkan. Jadual X di bawah menunjukkan bilangan mesyuarat penyemakan yang telah dijalankan bagi Fasa 2 dan Fasa 3 pada tahun 2021.

Jadual 32 : Mesyuarat Penyemakan Draf PPIBZW Fasa 2 Dan Fasa 3

Bil.	Aktiviti	Bilangan Mesyuarat	Tempat
1.	Mesyuarat Penyemakan Draf PPIBZW dengan MAIN Fasa 3	1 kali	Dalam talian
2.	Mesyuarat Penyemakan Draf PPIBZW dengan Kumpulan Kerja Fasa 3	10 kali	Dalam talian
3.	Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan dan Penggubalan PPI	6 kali	Dalam talian
4.	Mesyuarat Jawatankuasa Syariah PPI	2 kali	Dalam talian
5.	Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat PPI	1 kali	Dalam talian
Jumlah Mesyuarat		20 kali	

Pelaksanaan Pemakaian Awal PPIBZW-Pembentangan Penyata Kewangan Dan PPIBZW- Aset

Pelaksanaan Piawaian Perakaunan Islam bagi institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf melibatkan lima (5) Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Yayasan Wakaf Malaysia yang telah bersetuju untuk mengguna pakai PPIBZW-Pembentangan Penyata Kewangan pada tahun 2021. JANM telah mengambil inisiatif mengadakan beberapa siri bengkel bagi menerangkan dan menjelaskan intipati piawaian tersebut dan piawaian berkaitan aset. Bengkel ini tidak terhad kepada wakil daripada institusi Baitulmal, Zakat dan Wakaf tetapi Jabatan juga mengadakan bengkel khas kepada Pengarah Audit Negeri daripada Jabatan Audit Negara Malaysia. Jadual X menunjukkan bengkel yang telah diadakan sepanjang tahun 2021.

Jadual 33 : Bengkel PPIBZW-Pembentangan Penyata Kewangan

Bil.	Aktiviti	Bilangan Mesyuarat	Tempat
1.	Bengkel PPIBZW dengan MAIN : PPIBZW–Pembentangan Penyata Kewangan	1 kali	Dalam talian
2.	Bengkel PPIBZW dengan Jabatan Audit Negara: PPIBZW–Pembentangan Penyata Kewangan	1 kali	Dalam talian
3.	Bengkel PPIBZW dengan MAIN : PPIBZW–Aset	1 kali	Dalam talian
Jumlah Bengkel PPIBZW		3 kali	



Bengkel PPIBZW Dengan Jabatan Audit Negara : PPIBZW-Pembentangan Penyata Kewangan Secara Dalam Talian

BAHAGIAN KHIDMAT PERUNDING (BKP)

Majlis Menandatangani Sijil Final Acceptance Test (FAT) iSPEKS

Majlis menandatangani sijil FAT iSPEKS telah diadakan pada 30 September 2021 secara *hybrid*. Majlis disempurnakan oleh YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa, Akauntan Negara Malaysia (ANM) selaku Pengerusi Jawatankuasa Pemandu SAGA dan turut dihadiri oleh Timbalan Akauntan Negara (Korporat), Pengarah BKP, wakil Bahagian dari JANM dan juga wakil dari 11 Kerajaan Negeri yang mengguna pakai iSPEKS. Majlis ini diadakan sebagai simbolik yang mana dokumen FAT Tunai dan Akruan telah pun ditandatangani oleh BKP dan Kerajaan Negeri Johor pada 9 dan 12 Julai 2021 sebagaimana terma kontrak.



Akauntan Negara Malaysia Sedang Menandatangani Sijil FAT iSPEKS



Akauntan Negara Malaysia Menyerahkan Sijil FAT Kepada Pengarah BKP Selaku Wakil Pihak TTSB

Majlis Apresiasi iSPEKS

Majlis Apresiasi iSPEKS telah diadakan pada 22 November 2021 bertempat di The Zenith Hotel, Kuantan, Pahang. Majlis ini telah dirasmikan oleh YBrs. Tuan Mohd Redzuan bin Hasan, Timbalan Akauntan Negara Malaysia (Operasi) dan disertai oleh wakil dari 11 Kerajaan Negeri dan pihak pembekal. Majlis ini diadakan sebagai penghargaan kepada pihak Kerajaan Negeri dan pembekal di atas kerjasama serta komitmen dalam pembangunan dan pelaksanaan iSPEKS.



Timbalan Akauntan Negara (Operasi) Merasmikan Majlis Apresiasi iSPEKS



Timbalan Akauntan Negara (Operasi) Bersama Bendahari Negeri Dan Pihak Pembekal Yang Menerima Anugerah Penghargaan Pada Majlis Apresiasi iSPEKS

Mesyuarat Kick-Off Projek Pembangunan Dan Pelaksanaan Sistem iPAYMENT

BKP telah mengadakan Mesyuarat *Kick-Off* Projek Pembangunan dan Pelaksanaan Sistem iPAYMENT pada 15 Disember 2021 di Bilik Mesyuarat Utama, BKP. Penyertaan terdiri daripada wakil pemilik Projek (BKP JANM) dan wakil pembekal Century Software (Malaysia) Sdn. Bhd.

Objektif mesyuarat ini bertujuan sebagai pengenalan projek, tadbir urus projek, pasukan projek serta pembentangan perancangan dan ringkasan pelan pengurusan projek oleh Censof.



Mesyuarat *Kick-off* Projek Pembangunan Dan Pelaksanaan Sistem iPAYMENT

Persediaan Dan *Go-live* Perkakasan Dan Perisian Bagi Pusat Pemulihan Bencana (DRC) Dan Pusat Data (DC) Sistem Perakaunan Luar Negeri Akruan (iSPLN)

BKP telah mengadakan aktiviti persediaan dan *go-live* perkakasan dan perisian bagi Pusat Pemulihan Bencana (DRC) dan Pusat Data (DC) Sistem Perakaunan Luar Negeri Akruan (iSPLN) pada 13 hingga 15 Mac 2021 di Bilik Mesyuarat Utama, BKP. Penyertaan terdiri daripada wakil pemilik projek (BKP JANM, wakil pembekal sistem dan wakil Kementerian Luar Negeri).

Objektif aktiviti ini bertujuan untuk memastikan pelaksanaan penggunaan perkakasan dan perisian bagi Pusat Pemulihan Bencana (DRC) dan Pusat Data (DC) Sistem Perakaunan Luar Negeri Akruan (iSPLN) berjalan dengan lancar dan *go-live* pada 15 Mac 2021.


Kursus Sistem Perakaunan Luar Negeri Akruan (iSPLN) Bil. 1/2021 Dan Bil. 2/2021

BKP telah menganjurkan Kursus Sistem Perakaunan Luar Negeri Akruan (iSPLN) secara dalam talian. Objektif kursus adalah untuk memberi pendedahan dan latihan asas secara praktikal menggunakan sistem iSPLN kepada pegawai sebelum memulakan tugas di luar negara, Bahagian Akaun dan pasukan Naziran Kementerian yang terlibat dengan perakaunan luar negara.

Kursus ini telah dilaksanakan sebanyak dua (2) siri seperti berikut:

Jadual 34 : Kursus Sistem Perakaunan Luar Negeri Akruan (iSPLN)

Bil.	Siri/Tarikh	Bilangan Peserta	Kementerian/Jabatan
1.	Bil. 1/2021 (6 – 10 Sep 2021)	32	1. Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) 2. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) 3. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
2.	Bil. 2/2021 (15 – 19 Nov 2021)	15	1. Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) 2. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) 3. Kementerian Dalam Negeri (KDN) 4. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) 5. Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)



Peserta Kursus Sistem Perakaunan Luar Negeri Akruan (iSPLN) Bil. 1/2021



Peserta Kursus Sistem Perakaunan Luar Negeri Akruan (iSPLN) Bil. 2/2021

Standard Accounting System For Government Agencies (SAGA)

Rajah 14 : Sesi Lawatan Penilaian Jawatankuasa Pematuhan SAGA Bagi Tahun 2021



Majlis Anugerah Sijil Pematuhan SAGA 2021

Majlis Anugerah Sijil Pematuhan SAGA (MASS) 2021 yang bertemakan “Kesantunan Budaya Mercu Tradisi” telah diadakan pada 21 November 2021 di Zenith Hotel, Kuantan Pahang. MASS 2021 telah dirasmikan oleh YBrs. Encik Redzuan bin Hasan, Timbalan Akauntan Negara (Operasi).

Majlis ini diadakan bagi meraikan inisiatif agensi yang berusaha untuk mematuhi dan memperolehi Sijil Pematuhan SAGA sepanjang tahun 2020 dan 2021 serta Kementerian dan SUK sebagai Jawatankuasa Pemantau SAGA yang telah memberi kerjasama dalam memperolehi pengiktirafan ini.

Rajah 15 : Penerima Anugerah Sijil Pematuhan SAGA Bagi Tahun 2020 Dan 2021



Pelaksanaan Aktiviti Unit Perakaunan Strategik

Sepanjang tahun 2021, sebanyak enam (6) Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) dan lima (5) Garis Panduan Akauntan Negara Malaysia (GPANM) telah dikeluarkan sebagai panduan kepada Kementerian/Jabatan/PTJ dalam pelaksanaan tugas kewangan dan perakaunan.

Rajah 16 : Pelaksanaan Aktiviti Unit Perakaunan Strategik





Sesi Transfer of Knowledge (TOT) SPANM Bil. 4/2021

Sesi Transfer of Knowledge (TOT) SPANM Bil. 4/2021 diadakan secara dalam talian pada 13 Oktober 2021 dengan penyertaan seramai 304 orang peserta dari 52 Pejabat Perakaunan.

Mesyuarat Jawatankuasa Sistem Perakaunan Kerajaan Persekutuan

Jawatankuasa Sistem Perakaunan Kerajaan Persekutuan (JKSPKP) ditubuhkan di JANM bertujuan untuk mengkaji dan meluluskan permohonan pembangunan sistem aplikasi perakaunan dan kewangan dari Kementerian dan Jabatan Kerajaan Persekutuan.

Mesyuarat JKSPKP dipengerusikan oleh Timbalan Akauntan Negara (Korporat) dan dianggotai oleh Pengarah Bahagian iaitu BKP, BPOPP, BPTM, PPPA, BPOPA, BPAD, BA MOF, Timbalan Pengarah BKP dan Ketua Penolong Pengarah Kanan BKP.

Pada tahun 2021, mesyuarat JKSPKP telah diadakan sebanyak dua (2) kali seperti berikut:

Jadual 35 : Mesyuarat JKSPKP Bagi Tahun 2021

Bilangan Mesyuarat	Tarikh	Jumlah Kelulusan Sistem
JKSPKP Bil. 1/2021	30 Mac 2021	2
JKSPKP Bil. 2/2021	2 Sep 2021	2



Mesyuarat JKSPKP Bil. 1/2021

Mesyuarat Kick Off Pelaksanaan *Robotic Process Automation (RPA)* Di BWTD

BKP telah mengesyorkan pelaksanaan RPA di BWTD bagi memproses permohonan bayaran balik wang tak dituntut mengikut tempoh yang ditetapkan, mengatasi masalah kelewatan pembayaran dan *backlog* dan mengurangkan aduan yang diterima berkaitan kelewatan pembayaran permohonan bayaran balik wang tak dituntut.

Mesyuarat *Kick Off* Pelaksanaan RPA di BWTD telah diadakan pada 29 Oktober 2021 yang dipengerusikan oleh Pengarah BKP dan turut dihadiri oleh Pengarah dan pegawai BWTD serta wakil pembekal yang telah dilantik. Pembangunan RPA dijadualkan selama 17 minggu dan pelaksanaan RPA dijangka *go-live* pada bulan Mac 2022.



Mesyuarat *Kick Off* RPA BWTD

Program Perkongsian Ilmu

Pada tahun 2021, BKP telah mengadakan dua (2) Program Perkongsian Ilmu iaitu “Pemakanan dan Gaya Hidup Sihat” pada 2 April 2021 dan “Impak COVID-19 Terhadap Psikologi Penjawat Awam serta Pengurusannya” bagi Pegawai BKP pada 17 November 2021. Kedua-dua program ini telah diadakan di Ruang Legar, BKP.

Program ini diadakan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada warga BKP mengenai keperluan membudayakan pemakanan gaya hidup sihat dan penjagaan fizikal dan psikologi sepanjang penularan pandemik COVID-19.

BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (BPTM)

Aktiviti Perkhidmatan MYGOVUC 2.0

MyGovUC 2.0 adalah Perkhidmatan Komunikasi dan Kolaboratif Bersepadu Kerajaan yang menyediakan platform bagi ruang kerja digital pengguna. Perkhidmatan MyGovUC sedia ada telah ditamatkan pada 31 Disember 2020 manakala pelaksanaan *go live* perkhidmatan MyGovUC 2.0 telah bermula di JANM pada 29 Disember 2020. Perkhidmatan MyGovUC 2.0 telah mula beroperasi menggunakan platform IceWarp WebClient berkuat kuasa pada 1 Januari 2021.

Berikut merupakan rentetan aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2021 bagi pelaksanaan sepenuhnya MyGovUC 2.0 di JANM:

1. Sesi libat urus bersama *champion* projek MyGovUC 2.0
2. Sesi soal jawab libat urus bersama *ambassador* projek MyGovUC 2.0
3. Perbincangan Strategi Migrasi Perkhidmatan MyGovUC 2.0
4. Latihan Pentadbir UC JANM
5. Taklimat Perkhidmatan MyGovUC pada Mesyuarat Pengurusan Atasan JANM
6. Hebahan Pembekuan Sistem IPMS MyGovUC
7. Hebahan *Countdown*
8. Hebahan Perkhidmatan MyGovUC 2.0
9. Hebahan latihan pengguna secara dalam talian (LMS)
10. Migrasi smtp *relay* MyGovUC 2.0

Rajah 17 : Ciri-ciri Perkhidmatan MyGovUC 2.0



Bengkel Motivasi BPTM Siri 2 - Semangat Kerja Berpasukan

Bengkel Motivasi Siri 2 dengan tajuk ‘Semangat Kerja Berpasukan’ adalah kesinambungan daripada bengkel Siri 1 khusus diadakan untuk warga kerja BPTM pada 18 Mac 2021 bertempat di Dewan Serbaguna, JANM.

Bengkel ini diadakan rentetan daripada cadangan penambahbaikan kepuasan bekerja yang dicadangkan di BPTM dengan objektif bengkel seperti berikut:

1. Menyemai dan mengukuhkan semangat kerja berpasukan setiap pegawai/unit di BPTM.
2. Meningkatkan semangat kekitaan di kalangan pegawai.
3. Pemahaman kepada kaitan kehidupan dengan pekerjaan.
4. Mempraktikkan budaya kerja cemerlang di samping mempunyai nilai moral dan akhlak yang tinggi.
5. Pendedahan kepada cara mengimbangi kehidupan dengan pekerjaan bagi mengurangi tekanan.

Secara kesimpulannya, bengkel motivasi ini telah berjaya mencapai objektif untuk menyemai dan mengukuhkan semangat kerja berpasukan di antara pegawai BPTM melalui setiap aktiviti yang dijalankan. Peserta juga disarankan untuk terus mempraktikkan semangat kerja berpasukan, budaya kerja cemerlang serta tips-tips bermanfaat yang telah dikongsikan oleh penceramah dalam pekerjaan dan kehidupan seharian.



Warga BPTM Bergambar Bersama Penceramah

Aktiviti Simulasi Pemulihan Bencana (*DR Simulation*) iGFMAS 2021

Aktiviti Simulasi Pemulihan Bencana (*DR Simulation*) iGFMAS bagi tahun 2021 telah dilaksanakan pada 5 Jun 2021 yang melibatkan seramai 254 orang (136 pegawai BPTM, 14 pegawai JANM Negeri/Cawangan dan 104 vendor yang terdiri daripada 27 staf Mesiniaga Berhad (MB), 75 staf Innovation Associates Consulting Sdn Bhd (iAC) dan 2 staf Alfacom Technologies Sdn Bhd (AC)). Kaedah capaian dan pengujian yang dijalankan adalah secara dalam talian dari lokasi rumah masing-masing ke Pusat Data *Disaster Recovery Centre* (DRC), Petaling Jaya.

Aktiviti ini merupakan aktiviti simulasi pemulihan bencana yang keempat bagi sistem iGFMAS dan merupakan aktiviti tahunan bagi BPTM untuk memastikan kesinambungan perkhidmatan sistem iGFMAS sekiranya berlaku bencana melibatkan persekitaran Pusat Data *Production* (PRD) iGFMAS di i-City Shah Alam.

Objektif Simulasi Pemulihan Bencana (*DR Simulation*) iGFMAS adalah seperti berikut:

1. Memastikan *Recovery Time Objective* (RTO) dan *Recovery Point Objective* (RPO) bagi sistem iGFMAS tercapai sekiranya berlaku bencana.
2. Menguji keupayaan infrastruktur pemulihan bencana di persekitaran DRC.
3. Memastikan data/maklumat bagi sistem iGFMAS di persekitaran DRC diuji untuk memastikan ianya sama seperti di persekitaran PRD.
4. Mengenal pasti perkara yang boleh ditambah baik dalam proses sedia ada berdasarkan laporan *post mortem*.
5. Mengenal pasti kelebihan, kekurangan dan seterusnya membuat penambahbaikan pada dokumen yang berkaitan pemulihan bencana iGFMAS.
6. Memberi pendedahan dan latihan kepada semua ahli Pasukan IT DR.

Aktiviti Simulasi Pemulihan Bencana (*DR Simulation*) iGFMAS bagi tahun 2021 telah berjaya dilaksanakan dengan *zero data loss* RPO dan mengambil masa selama 10 jam 18 minit. Tempoh masa yang diambil adalah lebih lama dari tahun sebelumnya disebabkan aktiviti tahun ini pertama kali dilakukan secara dalam talian sepenuhnya dan bergantung kepada *bandwidth* di lokasi rumah masing-masing.



Penutupan Aktiviti *DR Simulation* Secara Dalam Talian



Pusat Data *Production* (PRD) iGFMAS Di i-City Shah Alam



Persidangan *The 6th IEEE International Congress on Information Science and Technology (IEEE CiSt'20)*

Persidangan ini telah diadakan di Agadir, Maghribi pada 5 hingga 12 Jun 2021 dan disertai oleh Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM) secara dalam talian berikutan penularan wabak COVID-19.

Persidangan ini merupakan *platform* untuk pegawai, pengamal industri, ahli akademik, jurutera dan penyelidik dari seluruh dunia berkongsi maklumat, pengalaman, amalan-amalan terkini, perkembangan penyelidikan, peluang masa depan dalam bidang teknologi maklumat dan bidang yang berkaitan dengan Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0). Cabaran pengkomputeran, model konsepsual, teknik dan perkakasan pelaksanaan, seni bina aplikasi dan penyelesaian IT turut dibincangkan dari perspektif akademik, perniagaan, industri dan kerajaan. Persidangan ini juga merangkumi sesi tutorial dan sesi ucap utama yang dikendalikan oleh penceramah bertaraf antarabangsa.

Pada persidangan ini pegawai BPTM iaitu Encik Mohd Muneer Bin Othman (KPP F48) telah membentangkan kertas penyelidikan bertajuk *Exploring Enterprise Architecture Adoption in Public Sector Organisation: A Case Study of Accountant General's Department of Malaysia*. Kertas penyelidikan ini telah diumumkan menerima anugerah *Best Paper Award* bagi *The 6th IEEE International Congress on Information Science and Technology* oleh pihak pengangur.

Secara kesimpulannya, penyertaan dalam persidangan ini telah memberi peluang kepada BPTM untuk memperoleh pandangan baru dan strategi yang boleh diambil untuk mewujudkan nilai, memacu transformasi digital dan inovasi yang memberikan kelebihan daya saing. Seterusnya BPTM juga dapat meneroka pengalaman pengamal industri, ahli akademik, jurutera dan penyelidik bidang teknologi maklumat khususnya yang terlibat dalam *Enterprise Architecture (EA)* yang dilaksanakan di peringkat global.



Sijil Best Paper Award Yang Dianugerahkan Oleh Pihak Pengangur



Pembentangan Kertas Penyelidikan Secara Dalam Talian

Mesyuarat Pegawai Teknikal ICT JANM 2021

Mesyuarat Pegawai Teknikal ICT 2021 telah diadakan pada 29 November 2021 hingga 1 Disember 2021 secara hibrid di mana seramai 73 peserta bertempat di Dewan Serbaguna, Aras 7, JANM, Putrajaya dan 30 peserta dalam talian yang terdiri daripada JANM Negeri/Cawangan.

Mesyuarat Pegawai Teknikal ICT ini merupakan agenda tahunan BPTM dengan objektif berikut:

1. Membincangkan secara terperinci mengenai isu-isu iGFMAS dan lain-lain sistem yang terlibat merangkumi perkasan, perisian, rangkaian dan sebagainya.
2. Memberikan pemahaman yang terperinci tentang prosedur dan arahan terkini iGFMAS untuk penyeragaman.
3. Berkongsi maklumat mengenai *Technology Update* untuk memantapkan dan meningkatkan pengetahuan dan kepakaran Pegawai ICT di JANM.
4. Membincang dan menyelesaikan isu teknikal ICT dan operasi di Pejabat-pejabat JNC berkaitan iGFMAS dan lain-lain sistem yang terlibat.
5. Perbincangan dua hala pihak BPTM bersama pegawai ICT JNC dalam menghadapi cabaran dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi yang terkini.
6. Memberi pendedahan kepada peserta mengenai polisi-polisi ICT, keselamatan ICT dan juga tatacara/prosedur yang dipraktikkan dalam memastikan teknologi ICT yang digunakan berada pada tahap keselamatan yang amat memuaskan dan perlindungan data sistem terpelihara.

Mesyuarat Pegawai Teknikal ICT 2021 telah berjaya dilaksanakan serta mencapai objektif berdasarkan maklumbalas positif yang diterima daripada peserta. Justeru itu, aktiviti ini akan dijalankan secara berterusan untuk tahun-tahun berikutnya.




Urus Setia Mesyuarat Pegawai Teknikal ICT 2021

Solusi Baharu MYGOVUC 2.0 - Perkhidmatan Google Workspace

Perkhidmatan MyGovUC 2.0 telah ditambah baik melalui pelaksanaan solusi baharu yang bertujuan untuk meningkatkan kestabilan dan menjamin keselamatan perkhidmatan MyGovUC 2.0. Penukaran platform ini juga adalah selaras dengan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021 - 2025. Perkhidmatan MyGovUC 2.0 menukar platform perkhidmatannya yang berteraskan Icewarp kepada Google Work Space (GWS) dan pelaksanaan go-live di JANM telah berlangsung pada 28 Disember 2021.

Ciri-ciri dalam Google Work Space (GWS) ialah:

1. *Google E-mail*
2. *Google Meet*
3. *Google Chat/ Group Chat*
4. *Google Drive*
5. *Online Archiving*
6. *Information Rights Management (IRM)*



INSTITUT PERAKAUNAN NEGARA (IPN)

IPN merupakan Institut Latihan Awam (ILA) yang bertanggungjawab dalam melaksanakan Kursus Generik Kewangan dan Perakaunan. Kursus-kursus generik yang dilaksanakan oleh IPN adalah seperti berikut:

1. Asas Perakaunan Kerajaan
2. Perakaunan Akruan (Asas)
3. Perakaunan Akruan (Pertengahan)
4. Perakaunan Terimaan/Hasil Kerajaan
5. Perakaunan Pembayaran Kerajaan
6. Perakaunan Akaun Amanah, Deposit dan Panjar
7. Sistem Belanjawan Negara (Asas)
8. Gaji, Elaun dan Kemudahan Penjawat Awam
9. Pengurusan Aset Alih dan Stor Kerajaan
10. Asas Pengurusan Perolehan Kerajaan
11. Akauntabiliti Dalam Pengurusan Kewangan
12. Asas Pengurusan Kewangan

Bagi tahun 2021 IPN telah melaksanakan sebanyak 523 kursus atau 84% daripada 623 kursus yang telah dirancang. Daripada jumlah tersebut, 264 adalah kursus yang ditakwimkan dalam Jadual Program Latihan (JPL) IPN manakala 259 kursus adalah di luar JPL IPN. Jumlah keseluruhan peserta pada tahun 2021 adalah seramai 17,276 orang yang terdiri daripada 5,411 orang pegawai daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 11,865 orang pegawai daripada Kumpulan Pelaksana.

Laporan Pelaksanaan Kursus Takwim Latihan IPN 2021

Sepanjang tahun 2021, sebanyak 330 kursus telah dirancang di dalam JPL. Kursus-kursus ini merangkumi Kursus Perakaunan, Kewangan, Pengauditan, Sistem Maklumat Perakaunan, Kursus Baharu dan juga kursus Generik Kewangan dan Perakaunan yang dijalankan di lima (5) zon iaitu Zon Utara, Zon Selatan, Zon Timur, Zon Sabah dan Zon Sarawak. Daripada 330 kursus yang dirancang, IPN berjaya melaksanakan sebanyak 264 kursus atau 80% dan telah mencapai sasaran pindaan KPI yang telah ditetapkan. Pindaan sasaran kepada 75 peratus pelaksanaan kursus disebabkan oleh penularan wabak COVID-19 yang telah menyebabkan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pelaksanaan 245 kursus secara dalam talian dan 19 kursus bersemuka telah dilaksanakan. Siri kursus secara dalam talian telah meningkat dari 28 siri pada tahun 2020 kepada 245 siri bagi memastikan latihan untuk meningkatkan kompetensi penjawat awam diteruskan sesuai dengan keadaan semasa. Perincian pelaksanaan takwim latihan adalah seperti di Jadual 36.

Jadual 36 : Perincian Pelaksanaan Takwim Latihan IPN Tahun 2021

Lokasi	Medium	Bil. Kursus	Bil. Peserta
Sabak Bernam	Bersemuka	6	100
	Dalam Talian	158	7,836
Jumlah		164	7,936

Zon	Bersempua	13	312
	Dalam Talian	87	3,720
Jumlah		100	4,032
Jumlah Besar		264	11,968

Bilangan peserta yang telah dilatih adalah seramai 11,968 penjawat awam terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan dari pelbagai kementerian, jabatan dan agensi kerajaan. Daripada jumlah ini, 2,106 atau 18 peratus adalah terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional manakala 9,862 peserta atau 82 peratus adalah daripada Kumpulan Pelaksana.

Jadual 37 : Pelaksanaan Takwim Latihan Tahun 2021

Bil.	Tajuk Kursus	Bilangan Kursus Dilaksanakan	
		Bersempua	Dalam Talian
1.	Kursus Perakaunan	3	63
2.	Kursus Kewangan	5	77
3.	Kursus Sistem Maklumat Perakaunan	11	91
4.	Kursus Pembangunan Modal Insan	0	5
5.	Kursus Pembangunan Kepakaran dan Kepimpinan	0	9
Jumlah Mengikut Medium		19	245
Jumlah Kursus Yang Telah Dilaksanakan		264	

Laporan Pelaksanaan Kursus Luar Takwim Latihan IPN 2021

Selain daripada pelaksanaan kursus yang ditakwimkan dalam latihan tahunan, IPN juga turut melaksanakan kursus-kursus lain yang telah diluluskan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Latihan IPN. Kursus-kursus yang telah dijalankan sepanjang tahun 2021 adalah seperti di Jadual 38.

Jadual 38 : Pelaksanaan Kursus Luar Takwim IPN Tahun 2021

Bil.	Tajuk Kursus	Bil. Kursus Dilaksanakan	Bil. Peserta
1.	Kursus PTM dan Pra-Penempatan	2	23
2.	Kelas Persediaan Peperiksaan Profesional	210	2,676
3.	IPN Leadership Series	2	212
4.	<i>Continuing Professional Development</i>	8	196
5.	Kursus TRM	14	1,608
6.	Kursus Pembangunan Tenaga Pengajar	23	593
Jumlah		259	5,308

Bilangan peserta yang telah dilatih adalah seramai 5,308 penjawat awam yang terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan dari pelbagai kementerian/jabatan dan agensi kerajaan. Dari jumlah ini, 3,305 atau 62 peratus adalah terdiri daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional manakala 2,003 peserta atau 38 peratus adalah daripada Kumpulan Pelaksana.


Pembangunan Profesional

Usaha memperkemas perkhidmatan, meningkatkan kompetensi dan tahap akauntabiliti perakaunan sektor awam dilaksanakan menerusi strategi meningkatkan keahlian dalam badan profesional perakaunan. Program Pengajian Dalam Badan Profesional Perakaunan diteruskan untuk tahun 2021 di bawah kendalian Pusat Pembangunan Profesional, Institut Perakaunan Negara (IPNCPD). Program ditawarkan bagi empat (4) program badan profesional yang telah pun menjalankan kerjasama dengan JANM iaitu:

1. The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)
2. The Chartered Institute of Management Accountants (CIMA)
3. The Certified Practising Accountants Australia (CPA Australia)
4. The Association of Certified Chartered Accountants (ACCA)

Sehingga 31 Disember 2021, program ini telah membantu 290 orang Akauntan Sektor Awam menamatkan pengajian dengan jayanya dan layak dipertimbangkan untuk memperoleh keahlian penuh dalam badan profesional perakaunan terbabit dengan 66 daripadanya telah lulus penuh pengajian pada tahun 2021. Secara keseluruhannya 623 orang akauntan JANM dan 13 orang akauntan sektor awam telah mengikuti program ini sejak dimulakan pada tahun 2012.

Carta 10 : Bilangan Calon Lulus Penuh Mengikut Tahun



Bagi membantu calon lulus penuh, IPNCPD telah mengadakan 197 kelas sokongan tambahan secara dalam talian sepenuhnya dengan kerjasama rakan strategik IPNCPD bagi membolehkan prestasi dan perkembangan calon dipantau secara menyeluruh. Pada tahun 2021, kelas sokongan bagi program CIMA, ACCA dan MICPA telah dikendalikan bersama Universiti Teknologi MARA (UiTM) manakala kelas CPA Australia dianjurkan bersama Neosis Exed Sdn. Bhd. Calon-calon juga menduduki peperiksaan percubaan dan mengikuti sesi penilaian sebagai asas membolehkan calon menambah baik prestasi. Selain itu, bagi tahun 2021, IPNCPD juga telah bekerjasama dengan badan profesional dan tenaga pengajar bagi memberikan kelas sokongan tambahan dalam bentuk program motivasi, bengkel menjawab soalan dan persediaan peperiksaan. Program sebegini penting dalam menyokong calon menghadapi peperiksaan dengan tenang dan bersedia terutamanya dalam keadaan ketidaktentuan COVID-19 serta mengadaptasi dengan perubahan baharu yang berlaku.

Jadual 39 : Program Sokongan Tambahan Yang Telah Dilaksanakan Pada Tahun 2021

Bil.	Program	Penganjur Bersama	Tarikh
1.	Program Sokongan Last Miler	ACCA	Jun – Sep 2021
2.	Program Sokongan Dalam Talian	ACCA	Jun – Dis 2021
3.	CPA Australia <i>Exam Online Briefing</i>	Neosis Exed Sdn. Bhd. CPA Australia	4 Sep 2021
4.	<i>Motivational Talk</i> CIMA	CIMA	21 Ogos & 13 Nov 2021

Program Taklimat Dan Majlis Amanat Akauntan Negara Malaysia

Sebagai tanda sokongan kepada program ini juga, YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa, Akauntan Negara Malaysia telah sudi menyampaikan amanat beliau kepada calon-calon baharu Sesi Januari hingga Jun 2021. Program dimulakan dengan lapan (8) sesi taklimat mulai 12 hingga 14 Januari 2021 bagi membolehkan calon mengetahui lebih lanjut berkaitan program profesional yang diikuti, struktur kelas persediaan dan tajaan JANM serta perkongsian tips dan pengalaman daripada calon-calon lulus penuh. Program taklimat ini dihadiri oleh calon-calon baharu, wakil badan profesional perakaunan dan penyedia perkhidmatan tenaga pengajar. Bagi sesi kali ini, seramai 74 calon baharu telah dirai dan ditawarkan untuk mengikuti program pengajian profesional.

ICAEW Data Analytics Certification Program

Pada tahun 2021 juga, IPNCPD telah memperkenalkan ICAEW *Data Analytics Certification Program* bagi menambah kepakaran dan kompetensi warga JANM dalam bidang Data Raya. Program ini diperkenalkan selaras dengan Pelan Strategik JANM 2019 - 2023 dalam memastikan JANM dapat memanfaatkan maklumat dan data serta menggunakan analisis data bagi maklumat dan keputusan. Seramai 20 orang pegawai dari JANM dan agensi kerajaan lain telah ditawarkan mengikuti program pensijilan ini. Terdapat dua (2) *pathway* yang ditawarkan iaitu *Management Pathway* yang memfokuskan kepada peranan ketua pasukan dan *Analyst Pathway* berkaitan aspek teknikal analisis data. Program bermula pada 15 November 2021 dan dijangka tamat pada 7 Februari 2022.

Pembangunan Penyelidikan

Projek Penyelidikan Perakaunan dan Kewangan Sektor Awam Tahun 2021 melalui tawaran geran kepada penyelidik-penyalidik universiti awam (UA) telah dilaksanakan khusus untuk menggalakkan pelaksanaan projek penyelidikan berkaitan sektor awam bagi pembangunan kewangan dan perakaunan dari segi teori, konsep dan amalan perakaunan sektor awam. Ini sekaligus membantu mendokumentasikan maklumat-maklumat empirikal yang boleh menyumbang kepada agenda transformasi JANM dalam amalan perakaunan sektor awam.

Projek Penyelidikan Perakaunan dan Kewangan Sektor Awam Tahun 2021 telah berjaya dilaksanakan melalui kerjasama dengan UA seperti berikut:

Jadual 40 : Projek Penyelidikan Perakaunan Dan Kewangan Sektor Awam Tahun 2021

Bil.	Tajuk Penyelidikan	Badan Penyelidikan
1.	Kajian Penandaarasan Amalan Perakaunan Akruan dan Impak Terhadap Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Berdasarkan Maqasid Shariah	Universiti Sains Islam Malaysia
2.	<i>Implementation of Accrual Accounting in State Governments: Exploring the Status, Issues and Challenges</i>	Universiti Malaya
3.	<i>Modelling Budget Preparers' Awareness on Accrual Based Budgeting in Malaysian Public Sector</i>	Universiti Sultan Zainal Abidin
4.	<i>Sustainable Development Goals Disclosure on Malaysian Local Authority Websites</i>	Universiti Teknologi MARA

Kolokium Penyelidikan 2021

Kolokium Penyelidikan Tahun 2021 telah dianjurkan secara dalam talian pada 28 Oktober 2021 melibatkan tujuh (7) sesi pembentangan dan penyertaan seramai 218 orang terdiri dari kalangan pegawai perakaunan JANM, kementerian dan jabatan, pegawai sektor awam pelbagai jawatan, ahli akademik institusi pengajian tinggi dan juga orang awam.

Jadual 41 : Senarai Pembentangan Kolokium Penyelidikan Tahun 2021

Bil.	Tajuk Pembentangan	Pembentang
1.	<i>Antecedents of Intention to Adopt Audit Recommendations Among Public Sector Auditees</i>	Puan Susie Anak Ambin Jabatan Audit Negara Malaysia
2.	Kajian Penandaarasan Amalan Perakaunan Akruan dan Impak terhadap Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) berdasarkan Maqasid Shariah	Dr. Rosnia binti Masruki Universiti Sains Islam Malaysia
3.	<i>Promoting Transparency through Examining Integrated Reporting Content Elements in Malaysian Public Universities Annual Reports</i>	Prof. Madya Dr. Nor Farizal binti Mohammed Universiti Teknologi MARA
4.	<i>Modelling Budget Preparers' Awareness On Accrual Based Budgeting In The Malaysian Public Sector</i>	Dr. Wan Amalina binti Wan Abdullah Universiti Sultan Zainal Abidin
5.	<i>Implementation of Accrual Accounting in State Governments: Exploring the Status, Issues and Challenges'</i>	Prof. Dr. Zakiah binti Saleh Universiti Malaya
6.	<i>Sustainable Development Goals Disclosure on Malaysian Local Authority Websites'</i>	Encik Yussri Sawani Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak
7.	<i>MPSAS 24: What Can Malaysia Learn from Australia And New Zealand?</i>	Encik Mohd Hafiz bin Harun Universiti Sultan Zainal Abidin

Penerbitan Jurnal

IPN Journal of Research and Practice in Public Sector Accounting and Management Volume 11, No. 1, 2021 telah berjaya diterbitkan pada 3 Disember 2021 dan boleh diakses secara dalam talian melalui laman web khas IPN Journal <http://jurnal.ipn.gov.my> dan laman

web MyJurnal. Sidang jurnal ini dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa telah berjaya memastikan bahawa penerbitan ilmiah berkualiti dapat dilaksanakan di JANM walaupun negara berhadapan dengan situasi semasa yang mencabar. Jurnal ini juga telah berjaya didaftarkan di MyJurnal dan MyCite. Dalam penerbitan kali ini sebanyak tujuh (7) tajuk penyelidikan telah dimuatkan di mana ianya banyak mengupas mengenai isu-isu terkini dalam dunia perakaunan dan kewangan sektor awam. Ianya adalah hasil penyelidikan bersama-sama dengan penyelidik-penyelidik daripada universiti tempatan.

IPN Leadership Series Dan IPN Continuing Professional Development

Melalui kerjasama dengan rakan-rakan strategik, tiga (3) siri IPN *Leadership Series* (ILS) dan tujuh (7) siri IPN *Continuing Professional Development* (CPD) Series telah dianjurkan secara dalam talian. ILS dan CPD bertujuan mendedahkan akauntan dan warga JANM kepada isu dan topik-topik semasa yang relevan dengan bidang perakaunan dan kewangan. Di samping itu juga ia merupakan wadah bagi pegawai-pegawai JANM berkongsi ilmu dan pengalaman berkaitan dengan ilmu pengurusan, peningkatan kemahiran dan pembangunan diri. ILS dan CPD Series pada tahun 2021 telah dilaksanakan seperti berikut:

Jadual 42 : Senarai Tajuk ILS CPD Tahun 2021

Bil.	Tarikh	Tajuk
1.	22 – 23 Mac 2021	IPN CPD Series 1/2021: <i>Microsoft Office Tips & Tricks</i>
2.	24 – 25 Mac 2021	IPN CPD Series 2/2021: <i>Microsoft Office Tips & Tricks</i>
3.	5 – 6 Apr 2021	IPN CPD Series 3/2021: <i>Management – Leadership Style Leading Through Crisis (Being Agile)</i>
4.	7 Apr 2021	ILS 1/2021: <i>Performance Measurement and Evaluation in Public Sector: An Accounting Perspective</i>
5.	7 – 8 Apr 2021	IPN CPD Series 4/2021: <i>Emotional Intelligence (Body Language)</i>
6.	12 – 13 Apr 2021	IPN CPD Series 5/2021: <i>Influencing and Negotiation Skills</i>
7.	13 Jul 2021	ILS 2/2021: <i>Managing Gen Z in The Workplace</i>
8.	17 – 20 Ogos 2021	IPN CPD Series 6/2021: <i>Critical and Creative Thinking for Finance Profession</i>
9.	20 – 23 Sep 2021	IPN CPD Series 7/2021: <i>Speak to Lead – Engaging and Influencing Audiences</i>
10.	15 Nov 2021	ILS 3/2021: <i>Focusing on Integrated Reporting (Value Creation) in the Public Sector</i>

Pensijilan MS ISO 9001: 2015

Pada tahun 2021 juga, IPN telah berjaya mengekalkan pensijilan MS ISO 9001: 2015 di bawah skop Pengurusan dan Pengendalian Kursus anjuran IPN dengan empat (4) *Strong Point*, tiada dapatan untuk *Opportunity for Improvement*, tiada dapatan *Area of Concern* dan tiada dapatan untuk *Non Conformance Report*. Ini merupakan tahun ke-13 IPN dapat mengekalkan pensijilan MS ISO. IPN telah berjaya mendapatkan pengiktirafan MS ISO ini sejak dari tahun 2009. Pengauditan telah dilaksanakan oleh pihak ketiga iaitu Platinum Shauffmantz Veritas International. Kejayaan ini merupakan komitmen daripada warga IPN untuk memberikan perkhidmatan latihan yang terbaik kepada para pelanggan.



Penerimaan Pensijilan MS ISO 9001:2015

Lawatan Kerja Menteri Kewangan Ke IPN

YB. Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul bin Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan, telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke kampus IPN Sabak Bernam pada 7 Februari 2021. Lawatan ini merupakan sebahagian daripada atur cara lawatan kerja beliau ke kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Air Tawar untuk meninjau pembangunan kawasan sekitar. Turut mengiringi beliau dalam lawatan ini ialah YB. Datuk Rizam bin Ismail, ADUN Sungai Air Tawar dan YB. Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakieh, Ahli Parlimen Sabak Bernam.



Lawatan Kerja Menteri Kewangan Ke IPN

Lawatan Akauntan Negara Malaysia Ke IPN

YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa, Akauntan Negara Malaysia telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke IPN Sabak Bernam pada 2 April 2021. Dalam program ini beliau turut diiringi oleh Encik Sadikin bin Aton, Timbalan Akauntan Negara (Korporat) dan pegawai kanan JANM yang lain. Lawatan ini bertujuan untuk melihat pengurusan operasi IPN Sabak Bernam. YBhg. Datuk Dr. telah diberikan taklimat berkenaan dengan aktiviti-aktiviti serta perancangan IPN oleh Encik Burhanudin bin Mohd Noor, Pengarah IPN ketika pertemuan beliau bersama pegawai-pegawai kanan IPN pada sebelah pagi.

Seterusnya pada sesi petang, YBhg. Datuk Dr. telah bertemu dengan seluruh warga kerja IPN dalam Program Teh Tarik Bersama ANM. Dalam program yang telah diadakan secara santai itu beliau telah meluangkan masa selama hampir dua (2) jam untuk beramah mesra sambil berbincang dengan warga kerja IPN. Program ini memberi peluang kepada pegawai-pegawai IPN untuk memberikan input-input kepada ANM mengenai masalah yang dihadapi sewaktu bertugas dan perbincangan bagi menambah baik kualiti perkhidmatan IPN.



Pertemuan Dengan Pegawai-pegawai Kanan IPN



Sesi Teh Tarik Bersama Warga Kerja IPN

Lawatan Timbalan Akauntan Negara (Korporat) Ke IPN

YBrs. Encik Sadikin bin Aton, Timbalan Akauntan Negara (Korporat) telah mengadakan lawatan kerja ke IPN Sabak Bernam pada 10 hingga 11 Oktober 2021. Lawatan ini diadakan bertujuan untuk meninjau kemajuan projek-projek pembangunan yang sedang dijalankan di IPN. Beliau telah mengadakan pertemuan dengan pegawai-pegawai kanan IPN bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan pengurusan IPN. Semasa lawatan tersebut, satu majlis apresiasi turut diadakan di Auditorium Sekendi di mana beliau telah berkesempatan mengadakan pertemuan dengan semua warga kerja IPN. Dalam majlis tersebut, beliau telah menyampaikan amanat kepada semua warga kerja IPN di mana beliau mengharapkan agar IPN akan terus maju dan menjadi salah satu institut latihan awam terbaik dalam perkhidmatan awam di Malaysia.

Timbalan Akauntan Negara (Korporat)
Menyampaikan Amanat Kepada Warga IPNPenyampaian Cenderamata Penghargaan Daripada
IPN Kepada Timbalan Akauntan Negara (Korporat)

LAPORAN AKTIVITI

PENGURUSAN OPERASI

BAHAGIAN PERKHIDMATAN OPERASI PUSAT DAN AGENSI (BPOPA)

BPOPA bertanggungjawab memastikan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan dikemukakan kepada Ketua Audit Negara (KAN) dan seterusnya dibentangkan di Parlimen. Selain itu, BPOPA juga bertanggungjawab untuk menyelaras pengurusan wang tunai, akaun amanah, panjar, transaksi melibatkan Kerajaan Negeri serta memperakaunkan pelaburan dan pinjaman Kerajaan Persekutuan.


Mesyuarat Tahunan Bersama Bank Utama Dan Bank Agen Pejabat Perakaunan Tahun 2021

Pada 26 November 2021, BPOPA telah menganjurkan Mesyuarat Tahunan Bersama Bank Utama dan Bank Agen Pejabat Perakaunan Tahun 2021 yang telah dipengerusikan oleh YBrs. Encik Mohd Redzuan bin Hasan, Timbalan Akauntan Negara (Operasi). Mesyuarat diadakan secara dalam talian yang telah dihadiri oleh 67 wakil daripada 10 bank perdagangan yang terdiri daripada Affin Islamic Bank Berhad, Alliance Islamic Bank Berhad, Bank Muamalat Malaysia Berhad, CIMB Islamic Bank Berhad, Hong Leong Islamic Bank, Maybank Islamic Berhad, Bank Islam Malaysia Berhad, Public Islamic Bank Berhad, RHB Islamic Bank Berhad dan Bank Simpanan Nasional.

Mesyuarat tersebut bertujuan membincangkan isu dan cadangan penyelesaian berkaitan operasi perbankan Kerajaan yang berlaku di Pejabat Perakaunan sepanjang tahun 2021 dan operasi perbankan yang dihadapi oleh Bendahari Negeri dalam menguruskan akaun-akaun bank Kerajaan Negeri. Selain daripada itu, agenda khusus mengenai Pelaksanaan Semakan Tambahan (*Second Validation*) bagi Pembayaran Kerajaan Persekutuan Melalui Pindahan Dana Elektronik (EFT) turut dibincangkan semasa mesyuarat tersebut di mana pelaksanaan perkara ini dijangka bermula pada bulan Julai 2022.



Timbalan Akauntan Negara (Operasi) Mempengerusikan Mesyuarat Tahunan Bersama Bank Utama Dan Bank Agen Pejabat Perakaunan



Antara Wakil Bank Yang Menghadiri Mesyuarat

Mesyuarat Bendahari Negeri Bilangan 1 & 2 Tahun 2021

Mesyuarat Bendahari Negeri Bilangan 1 & 2 Tahun 2021 telah dilaksanakan pada 30 Mac 2021 dan 29 September 2021 yang masing-masing dipengerusikan oleh YBrs. Encik Mohd Redzuan bin Hasan, Timbalan Akauntan Negara (Operasi) dan YBhg. Datuk Dr. Jacob bin Mustafa, Akauntan Negara Malaysia secara dalam talian. Mesyuarat ini dihadiri oleh pegawai dari Ibu Pejabat JANM dan Bendahari Negeri dari seluruh Malaysia. Mesyuarat diadakan sebagai satu medan perbincangan secara dua hala bagi tujuan Bendahari Negeri/Akauntan Negeri untuk menyuarakan pendapat, cadangan dan juga isu yang timbul di peringkat Kementerian dan Jabatan masing-masing.



Mesyuarat Bendahari Negeri Bilangan 1 Tahun 2021



Mesyuarat Bendahari Negeri Bilangan 2 Tahun 2021

Penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) 2020 Kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP)

Sesi penyerahan PKKP Tahun 2020 telah berlangsung di Kompleks Kementerian Kewangan Malaysia pada 26 Februari 2021. Penyerahan telah dilaksanakan oleh YBhg. Datuk Dr. Yacob Bin Mustafa, Akauntan Negara Malaysia kepada YBhg. Dato' Asri bin Hamidin@Hamidon, Ketua Setiausaha Perbendaharaan.



Sesi Penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) 2020 Kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) 2020 Kepada Jabatan Audit Negara Malaysia

Bagi memastikan PKKP Tahun 2020 dikemukakan kepada Ketua Audit Negara, sesi penyerahan telah berlangsung di pejabat Jabatan Audit Negara Malaysia pada 5 Mac 2021. Penyerahan telah dilaksanakan oleh wakil dari JANM iaitu YBrs. Encik Mohd Redzuan bin Hasan, Timbalan Akauntan Negara (Operasi) kepada wakil Jabatan Audit Negara Malaysia iaitu Dato' Che Isa bin Che Kob, Timbalan Ketua Audit Negara (Kewangan).



Penyerahan PKKP 2020 Oleh Timbalan Akauntan Negara (Operasi) Kepada Wakil Jabatan Audit Negara Malaysia

Penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) Akruan 2020 Kepada Jabatan Audit Negara

Sesi penyerahan PKKP Akruan 2020 telah berlangsung di pejabat Jabatan Audit Negara Malaysia pada 31 Mei 2021. Penyerahan telah dibuat oleh wakil JANM kepada wakil Jabatan Audit Negara Malaysia.



Penyerahan PKKP Akruan 2020 Kepada Wakil Jabatan Audit Negara Malaysia

Sesi Penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan (PKKP) 2020 Ke Parlimen Malaysia

Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Malaysia Tahun 2020 telah disediakan dan diaudit oleh Ketua Audit Negara untuk dibentang di Parlimen mengikut kehendak Seksyen 16[2] Akta Tatacara Kewangan, 1957 [Akta 61]. Penyerahan tersebut telah dibuat pada 28 Oktober 2021 di Parlimen Malaysia untuk pembentangan Bajet Tahun 2022.

BAHAGIAN PENGURUSAN OPERASI PEJABAT PERAKAUNAN (BPOPP)

Mesyuarat Ketua Naziran (MKN)

Mesyuarat Ketua Naziran (MKN) yang diadakan dengan kolaborasi Bahagian Pengurusan Audit Dalam (BPAD) JANM ini adalah bertujuan untuk membincangkan hala tuju, strategi, keberkesanan serta isu-isu dalam pelaksanaan naziran di semua Pejabat Perakaunan bagi memastikan peraturan kewangan serta piawaian Perakaunan Akruan sentiasa dipatuhi oleh Pusat Tanggungjawab. Mesyuarat ini telah diadakan seperti Jadual 43 berikut:

Jadual 43 : Mesyuarat Ketua Naziran

Bil.	Mesyuarat	Tarikh	Lokasi	Anjuran
1.	MKN Bil. 1 Tahun 2021	4 Apr 2021	Dalam Talian	BPOPP
2.	MKN Bil. 2 Tahun 2021	22 Nov 2021	Dalam Talian	BPAD

Pelaksanaan Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan

Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan telah dilaksanakan oleh semua Pejabat Perakaunan bagi memastikan Pusat Tanggung Jawab (PTJ) sentiasa mematuhi peraturan kewangan serta polisi Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan. Berikutan pandemik COVID-19, KPI Pelaksanaan Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan Tahun 2021 telah dikaji semula dengan pengurangan 50% daripada asal iaitu 1,690 PTJ dipinda kepada 981 PTJ.

Sehingga 31 Disember 2021, semua Pejabat Perakaunan telah berjaya mencapai sasaran yang telah ditetapkan dengan prestasi pencapaian sebanyak 111% iaitu 1,090 PTJ berbanding sasaran 981 PTJ yang ditetapkan.

Program Inspektorat BPOPP

Program Inspektorat merupakan program khidmat nasihat serta pemantauan terhadap JANM Negeri/Cawangan dari segi pentadbiran serta perjalanan operasi pejabat perakaunan. Ini bagi memastikan ianya berjalan lancar dan mematuhi peraturan bagi melahirkan penyampaian Perkhidmatan Awam yang berkualiti. Selaras dengan pelaksanaan PKP dan penularan pandemik COVID-19, semua Program Inspektorat dilaksanakan secara dalam talian. Maklumat lanjut program adalah seperti di Jadual 44.

Jadual 44 : Program Inspektorat BPOPP

Bil.	JANM Negeri/ Cawangan	Tarikh
1.	JANM Cawangan Limbang	12 – 14 Jan 2021
2.	JANM Cawangan Sarawak	2 – 4 Feb 2021
3.	JANM Cawangan Sandakan	15 – 17 Feb 2021
4.	JANM Cawangan Tawau	22 – 24 Mac 2021

5.	JANM Cawangan Bintulu	12 – 14 Apr 2021
6.	JANM Cawangan Sri Aman	26 – 28 Apr 2021
7.	JANM Cawangan Miri	11 – 13 Ogos 2021
8.	JANM WP Labuan	23 – 25 Ogos 2021
9.	JANM Negeri Pulau Pinang	1 – 3 Sep 2021
10.	JANM Negeri Melaka	20 – 22 Sep 2021
11.	JANM Negeri Kelantan	28 – 30 Sep 2021
12.	JANM Negeri Johor	11 – 13 Okt 2021
13.	JANM Negeri Kedah	29 Nov – 1 Dis 2021

Mesyuarat Pengarah JANM Negeri/Cawangan Dan Ketua Akauntan (MPKA)

Mesyuarat Pengarah JANM Negeri/Cawangan dan Ketua Akauntan yang dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi JANM, Ketua Akauntan Kementerian dan Pengarah JANM Negeri/Cawangan bertujuan membincangkan hala tuju, pencapaian, dasar serta isu yang dihadapi oleh Pejabat Perakaunan. MPKA telah diadakan sebanyak tiga (3) kali pada tahun 2021 seperti di Jadual 45.

Jadual 45 : MPKA Tahun 2021

Bil.	Mesyuarat	Tarikh	Lokasi
1.	MPKA Bil. 1 Tahun 2021	15 – 17 Mac 2021	Bilik Gerakan JANM dan secara dalam talian
2.	MPKA Bil. 2 Tahun 2021	29 Jun – 1 Jul 2021	Bilik Gerakan JANM dan secara dalam talian
3.	MPKA Bil. 2 Tahun 2021	1 – 3 Nov 2021	Berjaya Langkawi Resort, Kedah



MPKA Bil. 2 Tahun 2021 Secara Dalam Talian



MPKA Bil. 3 Tahun 2021 Di Berjaya Langkawi Resort

Mesyuarat Bersama Agensi Pukal Dan Pejabat Perakaunan

Mesyuarat bersama Agensi Pukal dan Pejabat Perakaunan telah diadakan sebanyak dua (2) kali secara dalam talian pada tahun 2021. Mesyuarat ini bertujuan menyelaraskan proses pembayaran pukal, isu-isu semasa termasuk pengurusan pembayaran pukal bagi penutupan akhir tahun 2021. Ahli mesyuarat yang terlibat adalah terdiri daripada wakil daripada 30 Agensi Pukal, 26 Bahagian Akaun Kementerian dan 24 JANM Negeri/Cawangan.

Jadual 46 : Mesyuarat Bersama Agensi Pukal Dan Pejabat Perakaunan

Bil.	Mesyuarat	Tarikh	Lokasi
1.	Mesyuarat Bersama Agensi Pukal dan Pejabat Perakaunan Bil. 1 Tahun 2021	11 Ogos 2021	Bilik Mesyuarat BPOPP dan secara dalam talian
2.	Mesyuarat Bersama Agensi Pukal dan Pejabat Perakaunan Bil. 2 Tahun 2021	17 Nov 2021	Bilik Mesyuarat BPOPP dan secara dalam talian



Mesyuarat Bersama Agenzia Pukal Dan Pejabat Perakaunan Bil. 2 Tahun 2021

Projek Ruang Pejabat *Digital Workspace* JANM Negeri Perak

Selaras dengan Pelan Strategik Business (BSP) JANM 2019 - 2023, BPOPP telah membangunkan Pelan Induk *Digital Workspace* JANM yang menjadi rujukan kepada JANM dalam merancang dan melaksanakan persekitaran ruang kerja terbuka (*Digital Workspace*). Bagi merealisasikan objektif utama JANM iaitu mempertingkatkan mutu perkhidmatan JANM pada tahap profesional di samping memberi ruang kepada kakitangan untuk lebih produktif dalam persekitaran kondusif yang selamat, JANM Negeri Perak telah diberikan inisiatif untuk menstrukturkan ruang kerja terbuka pada tahun 2021 di Bangunan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).



Lobi Utama JANM Negeri Perak



Ruang Kerja Pegawai JANM Negeri Perak

Taklimat Penutupan Akaun Tahun 2021

Taklimat Penutupan Akhir Tahun 2021 telah diadakan secara dalam talian pada 15 November 2021 yang dihadiri oleh seramai 300 orang peserta daripada wakil 26 Bahagian Akaun Kementerian dan 24 JANM Negeri/Cawangan. Objektif taklimat ini adalah bagi memastikan proses penutupan akaun tahun 2021 dipatuhi sepenuhnya oleh Pejabat Perakaunan bagi melancarkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan.

BAHAGIAN PENGURUSAN WANG TAK DITUNTUT (BWTD)


Program Pemeriksaan Di Bawah Akta Wang Tak Dituntut 1965 [Akta 370]

Bilangan pemeriksaan di bawah Akta WTD 1965 merupakan *Key Performance Indicator* (KPI) Akauntan Negara Malaysia (ANM) selaku Pendaftar WTD di Malaysia dan Timbalan Akauntan Negara (Operasi) selaku Timbalan Pendaftar WTD. Sehingga 31 Disember 2021, sebanyak 123 syarikat/firma telah diperiksa oleh Unit Penguatkuasaan BWTD berbanding 165 syarikat/firma pada tahun 2020. Penurunan ini adalah disebabkan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan susulan penularan wabak COVID-19.

Sehingga 31 Disember 2021, Unit Penguatkuasaan BWTD telah berjaya menyelesaikan 92.68% kes pemeriksaan.

Program Taklimat Kesedaran Wang Tak Dituntut 1965

Bagi meningkatkan kefahaman dan kesedaran syarikat/firma dan orang awam mengenai Akta WTD 1965, Unit Penguatkuasaan telah melaksanakan sebanyak lapan (8) sesi taklimat pada tahun 2021 kepada wakil syarikat/firma, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan Berkanun Negeri (BBN) serta ahli-ahli MIA.



Taklimat Kesedaran Akta Wang Tak Dituntut 1965

Program Pemantapan Kompetensi Pegawai-pegawai Penguatkuasa

Bagi memantapkan lagi kompetensi pegawai-pegawai penguatkuasa, dua (2) kursus yang berkaitan telah diadakan seperti berikut:

Jadual 47 : Program Pemantapan Kompetensi Pegawai-pegawai Penguatkuasa

Bil.	Nama Aktiviti	Tarikh	Bilangan Hari
1.	Kursus Refresher SPWTD, Perbincangan KPI serta SOP Penguatkuasaan Wang Tak Dituntut	8 – 9 Feb 2021	2
2.	Kursus Refresher SPWTD Bil. 2 Tahun 2021	13 – 14 Sep 2021	2



Kursus Refresher SPWTD, Perbincangan KPI Serta SOP Penguatkuasaan Wang Tak Dituntut

Mesyuarat Penolong Pendaftar WTD Dan Mesyuarat Bersama Ketua-ketua Unit WTD

Mesyuarat Penolong Pendaftar (MPP) WTD telah diadakan sebanyak dua (2) kali dan dipengerusikan oleh Akauntan Negara Malaysia selaku Pendaftar WTD. Mesyuarat ini membincangkan berkaitan isu dasar serta operasi penguatkuasaan WTD bagi memastikan program penguatkuasaan berjalan lancar.

Jadual 48 : Mesyuarat Penolong Pendaftar WTD Dan Mesyuarat Bersama Ketua-ketua Unit WTD

Bil.	Perkara	Tempat	Tarikh
1.	Mesyuarat Penolong Pendaftar Wang Tak Dituntut Bilangan 1 Tahun 2021	Acapella Suite Hotel, Shah Alam	4 – 6 Apr 2021
2.	Mesyuarat Ketua-ketua Unit WTD Tahun 2021	Bilik Sadikin, BWTD Aras 1 (Utara), Perbendaharaan 2, Putrajaya	11 Ogos 2021
3.	Mesyuarat Penolong Pendaftar Wang Tak Dituntut Bilangan 2 Tahun 2021	Thistle Port Dickson Resort, Negeri Sembilan	17 – 19 Okt 2021

Jalinan Kerjasama Strategik


Sepanjang tahun 2021 BWTD telah menjalinkan kerjasama strategik bersama beberapa agensi seperti berikut:

1. Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
2. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)
3. Polis DiRaja Malaysia (PDRM)
4. Bank Negara Malaysia (BNM)
5. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)
6. Jabatan Insolvensi Malaysia
7. Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)
8. Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA)
9. Tenaga Nasional Berhad (TNB)
10. Telekom Malaysia Berhad (TM)


Serahan Wang Tak Dituntut (WTD)

Amaun serahan bagi tahun kewangan 2021 adalah sebanyak RM1,065.76 juta telah menunjukkan peningkatan serahan amaun sebanyak 14% berbanding tahun 2020 (RM933.10 juta).

Carta 11 : Bilangan Serahan Mengikut Negeri Tahun 2021




Carta 12 : Lima Entiti Serahan Tertinggi Tahun 2020 Dan 2021



Prestasi Pengurusan Wang Tak Dituntut Sehingga 31 Disember 2021



Sehingga 31 Disember 2021, BWTD telah memproses sebanyak 223 ribu permohonan tuntutan WTD iaitu 44% melebihi daripada tahun 2020. Jumlah diproses adalah termasuk permohonan yang tertunggak bagi tahun 2020. Permohonan yang diproses adalah terdiri daripada 124 ribu AP (permohonan dibayar) dan 99 ribu kuir (permohonan dikuiri). Sebanyak 131 ribu bersamaan dengan 58.7% permohonan yang diproses adalah secara dalam talian.

Rajah 18 : Dashboard Bahagian Wang Tak Dituntut



Pelaksanaan Inisiatif Tuntutan Dalam Talian

Sistem eGUMIS telah dilancarkan pada 1 Januari 2020 sebagai satu kemudahan kepada orang awam untuk membuat semakan WTD. Pada 16 Julai 2020, permohonan tuntutan bayaran balik wang tak dituntut juga telah boleh dilaksanakan melalui sistem eGUMIS. Penambahbaikan dari semasa ke semasa ke atas sistem tersebut telah dilaksanakan dan pada 1 Mac 2021, permohonan bayaran balik wang tak dituntut melalui eGUMIS telah ditambah baik dengan membolehkan dokumen sokongan dikemukakan dalam talian.



Inisiatif Tuntutan Dalam Talian

Booth Semakan Dan Permohonan Wang Tak Dituntut Sempena Pameran Majlis Aspirasi 100 Hari Keluarga Malaysia

BWTD telah terlibat dalam Program Majlis Aspirasi 100 Hari Keluarga Malaysia yang diadakan pada 9 hingga 12 Disember 2021 di Kuala Lumpur Convention Centre. Majlis tersebut dianjurkan oleh Unit Penyampaian Kemakmuran Bersama, Jabatan Perdana Menteri (SEPADU, JPM) dan dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.



Program Majlis Aspirasi 100 Hari Keluarga Malaysia

Penganugerahan Pensijilan MS ISO 9001:2015 Bagi Perkhidmatan Penguatkuasaan Wang Tak Dituntut

Penganugerahan pensijilan MS ISO 9001:2015 bagi Perkhidmatan Penguatkuasaan Wang Tak Dituntut telah berjaya diperolehi oleh BWTD pada 8 Oktober 2021 setelah sesi pengauditan oleh Platinum Shauffmantz Veritas Sdn. Bhd. dijalankan pada 5 Oktober 2021.




Penyerahan Pensijilan Oleh Auditor PSV



Penyerahan Pensijilan Oleh Akauntan Negara Malaysia Pada Hari Inovasi Dan Integriti JANM

Hari Bertemu Pelanggan JANM Secara Maya

Bagi merealisasikan digitalisasi perkhidmatan kerajaan, BWTD telah menyahut saranan kerajaan dengan melaksanakan Hari Bertemu Pelanggan secara dalam talian pada 21 Oktober 2021 dengan menggunakan platform Airmeet. Program ini diadakan bagi membolehkan orang awam membuat sebarang pertanyaan berkenaan Wang Tak Dituntut.



Hari Bertemu Pelanggan Secara Maya



Sesi Khidmat Nasihat Bersama Pemohon Wang Tak Dituntut Menggunakan Platform Airmeet

Majlis Apresiasi BWTD 2021

BWTD telah mengadakan acara tahunan Majlis Apresiasi buat kali kedua pada 14 Disember 2021 bagi memberi penghargaan kepada semua kakitangan BWTD yang telah memberikan komitmen dan menunjukkan prestasi yang cemerlang.



Pengarah BWTD Bersama Penerima Anugerah



Pemenang Hadiah Utama Cabutan

Kursus Pengurusan Masa Dan Amarah Serta Kursus Pemandu Profesional JANM Anjuran BWTD

Kursus Pengurusan Masa dan Amarah diadakan bagi meningkatkan kualiti pengurusan masa di kalangan pegawai dan kakitangan BWTD. Selain itu, kursus ini juga bertujuan menambah baik pengurusan emosi dan amarah di kalangan pegawai dan kakitangan BWTD bagi meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada orang awam.

Kursus Pemandu Profesional JANM pula diadakan bagi meningkatkan kompetensi dan pemanduan berhemah kepada pemandu-pemandu. Penyertaan peserta adalah terbuka kepada semua pemandu di setiap Bahagian JANM.



Kursus Pengurusan Masa Dan Amarah



Kursus Pemandu Profesional JANM

BAHAGIAN AKAUN KEMENTERIAN KEWANGAN (BA MOF)

Taklimat Malaysia Airlines Berhad (MAB) Kepada PTJ Di Bawah BA MOF




Taklimat Portal GOM MAB Di Dewan Serbaguna, JANM

BA MOF dengan kerjasama MAB telah mengadakan taklimat berkaitan perubahan sistem *Government Travel System* (GTS) yang akan digantikan kepada *Government of Malaysia (GOM) portal* pada 30 April 2021. Taklimat yang diadakan di Dewan Serbaguna, JANM ini telah dihadiri oleh seramai 53 orang peserta daripada 18 PTJ BA MOF.

Selain menyampaikan informasi perubahan sistem baru, taklimat ini juga berfungsi sebagai platform bagi pihak MAB untuk menyalurkan maklumat tentang produk baharu mereka serta mendapatkan input permasalahan yang sering dihadapi oleh PTJ semasa berurusan dengan MAB.

Taklimat Penutupan Akaun Akhir Tahun 2021



Taklimat Penutupan Akaun 2021 Bahagian Akaun Kementerian Kewangan

Taklimat Penutupan Akhir Tahun 2021 kepada semua PTJ di bawah seliaan BA MOF telah diadakan pada 17 November 2021 secara dalam talian (*online*). Taklimat ini bertujuan untuk menyalurkan maklumat berkaitan tarikh akhir proses dokumen kewangan bagi Tahun Kewangan 2021 seperti yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil. 6 Tahun 2021 kepada PTJ. Selain itu, turut diadakan perbincangan mengenai isu-isu operasi yang berkaitan penutupan akhir tahun 2021. Taklimat telah berjalan dengan lancar dan proses penutupan akhir tahun telah dilaksanakan dengan mematuhi garis panduan yang ditetapkan selaras dengan pekeliling/peraturan yang berkuat kuasa.

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Perakaunan Pengurusan Bilangan 1 Dan 2 Tahun 2021

Pada Tahun 2021, BA MOF telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Perakaunan Pengurusan sebanyak dua (2) kali iaitu Bilangan 1 Tahun 2021 pada 16 Jun 2021 dan Bilangan 2 Tahun 2021 pada 19 November 2021. Mesyuarat diadakan secara dalam talian melalui aplikasi Lifesize. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBrs. Encik Mohd Redzuan bin Hasan, Timbalan Akauntan Negara (Operasi). Ahli mesyuarat terdiri dari kalangan pegawai yang dilantik menganggotai Jawatankuasa Kerja Perakaunan Pengurusan dari Bahagian di Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan Kementerian. Tujuan mesyuarat diadakan adalah bagi membincangkan status terkini pelaksanaan strategi perakaunan pengurusan serta memperakukan kertas kerja yang berkaitan sebelum diangkat untuk kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Pengurusan.

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Pengurusan Bilangan 1 Tahun 2021 Dan Bilangan 2 Tahun 2022

Pada tahun 2021, BA MOF telah mengadakan dua (2) Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Pengurusan iaitu mesyuarat Bilangan 1 pada 16 Julai 2021 dan Bilangan 2 pada 16 Disember 2021. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa, Akauntan Negara Malaysia. Ahli mesyuarat terdiri dari kalangan pegawai yang dilantik menganggotai Jawatankuasa Pemandu Perakaunan Pengurusan dari Bahagian di JANM dan Kementerian terpilih.

Tujuan mesyuarat adalah bagi membincangkan status terkini aktiviti pelaksanaan Perakaunan Pengurusan melalui Strategi Pembangunan Polisi dan Dokumentasi, Pengupayaan Kapasiti Sumber Manusia dan Pemantapan Proses dan Teknologi serta meluluskan kertas kerja yang telah diperakukan oleh mesyuarat Jawatankuasa Kerja Perakaunan Pengurusan.

Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kementerian Kewangan Bilangan 1 Tahun 2021 Dan Bilangan 2 Tahun 2021

Selari dengan KPI yang ditetapkan, BA MOF telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan peringkat Kementerian Kewangan sebanyak dua (2) kali pada tahun 2021. Ahli mesyuarat terdiri daripada Ketua Jabatan dan Bahagian di bawah Kementerian Kewangan dan JANM.

Tujuan mesyuarat adalah untuk melaporkan dan membentangkan status pelaksanaan perakaunan akruan di Kementerian Kewangan dan memastikan peruntukan kewangan, sumber manusia serta keperluan infrastruktur ICT adalah mencukupi untuk tujuan pelaksanaan perakaunan akruan, seperti yang digariskan dalam PS 1.2 Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan.

Mesyuarat Bilangan 1 Tahun 2021 telah diadakan pada 2 Julai 2021 secara dalam talian melalui aplikasi Lifesize. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan, YBhg. Datuk Seri Asri bin Hamidin @ Hamidon.




Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kementerian Kewangan Bilangan 1 Tahun 2021 Di Kementerian Kewangan

Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kementerian Kewangan Bilangan 2 Tahun 2021 pada 9 Disember 2021 diadakan di Bilik Mesyuarat Blok Tengah, Kementerian Kewangan. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan), YBhg. Datin Rashidah binti Mohd Sies.

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Sistem Perakaunan Standard Bagi Agensi Kerajaan (SAGA) Di Bawah Kementerian Kewangan Bilangan 1 Tahun 2021

BA MOF telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja SAGA di bawah Kementerian Kewangan Bilangan 1 Tahun 2021 pada 14 Oktober 2021 secara dalam talian melalui aplikasi Lifesize. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Timbalan Akauntan Negara (Operasi), Encik Mohd Redzuan bin Hasan. Ahli mesyuarat terdiri daripada agensi kerajaan di bawah Kementerian Kewangan dan Bahagian Khidmat Perunding (BKP), JANM.

Tujuan mesyuarat adalah untuk membentangkan status terkini pelaksanaan SAGA di agensi, cadangan perancangan Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan di peringkat agensi bagi Tahun 2022 dan cadangan perancangan sasaran lawatan pematuhan SAGA Tahun 2022 di peringkat agensi.




Mesyuarat Jawatankuasa Kerja SAGA Di Bawah Kementerian Kewangan Melalui Aplikasi Lifesize

Mesyuarat Isu Operasi Dan Penutupan Akhir Tahun 2021 Bahagian Akaun Kementerian Kewangan (BA MOF) Bersama Maybank


BA MOF telah mengadakan Mesyuarat Isu Operasi dan Penutupan Akhir Tahun 2021 Bahagian Akaun Kementerian Kewangan (BA MOF) bersama Maybank pada 21 Disember 2021 secara dalam talian melalui aplikasi Lifesize. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah BA MOF, Cik Saadiah binti Yaacob. Ahli mesyuarat terdiri daripada Maybank dan Seksyen Perakaunan Kewangan BA MOF.

Tujuan mesyuarat adalah untuk membincangkan isu-isu operasi BA MOF berkaitan pengurusan akaun bank supaya aktiviti penutupan akaun akhir tahun 2021 berjalan lancar, selaras dengan keperluan dalam SPANM Bil. 6 Tahun 2021.


Kursus-kursus Anjuran BA MOF Sepanjang Tahun 2021



Kursus MPSAS Persembahan Penyata Kewangan (Melalui Aplikasi Lifesize)



Kursus iGFMAS: Pengurusan Gaji (Melalui Aplikasi Lifesize)



Kursus iGFMAS: Pengurusan Emolumen Sektor Awam (Melalui Aplikasi Lifesize)


BA MOF telah mengadakan kursus-kursus kewangan dan perakaunan kepada PTJ di bawah seliaan BA MOF seperti berikut:

Jadual 49 : Kursus-kursus Anjuran BA MOF Sepanjang Tahun 2021

Bil.	Tajuk Latihan	Tarikh
1.	Kursus MPSAS Persembahan Penyata Kewangan	9 – 10 Feb 2021
2.	Kursus iGFMAS: Perakaunan Aset	28 – 29 Jul 2021
3.	Kursus iGFMAS: Pengurusan Gaji	5 – 6 Okt 2021
4.	Kursus iGFMAS: Pengurusan Emolumen Sektor Awam	21 – 22 Okt 2021

Program MS ISO 9001: 2015 BA MOF

Demi mempertingkatkan perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan, BA MOF terus berusaha bagi memastikan Sistem Pengurusan Kualiti di BA MOF dapat dikekalkan. Untuk tujuan itu, beberapa aktiviti ISO telah dilaksanakan pada tahun 2021. Dengan komitmen berterusan daripada semua warga kerja BA MOF dalam menjayakan aktiviti ISO yang telah dirancang, sekali lagi Bahagian ini telah berjaya memperolehi pensijilan MS ISO 9000: 2015 dari *Platinum Shauffmans Veritas* (PSV) yang merupakan juruaudit luar bertauliah. Audit Surveillance telah dilaksanakan pada 15 Julai 2021 dan Sijil 9001: 2015 BA MOF telah berjaya dikekalkan sehingga 12 Jun 2022. Berikut adalah antara program MS ISO yang telah dilaksanakan pada tahun 2021.



Audit Surveillance MS ISO 9000: 2015



Bengkel Persediaan Audit Refresher

PASUKAN PELAKSANAAN PERAKAUNAN AKRUAN (PPPA)

Mesyuarat Meja Bulat Penyemakan Terjemahan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS)

Mesyuarat ini telah diadakan pada 25 hingga 27 November 2021 di Corus Paradise Resort, Port Dickson dengan tujuan untuk menyemak terjemahan yang telah dibuat oleh pihak ITBM agar terjemahan ini selari dengan inti pati kandungan MPSAS. Mesyuarat ini juga adalah untuk memastikan semua MPSAS yang telah diterjemah dan dapat diterbitkan dalam tempoh yang ditetapkan serta memastikan MPSAS yang diterjemah dapat difahami kerana ia adalah sumber rujukan utama kepada semua pengguna MPSAS. Aktiviti ini telah dihadiri oleh Ahli Kumpulan Kerja Terjemahan MPSAS.



Mesyuarat Meja Bulat Penyemakan Terjemahan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Di Port Dickson, Negeri Sembilan

Kursus Asas Terjemahan

Bengkel ini telah diadakan pada 15 Jun 2021 secara dalam talian dan telah dirasmikan oleh Pengarah PPPA, Puan Nor Yati binti Ahmad. Bengkel ini telah dihadiri oleh Ahli Kumpulan Kerja Terjemahan MPSAS (KKT MPSAS). Bengkel ini diadakan untuk memastikan terjemahan yang bermutu dapat dihasilkan dengan menyenaraikan apa-apa rujukan berkaitan untuk membantu memudahkan pengguna MPSAS.

Majlis Amanat Akauntan Negara Malaysia Dan Taklimat Peserta Program Diploma IPSAS


Majlis ini telah dihadiri oleh Pegawai Perakaunan dari JANM Bahagian dan JANM Negeri yang dicalonkan mengikut program Diploma IPSAS pada 30 April 2021 secara dalam talian menggunakan aplikasi Lifesize. Objektif majlis ini diadakan adalah untuk memberi taklimat kepada peserta kursus berkaitan Program Diploma IPSAS yang akan dijalankan.



Majlis Amanat ANM Dan Taklimat Peserta Program Diploma IPSAS Tahun 2021 Secara Dalam Talian

Majlis Apresiasi Penyempurnaan Fasa Pembangunan Sistem iGFMAS Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Majlis ini bertujuan memberi penghargaan kepada pegawai-pegawai yang terlibat sepanjang fasa pembangunan Sistem iGFMAS. Majlis ini telah diadakan pada 13 Ogos 2021 secara dalam talian menggunakan aplikasi Lifesize dan penyertaan daripada YBhg. Datuk ANM, TAN (O), Ahli Lembaga Pengarah iA Consulting Sdn. Bhd. serta Pegawai PPPA dan BPTM.



Majlis Apresiasi Penyempurnaan Fasa Pembangunan Sistem iGFMAS JANM Secara Dalam Talian

Kursus Aset Alih Kerajaan

Kursus ini telah diadakan pada 23 hingga 25 Ogos 2021 secara dalam talian menggunakan aplikasi Cisco Webex dengan tujuan untuk memberi pendedahan dan pemahaman lebih mendalam berhubung keseluruhan proses yang melibatkan Perakaunan Aset Alih daripada aspek polisi, tatacara, pengurusan dan juga perekodan. Selain itu ia juga membantu dalam menyelaraskan perbezaan perekodan atau istilah yang digunakan agar dapat diseragamkan.

Kursus ini telah dirasmikan oleh Pengarah PPPA dan disertai oleh Pegawai Perakaunan dari kementerian, JANM Negeri dan Cawangan yang terlibat dalam aset alih.

Kursus Aset Tak Alih Kerajaan

Kursus ini telah diadakan pada 7 hingga 9 September 2021 secara dalam talian menggunakan aplikasi Cisco Webex. Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan pemahaman lebih mendalam berhubung keseluruhan proses yang melibatkan Perakaunan Aset Tak Alih daripada aspek polisi, tatacara, pengurusan dan juga perekodan. Selain itu ia juga membantu dalam menyelaraskan perbezaan perekodan atau istilah yang digunakan agar dapat diseragamkan.

Kursus ini telah dirasmikan oleh Pengarah PPPA dan disertai oleh Pegawai Perakaunan dari kementerian, JANM Negeri dan Cawangan yang terlibat dalam aset tak alih.

Executive Talk : What Does It Mean To Be A CFO

Executive Talk ini telah diadakan pada 5 November 2021 secara dalam talian menggunakan aplikasi Lifesize. Tujuan *Executive Talk* ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada para akauntan sektor awam berhubung peranan dan tanggungjawab yang perlu digalas selaku Ketua Pegawai Kewangan (CFO) dari aspek perakaunan kewangan, perakaunan pengurusan serta fungsi khidmat nasihat dan rakan kongsi kepada para pembuat keputusan di peringkat ibu pejabat, kementerian dan jabatan. *Executive Talk* ini telah disertai oleh Pegawai Perakaunan dari kementerian, JANM Negeri dan Cawangan yang terlibat dalam aset alih.



Executive Talk : What Does It Mean To Be A CFO Secara Dalam Talian

Management Accounting Executive Talk : Art And Science Of Measuring Performance

Management Accounting Executive Talk ini telah diadakan pada 15 November 2021 secara dalam talian menggunakan aplikasi Lifesize. *Executive Talk* ini diadakan dengan tujuan memberi pendedahan kepada pegawai yang menguruskan pelaporan kewangan dan interpretasi maklumat perakaunan atas kapasiti masing-masing dan menyokong pelaksanaan Perakaunan Pengurusan di peringkat kementerian dan jabatan khusus dalam aspek pengukuran prestasi. Sesi ini disertai oleh Pegawai Perakaunan dari kementerian, JANM Negeri dan Cawangan yang terlibat dalam aset alih dan penceramah jemputan oleh pegawai Petronas.

Bengkel Pindaan Manual Perakaunan Akruan (MPA)

Bengkel ini telah diadakan pada 7 hingga 9 November 2021 di Tamu Hotel & Suites, Kuala Lumpur. Bengkel ini bertujuan untuk mengenal pasti topik-topik perakaunan relevan kepada urus niaga akruan semasa Kerajaan. Selain itu, bengkel ini turut membincangkan dengan mendalam senario perakaunan dan kod perakaunan yang bersesuaian di kementerian/pejabat/PTJ agar dapat dijelaskan dalam MPA untuk pemakaian olahan perakaunan yang lebih konsisten. Bengkel ini telah disertai oleh Pegawai Perakaunan Pengurusan dan Profesional yang berkhidmat di Ibu Pejabat JANM dan kementerian.

Bengkel Semakan Polisi Perakaunan Akruan Dan *Interpretation Of Accounting Policies*

Bengkel ini telah diadakan pada 18 dan 19 November 2021 di Dewan Serbaguna, JANM. Bengkel ini bertujuan menyemak, menambah baik serta mengemas kini semula Polisi Perakaunan Akruan dan Interpretation of Accounting Policies agar selaras dengan operasi perakaunan serta mengenal pasti isu-isu berbangkit dari kementerian/bahagian/JANM Negeri berkaitan Polisi Perkaunan Akruan. Bengkel ini telah disertai oleh Pegawai Perakaunan dari Bahagian JANM dan Bahagian Akaun kementerian.

Mesyuarat Pencapaian SKT Dan KPI Tahun 2021 Dan Penetapan SKT Dan KPI Tahun 2022 PPPA

Mesyuarat ini telah diadakan pada 21 Disember 2021 di Dewan Serbaguna, JANM dengan penyertaan daripada semua warga PPPA untuk membentangkan pencapaian SKT dan KPI tahun 2021. Selain itu, mesyuarat ini juga diadakan bagi menetapkan SKT dan KPI bagi tahun 2022.

Proses Dan Teknologi

Pengumpulan Data Baki Awal Aset Dan Liabiliti

Aset dan Liabiliti Kerajaan Persekutuan yang menepati kriteria pengiktirafan perakaunan akruan selaras dengan Malaysia Public Sector Accounting Standard adalah perlu dikumpul dan dilaporkan di dalam Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan. Aktiviti pengumpulan data ini perlu dilaksanakan merujuk kepada Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 11 Tahun 2017: Polisi Peralihan Pelaksanaan Akruan Kerajaan dan Garis Panduan Polisi Peralihan Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan. Pengumpulan data baki awal aset dan liabiliti melibatkan 27 kementerian dan melibatkan Pusat Tanggungjawab di bawah seliaan kementerian di seluruh negara.

Verifikasi Data Baki Awal Aset Dan Liabiliti

Selaras dengan Strategi Pengumpulan Data Baki Awal, aktiviti Verifikasi Data Baki Awal Aset dan Liabiliti oleh Unit Audit Dalam kementerian perlu dilaksanakan. Aktiviti ini memberi kesan signifikan ke atas data baki awal yang dikumpulkan oleh Kementerian dalam memastikan data aset adalah terpelihara, betul dan tepat sebelum data ini boleh diperakaunkan ke dalam iGFMAS.

Verifikasi Data Baki Awal Aset dan Liabiliti *cut off* pada 31 Disember 2020 oleh Unit Audit Dalam kementerian telah dilaksanakan kepada 27 kementerian sebanyak dua (2) kali bagi data yang dikumpul sehingga 31 Disember 2020 dan 30 Jun 2021.

Migrasi Data Baki Awal Aset Dan Liabiliti

Aktiviti migrasi data baki awal aset dan liabiliti ialah proses muat naik data yang dikumpulkan melalui templat manual daripada 27 kementerian dan bahagian JANM. Terdapat keperluan untuk memperakaunkan data induk dan data transaksi secara kaedah migrasi ke dalam iGFMAS. Proses migrasi data baki awal adalah selaras dengan Garis Panduan Polisi Peralihan Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan. Proses migrasi data adalah untuk mengakaunkan baki awal aset, liabiliti dan ekuiti daripada 27 kementerian. Sehingga kini, data baki awal bagi tahun 2018 sehingga 2021 telah diperakaunkan dalam iGFMAS dan dilaporkan di Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan.

Aktiviti migrasi data baki awal aset dan liabiliti bagi tahun 2021 telah dilaksanakan secara *batch* dengan kerjasama Bahagian Akaun kementerian, BPOPA dan BPTM. *Batch 1* dan *2* selesai dimigrasi pada 26 Julai 2021 manakala *batch 3* selesai pada 25 November 2021. Keseluruhan RM148.63billion (aset) dan RM3.50billion (liabiliti) berjaya dimigrasi ke iGFMAS pada tahun 2021 dengan penglibatan 25 kementerian.



LAPORAN AKTIVITI

MAJLIS BERSAMA JABATAN MBJ

MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) ditubuhkan pada tahun 2005 selaras dengan keperluan daripada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berpandukan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2020: Dasar Hubungan Majikan-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam - Majlis Bersama Jabatan.

MBJ JANM merupakan salah satu medium dua hala di antara pihak pekerja dan pihak pengurusan untuk menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbangkan idea-idea yang bernes demi kepentingan dan kebaikan JANM. MBJ JANM juga berfungsi sebagai forum perbincangan rasmi di antara pihak pengurusan dan wakil pekerja bagi membincangkan hal-hal yang menjurus kepada kebijakan pekerja di JANM di samping mengatasi sebarang masalah yang dihadapi oleh pihak pekerja. Antara perkara-perkara yang boleh dibincangkan di dalam forum meliputi isu kebijakan, kewangan dan kemudahan, pentadbiran, sumber manusia, inovasi, produktiviti dan hal-hal lain. Aduan dan cadangan daripada warga kerja JANM disalurkan melalui wakil pihak pekerja yang dilantik dan akan dibincangkan dan ditapis terlebih dahulu di peringkat wakil pekerja sebelum diangkat ke mesyuarat MBJ.

MBJ JANM dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa, Akauntan Negara Malaysia. Ahli-ahli mesyuarat terdiri daripada tujuh (7) orang wakil daripada pihak pengurusan dan 14 orang wakil pihak pekerja yang terdiri daripada seorang wakil dari setiap skim perkhidmatan yang bertugas di JANM. Pada bulan Mac 2021, undian secara dalam talian telah dilaksanakan bagi memilih wakil pekerja untuk menganggotai MBJ JANM. Keputusan undian telah diumumkan dan surat lantikan telah dikeluarkan kepada kesemua 14 orang wakil pekerja yang terpilih dan tempoh lantikan adalah berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2022.

Rajah 19 : Senarai Wakil Pekerja MBJ JANM Sesi 2021/2022

AKAUNTAN	PEG. TADBIR & DIPLOMATIK	TEKNOLOGI MAKLUMAT	PENOLONG AKAUNTAN	PENOLONG PEGAWAI TADBIR	SETIAUSAHA PEJABAT
<p>FAIZLI BIN MOHAMAD KHAIRUDDI (WA44) BPTM 03-8882 1466 faizli.khairuddi@ann.gov.my</p>	<p>NURIZZATI BINTI MOHAMAD AMIR (M44) BPPP 03-8882 1142 nurizzati.amir@ann.gov.my</p>	<p>ZABRIN BIN HAIDER (F32) JANM NEGERI SABAH 088-324821 zabrin@ann.gov.my</p>	<p>MOHD AL-HAFIZ BIN AHMAD (W29) BPOPA 03-8882 1603 alhafiz.ahmad@ann.gov.my</p>	<p>MOHD ZAKIE BIN YAAKOB (N29) UNIT INTEGRITI 03-8882 1697 zakie.yaakob@ann.gov.my</p>	<p>WAN MAZLINA BINTI OTHMAN (N29) BPTM 03-8882 1330 wtina.othman@ann.gov.my</p>
LAIN-LAIN SKIM					
<p>NORAMIN BIN JUMINEN (S29) IPN 03-3217 2036 amin.j@ann.gov.my</p>	WAKIL PEKERJA MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA Sesi 2021/2022				<p>NGATIRAN BIN ABDUL SAID (N11) JANM CAW SANDAKAN 089-668 330/31 SAMB. 116 ngatiran@ann.gov.my</p>
PEMBANTU AKAUNTAN	PEMBANTU TADBIR (PERKHIDMATAN/OPERASI)	PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN	PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN)	PEMANDU KENDERAAN	PENGAWAL KESELAMATAN
<p>AHMAD HILMI BIN ABD WAHAB (W22) BPOPA 03-8882 1371 hilmi.wahab@ann.gov.my</p>	<p>LIONEL BIN ALFRED (N22) JANM CAW KENINGAU 087-331245 lionel.alfred@ann.gov.my</p>	<p>DIRMANSAH BIN LADIRO (N19) JANM CAW TAWAU 089 - 775620/21 samb. 106 dirmansah@ann.gov.my</p>	<p>AMRI BIN AHMAD (W22) BPPP 03-8882 1066 amri.ahmad@ann.gov.my</p>	<p>MOHD KASAH BIN MASTOR (H11) PEJABAT ANM 03-8882 1005 kasmas@ann.gov.my</p>	<p>MOHAMAD HAZRI BIN JUSOH (KP11) BPPP 03-8882 1791 hazri.jusoh@ann.gov.my</p>



Ahli Mesyuarat MBJ JANM Bil. 3/2021 Di Hotel Grand Dorsett, Labuan

Pada tahun 2021, MBJ JANM telah mengadakan mesyuarat sebanyak tiga (3) kali seperti di Jadual 50.

Jadual 50 : Mesyuarat MBJ JANM Bagi Tahun 2021

Bil.	Mesyuarat	Tarikh	Lokasi
1.	Mesyuarat MBJ JANM Bil. 1/2021	23 Apr 2021	Bilik Gerakan Aras 8, JANM
2.	Mesyuarat MBJ JANM Bil. 2/2021	25 Ogos 2021	Bilik Gerakan Aras 8, JANM
3.	Mesyuarat MBJ JANM Bil. 3/2021	14 – 16 Nov 2021	W.P Labuan

Mesyuarat MBJ JANM Bil. 1/2021 dan Bil. 2/2021 telah diadakan di Ibu Pejabat JANM, manakala Mesyuarat MBJ JANM Bil. 3/2021 telah diadakan di Hotel Grand Dorsett, Labuan. Mesyuarat ini diadakan bertujuan memberi peluang dan pendedahan kepada ahli mesyuarat kepada suasana lain untuk bermesyuarat dalam mencambah idea baru dan jalinan perbincangan yang lebih baik.

Sepanjang pelaksanaan mesyuarat MBJ JANM pada tahun 2021, sebanyak 51 isu telah dibangkitkan dan sebanyak 44 isu (86.3%) telah berjaya diselesaikan oleh pihak pengurusan. Ringkasan penyelesaian isu adalah seperti di Jadual 51.

Jadual 51 : Ringkasan Penyelesaian Isu MBJ JANM Bagi Tahun 2021

Jumlah Isu Dibangkitkan	Jumlah Isu Berjaya Diselesaikan	Jumlah Isu Yang Masih Tertunggak Dan Belum Diselesaikan (Dibawa Ke Tahun 2022)	Peratus Penyelesaian Isu (%)
51	44	7	86.3

LAPORAN AKTIVITI

AKRAB

AKRAB

Ahli Jawatankuasa AKRAB JANM Sesi 2021/2022



Jadual 52 : Bilangan Keahlian AKRAB

Bil.	Peringkat	Lelaki	Perempuan
1.	Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)	23	53
Jumlah		76	

Jadual 53 : Bilangan Keahlian AKRAB CARE

Bil.	Peringkat	Lelaki	Perempuan
1.	Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)	9	22
Jumlah		31	

Jadual 54 : Laporan Jumlah Sesi Bimbingan Kaunseling

Jantina	Kesihatan	Kewangan	Disiplin	Lain-Lain	Jumlah
Lelaki	8	-	-	1	9
Perempuan	28	-	1	40	69
Jumlah	36	-	1	41	78

Laporan Aktiviti AKRAB JANM Sepanjang Tahun 2021

Jadual 55 : Laporan Aktiviti AKRAB JANM Sepanjang Tahun 2021

Bil.	Program	Tarikh	Anjuran
1.	Kursus Fasilitator Unggul AKRAB	1 Mac 2021	Sub Unit Kaunseling
2.	Kursus Memperkasakan Kompetensi AKRAB – Memahami Seni Bahasa Badan	5 – 7 Apr 2021	Dewan Serbaguna JANM (Secara hibrid)
3.	Program Kesedaran Kesihatan Mental	3 Jun 2021	Sub Unit Kaunseling
4.	Program Bimbingan AKRAB bertajuk: <i>It's OK to be NOT OK</i>	24 Jun 2021	BPAD, Caw. Sabah
5.	Taklimat Psikologi dan Kepentingan Kesihatan Mental	20 Ogos 2021	JANM Caw. Kapit
6.	Program Minda Sejahtera	13 Sep 2021	JANM Negeri Sembilan
7.	Intervensi Kelompok Sasaran	20 Sep 2021	AKRAB JANM Negeri Sembilan
8.	Pengurusan Emosi	28 Sep 2021	JANM Caw. Tawau
9.	Program Kesejahteraan Psikologi & Pengurusan Emosi	29 Sep 2021	JANM Perlis
10.	Webinar <i>Team Up Magnetize Others</i>	5 – 6 Okt 2021	JANM Caw. Bintulu
11.	Webinar Kesejahteraan Psikologi	26 Okt 2021	JANM Johor
12.	Taklimat Kesejahteraan Psikologi	2 Nov 2021	JANM Sarawak
13.	Ceramah Solusi Al-Quran Mendepani Wabak COVID-19	11 Nov 2021	JANM Selangor
14.	Seminar Kesejahteraan Psikologi – <i>Work Life Balance</i>	16 – 17 Nov 2021	Sub Unit Kaunseling & AKRAB JANM
15.	Kursus Certified NLP AKRAB JANM	24 – 26 Nov 2021	Sub Unit Kaunseling
16.	Ceramah Motivasi Hijrah dan Ibrah Pandemik (Hijrah Tirai Besi)	26 Nov 2021	JANM Selangor



Simposium AKRAB

LAPORAN AKTIVITI PERSATUAN



PERSATUAN AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (PSA)

Ahli Jawatankuasa PSA Sesi 2021/2022

Presiden	: Tuan Haji Nasran bin Omar
Timbalan Presiden	: Tuan Haji Ayub bin Zaidin
Setiausaha Kehormat	: Encik Mohd Azizi bin Mohd Aspar
Penolong Setiausaha	: Encik Muhammad Naszman bin Bukhari
Bendahari Kehormat	: Encik Naharuddin bin Saadan
Penolong Bendahari 1	: Puan Normalina binti Ramli
Penolong Bendahari 2	: Puan Sunani binti Sanusi
Pengerusi Biro Komunikasi	: Encik Fazli bin Mohamad Khairuddi
Timbalan Pengerusi Biro Komunikasi	: Puan Roziwaty binti Junaidi
Pengerusi Biro Ekonomi	: Encik Rusdi bin Ahmad @ Ali
Pengerusi Biro Profesional	: Encik Ahmad Shukri bin Abdul Gani
Timbalan Pengerusi Biro Profesional	: Puan Rohanis binti Omar
Pengerusi Biro Kebajikan dan Sosial	: Puan Murniyati binti Ramli
Timbalan Pengerusi Biro Kebajikan dan Sosial	: Puan Rasifah binti Ibrahim
Pengerusi Biro Keahlian	: Encik Patrick Majatig
Timbalan Pengerusi Biro Keahlian	: Puan Hariyanti binti Dahlan
Wakil Zon Timur	: Encik Zulkifli bin Zahar
Wakil Zon Tengah	: Puan Ruzinah binti Rukun
Wakil Zon Utara	: Puan Rohani binti Che Mie
Wakil Zon Selatan	: Puan Kalthom binti Salim
Wakil Zon Sabah	: Encik Rosdi bin Abu
Wakil Zon Sarawak	: Puan Brenda Marajan
Wakil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)	: Tuan Haji Mohd Nizam bin Mahayuddin

Bilangan Keahlian PSA sehingga 31 Disember 2021 adalah seramai 1,067 orang.

Sepanjang tahun 2021, PSA telah melaksanakan sebanyak 15 aktiviti yang melibatkan penyertaan yang amat menggalakkan daripada ahli-ahli PSA dan juga bukan PSA. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah bertujuan untuk mengeratkan silaturahim sesama ahli selain membina jati diri ahli PSA dan juga menambahkan ilmu pengetahuan selari dengan perakaunan akruan pada masa kini. Aktiviti PSA sepanjang tahun 2021 adalah seperti berikut:

Jadual 56 : Aktiviti PSA Sepanjang Tahun 2021

Bil.	Perkara	Tarikh	Tempat
1.	<i>Management & Leadership Webinars: How To Be An Effective Leader In A Crisis</i>	6 Jul 2021	Secara Maya
2.	Webinar Kesedaran Kanser ‘Merungkai Mitos Kanser’	20 Ogos 2021	Secara Maya
3.	Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) PSA Ke – 32	13 Sep 2021	Hibrid
4.	Kolaborasi Bersama JANM Dan MBJ Untuk Sembang Santai Teh Tarik Bersama ANM	13 Sep 2021	Secara Maya
5.	MPSAS <i>Insights 2021 ‘Unveiled Intangible Assets’</i>	4 & 5 Okt 2022	Secara Maya

6.	Kolaborasi Bersama JANM Untuk Penganjuran Hari Bersama Pelanggan JANM 2021	21 Okt 2021	Secara Maya
7.	Kolaborasi Bersama PERBAKTI Untuk Persidangan PERBAKTI 2021	1 – 2 Nov 2021	Secara Maya
8.	Larian & Kayuhan Ceria PSA 2021	1 Nov – 28 Dis 2021	Secara Maya
9.	Program Hiking Dan CSR Di Pulau Berhala, Sandakan, Sabah	27 Nov 2021	Sandakan, Sabah
10.	Program Persahabatan Bowling Di Champ's Bowl, Sandakan, Sabah	27 Nov 2021	Sandakan, Sabah
11.	Retreat Majlis PSA Tahun 2021	4 – 6 Dis 2021	Langkawi, Kedah
12.	Pertandingan Bowling PSA Zon Sabah Dan Labuan	10 Dis 2021	Kota Kinabalu, Sabah
13.	Program Ceramah Perancangan Cukai 2021 (Bertindak Sebelum Terlambat)	16 Dis 2021	JANM Selangor
14.	Sesi Knowledge Sharing Ahli PSA Zon Sabah	Setiap 2 Bulan	Secara Maya
15.	Ziarah Dan Sumbangan Khairat Kepada Ahli PSA	Sepanjang Tahun 2021	Lawatan Bersemuka



Poster Hebahan Mesyuarat Agung Tahunan PSA
Kali Ke - 32



Sembang Santai Teh Tarik Bersama ANM



Retreat Majlis PSA Tahun 2021

PERSATUAN PENOLONG AKAUNTAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (PERPENA)

Ahli Jawatankuasa PERPENA Sesi 2020/2022

Penaung	:	YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa Akauntan Negara Malaysia
Penasihat	:	Encik Sadikin bin Aton (Sehingga 13 November 2021) Timbalan Akauntan Negara (Korporat)
Presiden	:	Encik Mohd Hafiz bin Abdul Hamid
Timbalan Presiden	:	Puan Zetiakmal binti Abdul Muiz
Setiausaha	:	Puan Putri Nur Aslina binti Tengku Khariman
Naib Setiausaha	:	Puan Suhazlinda binti Mohamed
Bendahari	:	Encik Azelan bin Tuman
Naib Bendahari	:	Encik Marlizan bin Ma'arof
Biro Informasi Dan Perhubungan	:	Encik Mohd Hisham bin Ahmad Shukri Encik Mohd Al-Hafiz bin Ahmad
Biro Keahlian	:	Puan Zanzalilah binti Abu Bakar Puan Aminah binti Mawardi
Biro Kebajikan, Sosial Dan Rekreasi	:	Encik Amrul Fazli bin Mohamad Encik Fadilah bin Sophian Puan Zarina binti Zaharuddin
Biro Pembangunan Kerjaya	:	Encik Ngah bin Hitam Puan Normala binti Hamzah
Juruaudit Dalaman	:	Encik Mohd Syairol Azwan bin Shabudin Puan Imelda Norvilla binti Safruddin

Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-6 Tahun 2019

PERPENA telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-6 Tahun 2019 yang bertujuan untuk melantik ahli jawatankuasa bagi sesi 2020/2022. Di samping itu, ianya bertujuan untuk merapatkan ukhwah sesama ahli dan menjadi proses percambahan idea bagi kecemerlangan PERPENA.

Program ini telah diadakan di Hotel Everly, Putrajaya pada 5 Januari 2021. Seramai 141 orang ahli jawatankuasa telah menghadiri mesyuarat tersebut.

Berikut pandemik COVID-19 yang melanda negara pada Mac 2020, pihak PERPENA tidak berkesempatan mengadakan program-program yang telah dirancang kerana mematuhi arahan dan prosedur yang ditetapkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN).



Timbalan Akauntan Negara (Korporat), Encik Sadikin Bin Aton Menyampaikan Ucapan Perasmian



Para Jemputan Dan Peserta Ketika Menyanyikan Lagu Negaraku



Sebahagian Penolong Akauntan Yang Hadir Ke Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-6 Tahun 2019



PERSATUAN PEMBANTU AKAUNTAN SEKTOR AWAM MALAYSIA (PERBAKTI)

Ahli Jawatankuasa PERBAKTI Tahun 2021

Penaung	: YBrs. Datuk Dr.Yacob bin Mustafa
Penasihat	: YBrs. Tuan Haji Zaharin bin Othman
Yang Dipertua	: Encik Ahmad Hilmi bin AbdWahab
Naib Yang Dipertua	: Encik Hairildha bin Urif
Setiausaha	: Puan Ramsuhaida binti Ramli
Penolong Setiausaha	: Encik Mohd Azrizal bin ZawinAnuar
Bendahari	: Encik Arbain bin Talib
Penolong Bendahari	: Puan NorAzwa binti Ahmad Adnan
Ahli Jawatankuasa	: Encik Nazhir bin Musa
	: Encik Alias bin Che Rose
	: Encik Mohd Hanafi bin Sanusi
	: Encik Ahmad Izudin bin Mahmood Dean
	: Encik Norfeedaues bin Che Omar
	: Puan Rabiatul Adawiyah binti Mustafa
	: Puan Wan Noor Rizam binti Wan Aziz
	: Puan Norfaizah binti Safarizan
Wakil Zon Utara	: Puan IzzaMuslina binti Ismail
Wakil Zon Timur	: Encik Nik Suhaimi bin Nik Zakaria
Wakil Zon Barat	: Encik Mohd Hairul Shahril bin Jaafar
Wakil Zon Selatan	: Encik Wan Mohd Zuhdi bin Wan Yusof
Wakil Sabah	: Encik Abd Hamid bin Arbin
Wakil Sarawak	: Encik Gunggang ak Chendan
Wakil Labuan	: Puan Norieta binti Hambali
Pemeriksa Kira-kira I	: Puan Zainoriah binti Ali
Pemeriksa Kira-kira II	: Puan Junainah Hanim binti Othman

Bengkel Penyediaan Kertas Kerja Teras Strategi Pelan Induk Pembangunan Kompetensi (PIPK) Dan Pemurnian Kertas Kerja Penambahbaikan Skim Pembantu Akauntan

Pada 9 hingga 11 April 2021, PERBAKTI telah mengadakan Bengkel Penyediaan Kertas Kerja Teras Strategi Pelan Induk Pembangunan Kompetensi (PIPK) dan Pemurnian Kertas Kerja Penambahbaikan Skim Pembantu Akauntan di Hotel Lexis Port Dickson. Bengkel ini telah disertai oleh 14 orang ahli jawatankuasa PERBAKTI. Hasil dari bengkel ini, satu kertas kerja telah diserahkan kepada pihak pengurusan tertinggi JANM semasa Persidangan Pembantu Akauntan Kali Ke-9.



Bengkel Penyediaan Kertas Kerja Teras Strategi Pelan Induk Pembangunan Kompetensi (PIPK) Dan Pemurnian Kertas Kerja Penambahbaikan Skim Pembantu Akauntan

Persidangan Pembantu Akauntan Sektor Awam Kali Ke-9

Persidangan Pembantu Akauntan Sektor Awam Kali Ke-9 telah diadakan secara dalam talian pada 1 hingga 2 November 2021. Seramai 361 orang peserta telah mengikuti persidangan pada kali ini yang melibatkan 337 orang Pembantu Akauntan dan 24 orang Pembantu Tadbir Kewangan. Persidangan kali ini bertemakan “Perakaunan Digital Evolusi Negara”. Sebanyak lima (5) sesi pembentangan dan satu (1) sesi soal jawab oleh BPPP telah dijayakan pada persidangan kali ini.



Barisan Urus Setia Persidangan Pembantu Akauntan Sektor Awam Kali Ke-9

PERSATUAN SURI DAN ANGGOTA WANITA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA (PUSPANITA)

Ahli Jawatankuasa PUSPANITA JANM Sesi 2021

Pengerusi	: YBhg. Datin Rugayah binti Mohd Zin
Timbalan Pengerusi I	: Puan Zalizah binti Nawi
Timbalan Pengerusi II	: Puan Norhayati binti Othman
Biro Khas	: Puan Fatniza binti Che Ani
Penolong Biro Khas	: Puan Intan Yusniazura binti Mohamed Yusop
Bendahari	: Puan Siti Amira binti Redzuan
Penolong Bendahari	: Cik Cakrawati binti Osman
Setiausaha	: Cik Siti Mariam binti Mat Noh
Penolong Setiausaha	: Puan Ros Suhaila binti Abd Halim
Biro Ekonomi dan Keahlian	: Puan Liliwaty binti Abdul Rahman : Puan Noraminahwati binti Ithnin : Puan Nor Asniza binti Anua : Puan Noorhafizah binti Aziz : Puan Masitah binti Ab Ghani : Puan Sandra Timothy : Puan Nur Iqwa Jamal binti Jamaludin : Puan Zunainah binti Tajudin
Biro Publisiti dan Promosi	: Cik Nor Azneyani binti Zakaria : Puan Fadilah binti Ahmad : Puan Mas Ayu binti Johari : Puan Najmah binti Ismail
Biro Kebajikan dan Agama	: Puan Raja Ros Idayu binti Raja Norazmi : Puan Norfariza binti Mohd Rosman : Puan Kaslinda binti Sudin : Puan Siti Balkhis binti Shafee
Biro Sosial dan Sukan	: Puan Nurazmiah binti Azri : Puan Shakirah binti Mohamed Shaari : Puan Rohaiza binti Hosni : Puan Zailatul Syima binti Zainal
Biro Pendidikan dan Kesihatan	

Laporan Aktiviti PUSPANITA JANM 2021

Di sebalik cabaran mengharungi pandemik COVID-19 di tahun 2021, PUSPANITA JANM telah berjaya menganjurkan beberapa program bermanfaat kepada ahli dan warga JANM amnya. Rangkuman aktiviti PUSPANITA JANM sepanjang tahun 2021 adalah seperti berikut:

Program “Dari Ku Untuk Mu”

Program yang diilhamkan bagi membolehkan ahli PUSPANITA JANM turut membantu pihak yang terkesan disebabkan penularan wabak COVID-19 direalisasikan melalui program bertemakan “Dari Ku Untuk Mu”. Tumpuan utama tema “Dari Ku” adalah kutipan sumbangan ikhlas daripada warga JANM dalam bentuk wang tunai, bahan makanan kering dan juga pengumpulan barang/pakaian terpakai. Tempoh sumbangan ini dibuka dari 18 hingga 31 Mac 2021.

Tema “Untuk Mu” merujuk kepada penerima agihan sumbangan yang telah dikumpul di mana diagihkan kepada dua (2) kategori sumbangan iaitu:

1. Sumbangan dalam bentuk wang tunai, bahan makanan kering yang diterima telah memanfaatkan kira-kira 33 orang kakitangan pembersihan, anggota RELA dan Pengawal Keselamatan Bangunan JANM, tujuh (7) keluarga asnaf yang terpilih dan satu (1) keluarga kakitangan IPN yang sedang sakit di Sabak Bernam. Pengagihan sumbangan telah dilakukan oleh Penasihat PUSPANITA JANM, YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa dan Pengerusi PUSPANITA JANM, YBhg. Datin Rugayah Mohd Zin.
2. Pengumpulan pakaian atau barang terpakai yang diterima diasingkan kepada dua (2) kategori. PUSPANITA JANM telah menganjurkan jualan percuma pakaian terpakai yang masih cantik dan elok untuk dipakai kepada warga dan sambutan yang diterima amat menggalakkan. Manakala bagi pakaian dan barang lusuh serta tidak dapat digunakan, disumbangkan kepada pihak UPM di mana hasil jualan akan disumbangkan kepada pihak Zoo dan Pameran Tetap (ZPT) yang terkesan.

“Wanita Inspirasi - Teladan Dan Cabaran Masa Kini”

Pada 16 Disember 2021, PUSPANITA JANM diberikan kepercayaan selaku Biro Agama PUSPANITA Kementerian Kewangan menganjurkan Ceramah Agama bertemakan “Wanita Inspirasi - Teladan dan Cabaran Masa Kini”. Ceramah telah disampaikan oleh Ustazah Noraini binti Mat Din. Seramai 130 ahli PUSPANITA dari Kementerian Kewangan hadir secara fizikal di Dewan Serbaguna, JANM manakala 120 peserta hadir secara maya.



Sekitar Penganjuran Ceramah “Wanita Inspirasi - Teladan Dan Cabaran Masa Kini”

JAWATANKUASA HAL EHWAL AGAMA ISLAM JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JHEAIN)

Ahli Jawatankuasa JHEAIN Tahun 2021

Pengerusi	: Tuan Haji Rozaimi bin Idris
Timbalan Pengerusi	: Encik Sharizon bin Salleh
Setiausaha	: Encik Ahmad Muhyiddin bin Hashim (sehingga 15 September 2021) Encik Mohd Nazi bin Mat Yusoff (dari 16 September 2021)
Penolong Setiausaha Bendahari	: Puan Nur Aisyah Aleya binti Abdullah Peter Legi : Encik Osman bin Mantali (sehingga Oktober 2021) Encik Shahrul Anwar bin Sahar (dari 10 Disember 2021)
Penolong Bendahari	: Puan Nurul Shafawati binti Muhammad Yusof (dari 10 Disember 2021)
Ketua Biro Dana/Ekonomi	: Puan Nik Salma Irwani binti Ibrahim
Ketua Biro Dakwah	: Encik Naharudin bin Saadan
Ketua Biro Muslimah	: Puan Zyerullida binti Shahruddin
Ketua Biro Seranta	: Encik Wan Mohd Aswad bin Wan Harun
Ketua Biro Surau/Kebajikan	: Encik Mohd Taufik bin Haji Ahmad

Aktiviti JHEAIN Tahun 2021


Selaras dengan peranan JHEAIN mengendalikan aktiviti dan program berkonsepkan nilai-nilai murni dan keagamaan yang melibatkan warga JANM, sebanyak lapan (8) program telah dirancang sepanjang tahun 2021. Objektif utama penganjuran program-program tersebut adalah bagi memperingati dan meraikan hari-hari kebesaran dalam Islam, di samping dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dan sedikit sebanyak dapat menerapkan nilai-nilai yang baik seterusnya membentuk akhlak serta budi pekerti yang mulia di kalangan warga JANM.

Walau bagaimanapun, aktiviti yang telah dirancang ini tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya memandangkan Kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 pada 13 Januari hingga 4 Mac 2021 dan seterusnya PKP 3.0 pada 1 hingga 14 Jun 2021. Sebaik tamat tempoh PKP, beberapa program dapat juga dilaksanakan mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan diadakan secara maya. Perincian program yang dianjurkan adalah seperti di Jadual 57.

Jadual 57 : Senarai Aktiviti JHEAIN Bagi Tahun 2021

Bil.	Penganjur Bersama	Tarikh	Tempat	Bil. Peserta
1.	Majlis Bacaan Yasin Perdana bersama ANM	16 Feb 2021	Dewan Serbaguna/ Live Streaming	433 orang (dalam talian)
2.	Majlis Bacaan Yasin dan Ceramah Sambutan Ihya Ramadan oleh Ust. Mohd Meeftah Anuar	19 Apr 2021	Dewan Serbaguna/ Live Streaming	445 orang (dalam talian) 100 orang (dalam dewan)

3.	Edaran Bubur Lambuk Sempena Ramadan	28 Apr 2021	-	Semua warga JANM dan IPNCPD
4.	Majlis Berbuka Puasa dan Tazkirah oleh Ust. Mohd Radhi	7 Mei 2021	Dewan Serbaguna/ Live Streaming	90 orang (dalam talian) 60 orang (dalam dewan)
5.	Majlis Bacaan Yasin JANM bersama ANM	23 Ogos 2021	Dewan Serbaguna/ Live Streaming	351 orang (dalam talian)
6.	Majlis Sambutan Maulidur Rasul (KESAN dan JHEAIN) bersama PPZ	18 Okt 2021	Dewan Serbaguna/ Live Streaming	360 orang (dalam talian) 60 orang (dalam dewan)



Sekitar Majlis Sambutan Maulidur Rasul

Pihak JHEAIN turut mengadakan jualan kurma pada bulan Ramadan dan mendapat sambutan yang mengalakkan daripada warga JANM. Mulai Januari 2021, Biro Dana dan Ekonomi JHEAIN telah mewujudkan sudut *food bank* yang menyediakan keperluan asas seperti beras, gula, tepung gandum, minyak masak dan sardin. Program ini diadakan bagi membantu golongan yang memerlukan khususnya dalam tempoh pandemik COVID-19 ini.

LAPORAN AKTIVITI

KELAB



BADAN KEBAJIKAN PERKHIDMATAN PERAKAUNAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (BERKAT)

BERKAT merupakan pertubuhan bertaraf kebangsaan yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 yang bermatlamat menjalankan aktiviti kebajikan kepada ahli-ahlinya.

Keahlian BERKAT adalah automatik bagi semua anggota yang berkhidmat di JANM (Ibu Pejabat/JANM Negeri dan Cawangan) dan semua anggota Perkhidmatan Perakaunan yang berumur 18 tahun ke atas serta warganegara Malaysia.

Sumber kewangan BERKAT diperolehi daripada yuran bulanan ahli seperti mana tertakluk dalam Fasal 6, Perlembagaan BERKAT berikut:

Jadual 58 : Yuran Bulanan Ahli

Gred	Kadar Bulanan
JUSA ke atas	RM20.00
Gred 48 – 54	RM10.00
Gred 30 – 44	RM6.00
Gred 1 – 29	RM2.00

Keahlian secara automatik dan potongan yuran bulanan ini memberi peluang kepada semua ahli menyumbang kepada ahli lain yang memerlukan di samping meraikan kecemerlangan anak-anak ahli sama ada dalam pelajaran mahupun kegiatan sosial peringkat antarabangsa.

Ahli Jawatankuasa (BERKAT) Sesi 2020/2021

Pengerusi	: YBhg. Datuk Dr. Jacob bin Mustafa
Timbalan Pengerusi	: Encik Sadikin bin Aton
Setiausaha	: Puan Noor Azlina binti Che Jian
Penolong Setiausaha	: Encik Mohd Izzuddin bin Jasni
Bendahari	: Encik Osman bin Mantali
Penolong Bendahari	: Encik Aliff Haikal bin Kamaruddin
Pengerusi Jawatankuasa	
i. Keahlian	: Encik Ahmad Danial bin Hasbullah
ii. Promosi dan Komunikasi	: Encik Mohd Azizi bin Mohd Aspar
iii. Kebajikan	: Puan Murniyati binti Ramli
iv. Pendidikan	: Encik Mohd Asri bin Yusof
v. Sosial	: Puan Gloria Angela James Noah
vi. Kesihatan	: Encik Mohd Nazri bin Hassan
Pemeriksa Kira-Kira	: Encik Abdul Majid bin Salleh
	: Puan Hatimah binti Hamid

Aktiviti BERKAT

Aktiviti BERKAT tertumpu kepada aktiviti kebajikan dan sumbangan kepada ahli-ahlinya atau anak-anak ahli yang layak berdasarkan kepada Garis Panduan Sumbangan BERKAT.

Pada tahun 2021, beberapa pengenalan sumbangan/bantuan baharu telah diperkenalkan kepada ahli seperti berikut:

1. Berkuat kuasa 1 Januari 2021 - (a) tempoh permohonan bantuan/sumbangan dilanjutkan daripada tiga (3) bulan kepada enam (6) bulan; (b) kadar bantuan perayaan dinaikkan daripada RM70/anak kepada RM100/anak; (c) sumbangan kecemerlangan sosial anak-anak peringkat antarabangsa diperkenalkan; dan (d) sumbangan persaraan kepada semua ahli sebanyak RM200/ahli diperkenalkan.
2. Berkuat kuasa 1 April 2021 - (a) terma tuntutan sekali dalam setahun bagi bantuan bencana alam digugurkan; dan (b) sumbangan kecemerlangan anak-anak peringkat tertinggi diperkenalkan dengan sumbangan sebanyak RM250 atau RM300/anak.
3. Berkuat kusa 1 November 2021 - meluaskan sumbangan kemasukan ke IPT kali pertama kepada kemasukan ke matrikulasi, politeknik dan profesional perakaunan bagi anak-anak ahli yang layak.

Secara ringkas, sumbangan/bantuan BERKAT adalah meliputi perkara-perkara berikut:

Jadual 59 : Sumbangan/Bantuan BERKAT

Kebajikan	Pendidikan	Sosial	Kesihatan	Keahlian
Bantuan bencana alam kepada semua ahli yang terkesan	Bantuan persekolahan kepada anak ahli berpendapatan seisi rumah RM4,000 dan ke bawah	Bantuan perayaan utama mengikut agama/kaum kepada anak-anak ahli berpendapatan seisi rumah RM4,000 dan ke bawah	Bantuan kesihatan teruk/kritikal, kecederaan parah akibat kemalangan, peralatan sokongan (jika tiada kemudahan Kerajaan) dan kemasukan wad kepada semua ahli dan keluarga ahli (suami/isteri/anak)	Sumbangan Persaraan kepada semua ahli
Sumbangan kematian ahli kepada waris ahli	Bantuan kemasukan Institut Pengajian Tinggi (IPT) kali pertama kepada anak ahli berpendapatan seisi rumah RM4,000 dan ke bawah			
Sumbangan kematian keluarga ahli (suami/isteri/ibu dan bapa kandung/anak) kepada semua ahli yang terkesan	Sumbangan Anugerah Kecemerlangan Peperiksaan kepada semua anak ahli yang layak	Sumbangan Kecemerlangan Sosial Peringkat Antarabangsa kepada semua anak ahli yang layak		
Bantuan kesusahan lain kepada ahli yang terkesan	Sumbangan Anugerah Peringkat Tertinggi kepada semua anak ahli yang layak			


Bagi tahun 2021, sebanyak 625 permohonan diterima berbanding tahun sebelumnya sebanyak 640 permohonan. Sebanyak 600 permohonan berjaya mematuhi kriteria kelayakan bantuan melibatkan jumlah bantuan sebanyak RM157,770.00.

Pecahan permohonan berbanding kelulusan bantuan serta amaun kelulusan yang telah selesai dibayar mengikut kategori bantuan/sumbangan bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

Jadual 60 : Pecahan Permohonan, Kelulusan Dan Bayaran Mengikut Kategori Bantuan Tahun 2021

Kategori Bantuan	Permohonan	Kelulusan	Jumlah Bayaran (RM)
Sosial	182	179	46,660.00
Kebajikan	139	139	44,350.00
Kesihatan	121	107	18,050.00
Pendidikan	163	155	44,710.00
Keahlian	20	20	4,000.00
Jumlah	625	600	157,770.00

Carta 13 : Pecahan Bayaran Mengikut Kategori Bantuan/Sumbangan Tahun 2021



KELAB SUKAN JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (KESAN)

Ahli Jawatankuasa KESAN Tahun 2021

Yang Dipertua	: YBrs. Encik Mohd Redzuan bin Hasan
Naib Yang Dipertua	: Encik Azeman bin Miskah
Setiausaha Kehormat	: Encik Mohd Shahrul Rezal bin Mohd Ali
Bendahari Kehormat	: Cik Zarfilla binti Mohd Ajil
Penolong Setiausaha	: Encik Armi Arfifi bin Azmi
Penolong Bendahari	: Puan Ratna Dewi binti Nursal
Ahli Jawatankuasa	: YBhg. Datin Arpah binti Jais@Hj. Mhd Dahlan : Encik Norjayadi bin Musleh : Encik Muhamad Hanif bin Baharuddin : Encik Muhammad Ikram bin Abdul Karim : Encik Megat Muhamad Raihan bin Wan Abd Rashid : Encik Sivasunthar a/l Pasubalan : Encik Mohamad Fareez bin Abd Wahab : Encik Mohd Asna bin Kamarulzaman

Hari Sukan Negara

Sempena Hari Sukan Negara Tahun 2021, KESAN telah menyertai dua (2) sukan anjuran Perbendaharaan Putrajaya iaitu Bola Sepak dan Badminton pada 8 hingga 9 Oktober 2021. Pasukan Bola Sepak KESAN telah menjadi Johan Kejohanan manakala Pasukan Badminton KESAN menjadi Naib Johan dalam edisi tahun ini.



Pasukan Bola Sepak KESAN



Pasukan Badminton KESAN

Pertandingan Memancing Kelab Pemancing Perbendaharaan Putrajaya (KPPP)

Pertandingan ini telah diadakan di Kampung Delek Fishing Park, Klang, Selangor pada 27 November 2021. KESAN telah menghantar seramai 30 orang bagi kategori terbuka dan dua (2) orang bagi kategori VIP. Enam (6) pemancing JANM telah mendapat hadiah yang disediakan sehingga tempat ke-15. Pemancing JANM iaitu Encik Suhaili bin Sayuti telah menjadi Juara dengan ikan seberat 3.05kg.

Program Kolaborasi Ceramah Maulidur Rasul

Program ceramah sempena Sambutan Maulidur Rasul peringkat JANM dianjurkan secara bersama dengan JHEAIN dan Pusat Pungutan Zakat MAIWP secara hibrid di Dewan Serbaguna JANM dan secara dalam talian melalui *live streaming* pada 18 Oktober 2021.

Program ini telah dirasmikan oleh YBrs. Encik Sadikin bin Aton, Timbalan Akauntan Negara (Korporat) manakala ceramah bertajuk “Mencintai Rasulullah” telah disampaikan oleh Al-Fadhil Ustaz Syaari bin Ab. Rahman. Seramai lebih 200 orang peserta telah menyertai program ini sama ada hadir secara bersemuka di dewan mahupun mengikutinya secara dalam talian.

Sesi Latihan Pendakian Gunung Kinabalu

Program latihan ini dibuat untuk meningkatkan tahap kecerdasan fizikal dan mental peserta. Latihan ini diadakan dua (2) kali seminggu bermula jam 5.30 petang bertempat di Taman Wawasan dan juga Laman Bunga Raya berdekatan bangunan JANM.



Para Peserta Cabaran Mendaki Gunung Kinabalu 2022

AHLI JAWATANKUASA



AHLI JAWATANKUASA LAPORAN AKTIVITI JANM 2021

Penaung	: YBhg. Datuk Dr. Yacob bin Mustafa Akauntan Negara Malaysia	
Penasihat	: YBrs. Tuan Haji Rozaimi bin Idris Timbalan Akauntan Negara (Korporat)	
Pengerusi	: YBrs. Tuan Haji Zaharin bin Othman Pengarah Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan	
Ahli Jawatankuasa	: Puan Noor Azlina binti Che Jian : Puan Nurul Azida binti Abdul Rahman : Puan Naharriah binti Mohamed : Encik Mohamad Fareez bin Abd Wahab : Puan Fauziah binti Abdullah : Puan Mardhiah binti Abdul Talip : Puan Nurulhuda binti Hamzah : Cik Nurfatin Aida binti Zainal : Puan Nur Yana Zulaikha binti Abu Hanifah : Puan Roziwaty binti Junaidi : Puan Nurul Shafawati binti Muhammad Yusoff : Cik Varalaksmy a/p Gangan : Puan Nor Sakilawati binti Abd Wahab : Puan Nur Fazreen Adlyna binti Rushli : Encik Noor Zuraimie bin Raiman : Puan Emilia binti A. Rahman : Encik Noramin bin Juminen : Puan Tun Noor Adillah binti Mohammed Sohami : Puan Nurhidayah binti Mazlan : Encik Muhammad Naszman bin Bukhari : Puan Putri Nur Aslina binti Tengku Khariman : Puan Ramsuhaida binti Ramli : Puan Siti Mariam binti Mat Noh : Puan Nur Aisyah Aleya binti Abdullah Peter Legi : Puan Noor Azlina binti Che Jian : Puan Nurul Sharain binti Kamarudin : Puan Nor Ziana binti Awang	(Wakil SPKP, BPPP) (Wakil SPKP, BPPP) (Wakil SPPS, BPPP) (Wakil SPPS, BPPP) (Wakil SKPSM, BPPP) (Wakil SKPSM, BPPP) (Wakil SKPSM, BPPP) (Wakil SKPSM, BPPP) (Wakil BPOPA) (Wakil BWTD) (Wakil PPPA) (Wakil BPOPP) (Wakil BPTM) (Wakil BKP) (Wakil BPAD) (Wakil BA MOF) (Wakil IPN) (Wakil UI) (Wakil UU) (Wakil PSA) (Wakil PERPENA) (Wakil PERBAKTI) (Wakil PUSPANITA) (Wakil JHEAIN) (Wakil BERKAT) (Wakil KESAN) (Wakil AKRAB)
Editor	: Encik Zainuddin bin Manaf : Cik Norfaezah binti Amad Bistomam : Puan Nur Amirah binti Mohamed Pekri : Cik Syahadah binti Mohd Ali : Cik Hajar binti Abd Razak : Puan Thohirah binti Abdul Rahman : Cik Nur Aqilah binti Yahya : Encik Muhammad Radzi bin Che Ahmad : Encik Hishamudin bin Mohamad Azid : Encik Amirul Hakim bin Adlin	

PENGHARGAAN

Pengerusi dan semua Ahli Jawatankuasa Laporan Aktiviti 2021 Jabatan Akauntan Negara Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam menyumbangkan masa, idea dan tenaga dalam penerbitan Laporan Aktiviti 2021 ini.



NOTA



Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 1, Persiaran Perdana, Presint 2
62594 Putrajaya.

Tel : 03 - 8882 1000
Faks : 03 - 8889 5821
www.anm.gov.my

